www.batmalaysia.com

**British American Tobacco (Malaysia) Berhad** (4372-M)
Virginia Park, Jalan Universiti, 46200 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia
Tel: +60(3) 7491 7100 Faks: +60(3) 7955 8416

BRITISH AMERICAN TOBACCO MALAYSIA

Laporan Tahunan **2008**

British American Tobacco (Malaysia) Berhad (4372-M)

Laporan Tahunan
2 0 0 8

# menjangkau
2 0 0 8

memesat
2 0 0 7

memaju
2 0 0 6

BRITISH AMERICAN TOBACCO MALAYSIA

# MERENTASI

## KANDUNGAN

2 Ulasan Pengerusi 6 Ulasan Pengarah Urusan

**PRESTASI**
12 Ulasan Pengarah Kewangan 18 Soroton Kewangan Lima Tahun 19 Prestasi Kumpulan Lima Tahun
20 Prestasi Saham dan Kalendar Kewangan 21 Prestasi Suku Tahunan 22 Profil Korporat
23 British American Tobacco Malaysia di dalam Berita 24 Anugerah dan Pengiktirafan 26 Acara Korporat 2008

**KEPIMPINAN**
30 Maklumat Korporat 31 Struktur Korporat 32 Profil Lembaga Pengarah 38 Profil Kumpulan Pengurusan Kanan

**PERTUMBUHAN**
44 Menjangkau Kejayaan Jenama Utama Global 48 Pemasaran Dagangan dan Pengedaran

**PRODUKTIVITI**
52 Menjangkau Kecekapan Produktiviti 53 Penambahbaikan Berterusan

**TANGGUNGJAWAB**
58 Menggalakkan Tanggungjawab Menjangkau Sempadan Tradisi 66 Piawaian Perlakuan Perniagaan
67 Penyata Tadbir Urus Korporat 91 Penyata Kawalan Dalaman 93 Laporan Jawatankuasa Audit
97 Laporan Pengurusan Risiko Korporat

**ORGANISASI CEMERLANG**
102 Membina Organisasi Cemerlang Menjangkau Tanda Aras Pasaran 106 Tenaga Kerja Kami di Merata Dunia
107 Peluang Bernilai Menimba Pengalaman

108 PENYATA KEWANGAN

**LAIN-LAIN MAKLUMAT**
168 Analisis Pegangan Saham 171 Butir-butir Hartanah 172 Panduan Korporat
173 Notis Mesyuarat Agung Tahunan 176 Penyata Mengiringi Notis Mesyuarat Agung Tahunan
183 Butiran Pentadbiran Mesyuarat Agung Tahunan British American Tobacco Malaysia yang Ke-48

• Borang Proksi




## WAWASAN KAMI

Kami turut berkongsi wawasan dengan British American Tobacco p.l.c yang tekad untuk menerajui industri tembakau global bagi mewujudkan nilai pemegang saham jangka panjang.

Menerajui bukan penghujungnya, malah sesebuah syarikat yang meneraju dalam industrinya merupakan rakan kongsi keutamaan pihak berkepentingan utama dan dilihat sebagai mempunyai perniagaan yang mapan, akan lebih dinilai.

Kami mentakrif meneraju dari segi kuantiti dan kualiti. Berkaitan kuantiti, kami berusaha mendahului pesaing dari segi jumlah dan dalam jangka masa lebih panjang, peneraju nilai.

Walau bagaimanapun, langkah-langkah tegas berkaitan kauntiti sekalipun tidak dapat menangani perkara-perkara yang perlu dilaksana Syarikat. Sebaliknya, kami melihatnya untuk jangka masa panjang, menumpu kepada kualiti perniagaan kami dan bagaimana kami beroperasi. Hasilnya, dari segi kualiti, kami mahu diiktiraf sebagai peneraju industri dan rakan kongsi pilihan utama pihak berkepentingan yang kami hargai. Kami akan melaksanakannya dengan penampilan berterusan sebagai Syarikat tembakau yang bertanggungjawab, mempunyai perniagaan yang mapan, dan warga kerjanya yang terulung.

Dalam merealisasikan wawasan kami, strategi kami untuk mewujudkan nilai pemegang mempunyai empat unsur yang mana seluruh usaha kami berkisar padanya – Pertumbuhan, Produktiviti, Tanggungjawab dan Organisasi Cemerlang.



## USUL KULIT MUKA DEPAN

Kulit muka depan tahun ini menggambarkan bagaimana British American Tobacco Malaysia telah memulakan satu permulaan perubahan yang didahului dengan mula-mulanya "Memaju" pada 2006, kemudian dipercepatkan penambahbaikan untuk "Memesat" perniagaan pada 2007 yang memecut Syarikat merentasi sempadan dengan bergerak menjangkaui matlamat dan aspirasi untuk mencapai perniagaan mapan. Halaman berikutnya dalam Laporan Tahunan ini memaparkan liputan detik-detik permulaan pencapaian kami sehingga keperingkat kami kini.



Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) **ke-48**
British American Tobacco (Malaysia) Berhad

akan diadakan di Kristal Ballroom, Hilton Petaling Jaya,
No. 2, Jalan Barat, 46200 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan
pada hari Isnin, 20 April 2009 pada pukul 11.00 pagi.

**Kaunter Bantuan AGM:** Cik Lee Kar Ling
Tel: +60 (3)7491 7313 Faks: +60 (3)7491 3772
Emel: Lee_Kar_Ling@bat.com

# SEMPADAN

## SOROTON BAGI TAHUN

| | | Tahun Berakhir 31.12.08 RM juta | Tahun Berakhir 31.12.07 RM juta | Pertambahan/ (Pengurangan) % |
|---|---|---|---|---|
| Hasil | | 4,135 | 3,831 | 8 |
| Keuntungan Sebelum Cukai | | 1,081 | 1,003 | 8 |
| Keuntungan bersih bagi Tahun Kewangan | | 812 | 732 | 11 |
| Dana Pemegang Saham | | 407 | 346 | 18 |
| Pulangan Bersih dari Dana Pemegang Saham | (%) | 199.5 | 211.6 | (6) |
| Perolehan Bersih Sesaham | (sen) | 284.3 | 256.3 | 11 |
| Dividen Interim, Akhir dan Bersih Sesaham | (sen) | 265.0 | 256.5 | 3 |

- Jenama Utama Global terus melonjak menguasai 51.6% pasaran pada 2008
- DUNHILL mencapai pertumbuhan mengagumkan dengan menguasai 41.5% pasaran
- PALL MALL meningkatkan penguasaan pasarannya kepada 8.3%
- Kejayaan pelancaran semula KENT untuk pertumbuhan masa depan
- Pemasaran Perdagangan dan Pengedaran mencapai mercu tanda baru
- Kejayaan mencapai penjimatan produktiviti ketara sebanyak RM44.8 juta pada 2008
- Keuntungan sebelum cukai meningkat sebanyak 8% berbanding tahun sebelumnya

# ULASAN PENGERUSI

Tan Sri Abu Talib bin Othman

## Para Pemegang Saham Yang Saya Hargai,

Saya bagi pihak Lembaga Pengarah British American Tobacco Malaysia, dengan bangganya membentangkan Laporan Tahunan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2008.



## PRESTASI KEWANGAN

Selepas berjaya mencatatkan prestasi memberangsangkan pada tahun sebelumnya, Kumpulan telah sekali lagi berjaya menampilkan pencapaian yang lebih baik pada tahun kewangan semasa. Walaupun beroperasi di persekitaran yang mencabar dan sukar, namun Kumpulan mampu menghasilkan prestasi membanggakan. Justeru, dengan sukacitanya saya ingin berkongsi pencapaian tahun ini seperti berikut:

- perolehan meningkat sebanyak 8% kepada RM4.1 bilion berbanding tahun kewangan sebelumnya
- keuntungan bersih sebanyak RM812 juta merupakan peningkatan 11% berbanding 2007
- pada tahun yang ditinjau, Lembaga Pengarah mengesyorkan dividen akhir bersih sebanyak 76.00 sen sesaham menjadikan jumlah dividen bersih yang dibayar pada 2008 sebanyak 265.00 sen sesaham, pertambahan 3% berbanding 2007

## KEDUDUKAN PASARAN PADA TAHUN 2008

Dalam suasana global yang diselubungi krisis ekonomi dan keadaan yang tidak menentu, Kumpulan mengambil langkah untuk terus menambah usaha dalam mengekalkan prestasi sebagai peneraju pasaran dan menyampaikan nilai pemegang saham jangkamasa panjang dengan mengendalikan perniagaannya secara bertanggungjawab.

Jumlah perdagangan industri 2008 terus digugat oleh dagangan rokok haram. Dagangan rokok haram yang meningkat ditokok lagi dengan kenaikan ketara duti eksais sebanyak 20% pada 2008 yang mengakibatkan perbezaan harga yang ketara antara rokok haram dan rokok sah. Statistik 2008 menunjukkan bahawa rokok haram menguasai secara purata 25.6% daripada jumlah pasaran rokok di negara ini.

Kelemahan ekonomi yang mula dirasai pada suku akhir 2008 telah menunjukkan tanda-tanda awal bahawa pengguna mula mengambil sikap berhati-hati dalam perbelanjaan mereka. Justeru, pengguna yang memilih untuk terus merokok berkemungkinan akan bertindak membeli rokok alternatif yang lebih murah, seperti rokok haram.

## KEPIMPINAN YANG BERTANGGUNGJAWAB

Atas tuntutan keadaan masakini terutamanya berdasarkan sifat industri ini, British American Tobacco sentiasa mengambil pendekatan yang amat teliti dalam mengendalikan perniagaannya supaya menepati taraf perlakuan dan kewibawaan yang tinggi. Justeru, kami sentiasa menampilkan perlakuan warga korporat yang bertanggungjawab dalam seluruh aspek operasi kami. Reputasi kami sama pentingnya dengan kecemerlangan jenama kami dan kami berpendapat pertumbuhan dan produktiviti tidak harus tercapai dengan mengabaikan tanggungjawab korporat.

Pada 2008, Kumpulan terus memantapkan inisiatif tadbir urus korporat dan tanggungjawab korporatnya selaras dengan dasar rangka kerja berhubung tempat kerja, masyarakat, alam sekitar dan tempat pasaran. Baik dalam pengurusan rekod mahupun dalam pengendalian program sukarela kakitangan hingga ke penganjuran kempen memerangi dagangan tidak sah, semua kakitangan turut terlibat dalam pelbagai cara untuk melaksanakan semua inisiatif tersebut.

Sebagai warga korporat yang bertanggungjawab, kami komited untuk meneraju secara bertanggungjawab sambil menambah nilai kepada masyarakat di mana kami beroperasi. Yang paling ketara, usaha persekitaran Kumpulan melalui program penghutanan semulanya yang telah melepasi sasaran positif karbon 2015 sebelumnya kepada perniagaan positif karbon sehingga 2024.

Kesungguhan hasrat kami meneraju dengan bertanggungjawab sepanjang 2008 telah mendapat pengiktirafan pihak luar yang amat membanggakan Kumpulan. Pengiktirafan tersebut antara lain termasuk Anugerah Barometer CSR Perniagaan Asia dan Anugerah Laporan Korporat Tahunan Kebangsaan.

## TAHUN HADAPAN

Berbekalkan inisiatif Pertumbuhan dan Produktiviti yang digabung dengan strategi Tanggungjawab dan Organisasi Cemerlang, Kumpulan kini berada di landasan yang lebih mantap untuk menyuburkan lagi penerajuannya dalam pasaran. Memandangkan pertumbuhan ekonomi dijangka susut sepanjang tahun dan dagangan rokok haram yang semakin berleluasa, tahun hadapan merupakan agak mencabar bagi Kumpulan, namun turut juga memberi peluang kepada Kumpulan untuk menampilkan sinergi yang tersirat di seluruh operasi perniagaannya dengan lebih menonjol – daripada warga kerjanya, produk dan perkhidmatannya, kepada kemahiran pengurusan profesional dan kepakaran kewangannya. Kepelbagaian sumber dan bakat dalam Kumpulan merupakan asas kekuatan terbaik Kumpulan bagi menangani pelbagai cabaran di persekitaran yang semakin dinamik.

Kumpulan juga perlu mengambil langkah berhemat dan menerjah ke hadapan sebagai daya peneraju dalam industri bagi mencapai matlamat perniagaan Kumpulan.

Pada tahun ini, kami menumpukan sepenuh perhatian untuk meneguhkan lagi asas yang kukuh yang telah dipupuk sejak dahulu lagi. Kini, berdiri tegak sebuah organisasi yang memiliki rekod pencapaian prestasi yang terbukti dan tahap kewibawaan yang kukuh berdasarkan penghargaan dan reputasi Kumpulan yang disanjung tinggi oleh masyarakat pelabur.

Operasi dan warga kerja Kumpulan kental dalam menempuh ujian kemelesetan ekonomi dan mampu mempamerkan prestasi yang konsisten untuk mewujudkan nilai pemegang saham. Kami dapat melihat hasil pengemblengan usaha menerusi strategi yang kami laksanakan dan modal yang dilabur untuk penumbuhan organisasi kami ke kedudukannya sehingga kini. Berbekalkan keutuhan dan semangat yang tersemai dalam Kumpulan, kami yakin dapat menempuh pelbagai cabaran getir yang bakal melanda.

## PERUBAHAN KEPIMPINAN UTAMA

Pada April 2008, Pengarah Kewangan, Encik James Clark dan pada November 2008, Pengarah Sumber Manusia, Cik Anna Dolgikh berpindah menyandang jawatan baru dalam Kumpulan British American Tobacco.

Saya bagi pihak Kumpulan ingin mengucapkan setinggi penghargaan kepada Encik Clark dan Cik Dolgikh atas sumbangan mereka dan berharap semoga mereka maju jaya dalam jawatan baru mereka masing-masing.

Saya dengan sukacitanya mengalu-alukan kedatangan Encik Stephen Rush ke lembaga pengarah selaku Pengarah Kewangan. Encik Rush yang berasal daripada Australia menimba pengalaman luas daripada tugasan di beberapa pasaran British American Tobacco dan saya yakin bahawa beliau akan dapat meneruskan kecemerlangan tugas yang dikendalikan oleh Encik Clark dahulu.

Saya juga dengan sukacitanya mengalu-alukan kedatangan Cik Cheryl Wong yang menyandang jawatan Pengarah Sumber Manusia. Cik Wong, warganegara Malaysia, pernah ditugaskan ke beberapa pasaran lain selama beberapa tahun sebelum kembali untuk menyandang jawatan ini yang akan membawanya ke tahap lebih tinggi. Saya harap dapat bekerja rapat dengan Encik Rush dan Cik Wong.

## PELANTIKAN BARU

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengalu-alukan pelantikan dua Pengarah baru, Dato' Ahmad Johari bin Tun Abdul Razak dan Encik William Toh Ah Wah. Dato' Ahmad Johari merupakan seorang tokoh peguam dan pengarah beberapa syarikat. Encik Toh adalah salah seorang pengurus kanan dalam Syarikat. Saya bagi pihak Kumpulan ingin mengucapkan penghargaan kami kepada kedua-dua mereka atas persetujuan menerima jawatan tersebut.

## PENGHARGAAN

Kejayaan Kumpulan banyak bergantung kepada kemahiran pasukan pengurusan yang diterajui oleh Pengarah Urusannya, Encik Jack Bowles, yang tekun bekerja dengan berkewibawaan dan profesionalisma. Saya ingin menyampaikan setinggi penghargaan Kumpulan atas dedikasi dan sumbangan mereka.

Kepada para pemegang saham, pelanggan yang dihargai, pengedar, pelabur dan rakan kongsi perniagaan, ucapan penghargaan setulus ikhlas saya tujukan kepada anda sekalian atas sokongan dan sumbangan berterusan anda terhadap pencapaian cemerlang kami untuk 2008. Ucapan terima kasih ini juga saya tujukan kepada rakan sekerja Lembaga Pengarah atas nasihat dan sokongan mereka.



**PENGERUSI**

Tan Sri Abu Talib bin Othman

# ULASAN PENGARAH URUSAN

Jack Marie Henry David Bowles

"British American Tobacco Malaysia beriltizam untuk membina sebuah perniagaan mapan dengan menangani kesan utama perniagaan berkaitan dengan isu sosial, alam sekitar dan ekonomi dengan cara yang mampu membina nilai pemegang kepentingan dan pemegang saham"

## MENJANGKAU KETERAJUAN

Laporan Tahunan 2006 kami bertemakan "Memaju" yang mana kepantasan pelaksanaan amalan terbaik Kumpulan berjaya menjana tahap keberkesanan yang lebih tinggi. Mara ke 2007, Kumpulan menekan usahanya untuk "Memesat" perniagaannya dengan mengubah cabaran kepada peluang. Pada 2008, British American Tobacco Malaysia sekali lagi mengukuhkan kedudukannya di tampuk industri tembakau Malaysia walaupun diselubungi persekitaran yang kian mencabar, dengan mara menjangkau jangkamasa pendek dan merangka strategi jangka panjang untuk terus menjadi sebuah perniagaan mapan.

Laporan Tahunan ini memaparkan pencapaian kami dan rancangan kami untuk memacu Syarikat ke kemuncak kejayaan menerusi imperatif strategik kami iaitu Pertumbuhan, Produktiviti, Tanggungjawab dan Organisasi Cemerlang.

## UKURAN PENCAPAIAN 2008: MENJANGKAU PERTUMBUHAN

Tahun 2008 menyaksikan duti eksais rokok meningkat lagi dengan ketara sebanyak 20% dan juga merupakan tahun kegiatan perdagangan haram yang kian berleluasa. Walaupun bilangan rampasan banyak dilakukan menerusi usaha berlipatganda agensi-agensi penguatkuasa, namun rokok haram masih berada di paras yang amat tinggi. Kini, satu daripada empat rokok yang dijual di Malaysia merupakan rokok haram. Gejala ini, diiringi pula dengan permulaan kegawatan ekonomi global yang memberi kesan kepada kuasa berbelanja, menyumbang kepada kelarutan kemerosotan volum tembakau sah.

Walaupun berhadapan dengan cabaran, namun dengan memanfaatkan strategi portfolio yang mampat dan diperhebatkan bagi memesatkan pembangunan ekuiti jenama, beberapa Jenama Utama Global kami iaitu DUNHILL, KENT dan PALL MALL berjaya mencatat pencapaian yang menakjubkan dengan keuntungan yang menjangkau 2007.





DUNHILL mengukuhkan kedudukannya sebagai jenama kesukaan ramai di Malaysia menguasai 41.5% jumlah pasaran rokok dan 60.1% penguasaan dalam segmen premium. DUNHILL Lights dan Menthol mencatatkan pertumbuhan ketara sebanyak kira-kira 18%. Syarikat akan terus memberi tumpuan untuk melabur sumbernya bagi mengembangkan kedudukan Nombor 1 Jenama Utama Global.

2008 menyaksikan KENT menempuhi satu pelancaran semula sepenuhnya melalui penggabungannya dengan PETER STUYVESANT dan pelancaran beberapa rekabentuk baru bagi segmen Lights dan Mentholnya. Hasilnya, KENT telah berjaya meningkatkan penguasaan pasarannya daripada 0.9% kepada 1.4% dan memantapkan kedudukannya untuk berkembang.

PALL MALL terus mencatat pertumbuhan yang semakin teguh dengan satu lagi pencapaian cemerlang untuk meningkatkan penguasaan pasarannya kepada 8.3%. Penggabungan PERILLY'S dan PALL MALL pada akhir 2008 akan mengukuhkan lagi prestasi PALL MALL dalam segmen nilai untuk wang.

Menerusi Pemasaran Dagangan dan Pengedaran, pasukan jualan mara mencatat pertumbuhan penguasaan pasaran dalam segmen hotel, restoran dan kafe (HoReCa) serta saluran serbaneka dengan menumpukan kepada aspek-aspek rangkaian pengedaran, tenaga kerja, proses dan sistem. Langkah meningkatkan kawalan langsung kami dalam pengedaran, peningkatan kemahiran pakar jualan, program Kecemerlangan Pengedar Eksklusif, skim insentif kebangsaan dan penyatuan berterusan SWIFT dalam pemasaran perdagangan dan pengurusan pengedaran telah menyumbang kepada keupayaan Syarikat mencapai prestasi konsisten dalam keadaan pasaran yang dinamik.

## MENJANGKAU PRODUKTIVITI

Operasi British American Tobacco Malaysia terus mencatatkan kemajuan ketara selaras dengan pelan induk peningkatan produktiviti Breakthrough 3 yang bermula pada tahun sebelumnya bertujuan memastikan keutamaan diterapkan dalam kualiti, penghantaran dan keberkesanan kos.

Sepanjang 2008, melalui berbagai inisiatif di bawah program Breakthrough 3 telah membantu Syarikat menambah volum eksport sebanyak 39%, mengurangkan kos pengilangan setiap batang rokok sebanyak 5% dan meningkatkan produktiviti sebanyak 30%.

Program Penambahbaikan Berterusan CI-Kaizen yang dilaksanakan pada penghujung 2008 mencapai peningkatan tertinggi dengan penyertaan 100% kakitangan yang mana setiap kakitangan Operasi menyumbang dan melaksanakan sekurang-kurangnya satu inisiatif CI-Kaizen, menghasilkan jumlah 2,600 inisiatif CI-Kaizen berjaya disempurnakan sejak pelancaran program pada 2006.

Kami juga mewujudkan Portal Pengurusan Pesanan yang dikenali sebagai Quatro+ bertujuan untuk membolehkan rakan niaga kami memperoleh maklumat pesanan mereka tanpa masalah. Dalam ruang teknologi maklumat (IT), Syarikat melaksanakan Sistem Pesanan dan Bekalan Daun Global bagi merancang permintaan, pemerolehan dan penghantaran daun tembakau dirancang. Kami juga mengadakan bengkel dengan rakan niaga dan pembekal kami dengan tujuan mempercekapkan sistem penyampaian IT dalam persekitaran yang sentiasa berubah.

## MENJANGKAU TANGGUNGJAWAB

Di suasana dunia global yang pesat berubah, banyak perniagaan perlu mengkaji tanggapan mereka yang telah kian lama terhadap tanggungjawab dan mendapati bahawa para pengguna, penguatkuasa peraturan, pemegang saham, kakitangan dan pihak berkepentingan mengharapkan sesuatu daripada mereka dari segi kebertanggungjawaban dan sumbangan kepada masyarakat. Jika anda merumuskan harapan ini dengan produk kontroversi kami – anda akan mendapat gabungan yang amat berkesan.

Walau bagaimanapun, kami penuh percaya bahawa memang amat wajar bagi kami beroperasi secara bertanggungjawab untuk mewujudkan perniagaan mapan dengan menangani impak utama perniagaan berkaitan dengan sosial, alam sekitar dan ekonomi yang secara tidak langsung menaikkan nilai pihak berkepentingan dan pemegang saham lantas mempertingkatkan kelestarian perdagangan.

Saya sukacita melaporkan bahawa kami telah melancarkan Laporan Sosial 2006-2008 pada tahun ini yang membutirkan inisiatif tanggungjawab korporat Syarikat untuk dua tahun yang lepas. Untuk memahami lebih lanjut, sila layari laman web korporat kami di www.batmalaysia.com untuk memuat turun laporan penuh.

Pada 2008, sepertimana yang anda boleh dapati dalam laporan ini, Yayasan British American Tobacco menjalankan pelbagai inisiatif bertujuan meringankan kebebanan, kesakitan dan penderitaan dan memupuk, membangun dan menambahbaik taraf pendidikan. Yayasan ini menyediakan bantuan kewangan untuk pengajian tinggi kepada kakitangan, anak-anak kakitangan dan anak-anak peruncit serta penanam tembakau. Sehingga kini, Yayasan telah membiayai lebih 2,000 pelajar berumur 18 tahun ke atas. Kakitangan turut terlibat meluangkan masa serta wang secara sukarela untuk menyumbang kepada mereka yang kurang bernasib baik dalam masyarakat.

Tahun ini turut menyaksikan pelancaran inisiatif yang membanggakan iaitu program Borneo yang mana para sukarelawan daripada Syarikat membabit dalam usaha memperluaskan penanaman pokok di Hutan Simpan Malua Sabah.

Laporan ini turut memuatkan usaha berterusan Syarikat mengendalikan perniagaannya secara bertanggungjawab melalui amalan terbaik cadangan-cadangan piawaian antarabangsa, Program Pementoran Alam Sekitar, Kesihatan dan Keselamatan dan amalan alam sekitar terbaik. Syarikat juga terus melibatkan pelbagai pihak berkepentingannya dalam sesi dialog mengenai pelbagai isu dalam tempat pasaran dan tempat kerja kami.

Saya berasa sukacita untuk mengumumkan bahawa Syarikat telah menerima penarafan yang memuaskan daripada audit antarabangsa dalaman yang membuktikan bagaimana kami mengendalikan perniagaan dengan bertanggungjawab. Di peringkat luaran, kami turut menerima pelbagai pengiktirafan bagi tadbir urus korporat seperti anugerah Kaji Selidik Tadbir Urus Korporat 2008 daripada Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad (MSWG) dan *Nottingham University Business School.*

## MENJANGKAU ORGANISASI CEMERLANG

Sepanjang 2008, British American Tobacco Malaysia menempuh satu langkah penggubahan mensasarkan Syarikat menjadi Majikan Terbaik di negara ini. Kami percaya sesebuah organisasi yang baik terdiri mempunyai tenaga kerja yang sehebat dan dengan itu, Syarikat beriltizam untuk melabur dalam pengambilan, latihan dan pengekalan bakat terbaik di Malaysia.

Kaji selidik kakitangan Suara Anda 2007 menghuraikan banyak lagi perkara yang kami boleh lakukan untuk tenaga kerja kami dan dengan demikian, pelbagai inisiatif inovatif dianjurkan bagi menanganinya. Hasilnya, keputusan Suara Anda 2008 yang mencatatkan kadar penyertaan 100% mengunjurkan bahawa Syarikat telah mencatatkan kemajuan ketara berkaitan penerajuan yang strategik dan pembangunan bakat.

Fokus utama Syarikat pada 2008 adalah dalam hal ganjaran kakitangan. Kami melaksanakan beberapa program strategik untuk menambahbaik ganjaran berasaskan kepada prestasi, program manfaat yang lebih menarik dan menghebahkan struktur ganjaran serta manfaat baru ini kepada semua kakitangan. Contoh anugerah prestasi cemerlang termasuk anugerah Bravo, Everest 3 dan Battlefield untuk kakitangan yang mempamerkan sumbangan penting terhadap kejayaan strategi perniagaan dan organisasi Syarikat.

Dari segi pembangunan bakat, Syarikat telah melabur sebanyak 3.85% daripada penggajiannya untuk program pembelajaran dan pembangunan yang menjangkaui syarikat-syarikat yang ditanda aras sebagai Majikan Terbaik oleh American Society of Training and Development (ASTD) sebanyak 3%. Selain itu, dua program pembangunan kakitangan baru telah dilancarkan pada 2008-Akademi Capai Kecemerlangan Berterusan dan Akademi Kepimpinan dan Pengurusan INSEAD.

Juga pada 2008, Kelab Sukan British American Tobacco Malaysia menganjurkan pelbagai acara dan aktiviti sebagai sokongan terhadap komitmen kami yang menggalakkan keseimbangan kerja dan kehidupan yang lebih baik untuk semua kakitangan. Kami juga saling berhubungan dengan kakitangan menerusi platform cetak, dalam talian dan komunikasi bersemuka untuk melengkapkan mereka dengan penerangan yang jelas mengenai hala tuju strategik Syarikat dan memaklumkan kakitangan mengenai yang terkini, isu perniagaan, cabaran dan perubahan.

## KESIMPULAN DAN JANGKAUANNYA

Walaupun berhadapan dengan pelbagai rintangan pada tahun ini, namun British American Tobacco Malaysia berjaya muncul lebih teguh kerana kami beriltizam untuk menjadi sebuah perniagaan mapan yang membangun menerusi fokus strategik kami untuk menjana Pertumbuhan, meningkatkan Produktiviti, mengendalikan perniagaan secara Bertanggungjawab dan membina Organisasi Cemerlang.

Ini merupakan tahun kami memberi tumpuan kepada asas untuk memperkukuhkan penyampaian kami, meneruskan pembangunan jenama dan peningkatan produktiviti dengan pematuhan teguh kepada tadbir urus yang sewajarnya. Kami juga telah melaksana melebihi jangkauan dalam inisiatif tanggungjawab kami dan penggesaan manfaat kakitangan kami. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada warga kerja kami atas dedikasi dan pencapaian mereka pada 2008.

Mara ke hadapan memasuki 2009, Syarikat menjangka lebih banyak cabaran yang sedang menanti. Walau bagaimanapun, dengan keunggulan landasan jenama utama kami yang semakin kukuh dan penggiatan semula organisasi bagi menangani sebarang isu yang mungkin menimbulkan cabaran kepada perniagaan kami, namun saya tetap yakin bahawa British American Tobacco Malaysia akan terus mampu menampilkan prestasi yang melangkaui cabaran ini dan memantapkan penerajuan kami dalam industri tembakau Malaysia.

**PENGARAH URUSAN**
Jack Bowles


keteguhan
PIMPINAN
PRODUKTIVITI
PERTUMBUHAN
TANGGUNGJAWAB
ORGANISASI CEMERLANG



# prestasi

Kami telah mencapai prestasi yang menjangkau dinamik pasaran yang mencabar dengan menumpukan fokus kami kepada Pertumbuhan, Produktiviti, Tanggungjawab dan Organisasi Cemerlang.

# ULASAN
# PENGARAH KEWANGAN

Stephen James Rush

## "2008 merupakan tahun yang gemilang buat British American Tobacco Malaysia, mencatatkan mercu tanda baru yang mengagumkan dengan peningkatan 11% keuntungan selepas cukai"

2008 merupakan satu lagi tahun gemilang buat British American Tobacco Malaysia kerana Kumpulan berjaya mencatat mercu tanda baru dan mencapai pertumbuhan keuntungan yang teguh. Perolehan tahun ini melebihi paras RM4 bilion dan mencatatkan pertumbuhan sebanyak 8% berbanding tahun 2007, sementara keuntungan selepas cukai menunjukkan peningkatan yang mengagumkan ke paras 11% satu pencapaian tertinggi sebanyak RM812 juta. Kumpulan berjaya mengekalkan kedudukannya yang menerajui pasaran di kalangan pengilang rokok (*Big 3*). Walaupun volum industri di kalangan pengilang rokok (*Big 3*) secara keseluruhan susut sebanyak 1.5%, namun Kumpulan masih mampu mencatatkan pertumbuhan bagi Jenama Utama Globalnya. Kejayaan ini hasil daripada prestasi cemerlang DUNHILL, PALL MALL dan KENT yang kini menguasai 51.6% daripada keseluruhan pasaran.

Pencapaian cemerlang ini dihasilkan dalam suasana yang amat mencabar. Kenaikan harga bahan api dan kadar inflasi pada tempoh setengah tahun pertama 2008 telah menjejaskan pendapatan boleh belanja pengguna. Ini diikuti dengan kenaikan ketara cukai eksais sebanyak 20% pada bulan September 2008 mengakibatkan satu lagi kenaikan harga dorongan cukai yang melembabkan lagi jualan rokok sah dalam industri serta merangsang pertumbuhan perdagangan haram serta segmen rokok harga murah (ELPC). Berasaskan keputusan kaji selidik atas penyeludupan dan perdagangan tidak sah oleh Gabungan Pengilang Tembakau Rokok Malaysia, perdagangan haram telah semakin berkembang dan kini angka purata telah mencecah 25.6% daripada keseluruhan jualan rokok, rekod paling tinggi sepanjang dekad ini. Pada suku akhir tahun ini, Kumpulan telah menjalankan aktiviti pemberian diskaun secara besar-besaran bagi melindungi kedudukannya menerajui pasaran.

Selaras dengan komitmennya yang tidak berganjak daripada memaksimum dan menyampaikan nilai pemegang saham jangka panjang, Kumpulan terus menumpu memercu pertumbuhan melalui pelaburan berterusan di sebalik Jenama Utama Global dengan memanfaatkan keteguhan pemasaran dagangan dan keupayaan pengedaran kami. Langkah ini telah membantu membina Kumpulan menjadi sebuah organisasi cemerlang yang mampu memupuk serta menggiatkan bakat kami serta mendorong pencapaian produktiviti dalaman di segenap rantaian bekalan. Program produktiviti Kumpulan yang mencatat kejayaan besar iaitu "Breakthrough" berjaya menjana penjimatan besar yang membantu mengukuhkan kelebihan saingan Kumpulan. Semua inisiatif strategik ini telah menghasilkan keputusan yang mengagumkan pada 2008 dan meletakkan kami di kedudukan yang teguh bagi menghadapi pelbagai cabaran masa depan.

**Penjimatan Produktiviti 2004 hingga 2008**





# PRESTASI KEWANGAN YANG KUKUH PADA 2008

## PENYATA PENDAPATAN DISATUKAN (PETIKAN)

| | **12 bulan 2008 RM juta** | 12 bulan 2007 RM juta | Tambahan/ (kurangan) % |
|---|---|---|---|
| Hasil | **4,135** | 3,831 | 8 |
| Keuntungan kasar | **1,670** | 1,568 | 7 |
| Perbelanjaan Operasi | **(574)** | (530) | 8 |
| Keuntungan daripada operasi | **1,109** | 1,049 | 6 |
| Keuntungan daripada aktiviti biasa sebelum cukai | **1,081** | 1,003 | 8 |
| Cukai | **(269)** | (271) | (1) |
| Keuntungan bersih bagi tahun kewangan | **812** | 732 | 11 |
| Pendapatan bersih sesaham – asas dan cair (sen) | **284.3** | 256.3 | 11 |
| Dividen interim dan akhir bersih sesaham (sen) | **265.0** | 256.5 | 3 |
| | **%** | % | titik % |
| Margin keuntungan operasi | **27** | 27 | — |
| Keuntungan sebelum cukai / Hasil | **26** | 26 | — |
| Keuntungan selepas cukai / Hasil | **20** | 19 | 3 |

Kumpulan telah meneruskan momentumnya dan mencatatkan satu lagi tahun yang menampilkan prestasi kewangan yang kukuh. Hasil meningkat sebanyak 8% berbanding pencapaian pada 2007 berikutan penetapan harga lebih tinggi dan gabungan jualan, dan sebahagiannya diimbangi oleh penyusutan volum domestik.

Peningkatan perbelanjaan operasi sebanyak 8% akibat daripada:

- pertambahan pelaburan pemasaran di sebalik Jenama Utama Global terutamanya berikutan aktiviti perpindahan yang dilakukan untuk mengukuh portfolio Jenama Utama Global serta pengurangan pergantungan kepada jenama yang menghampiri penghujungnya;
- kos pelaksanaan berkaitan pelancaran Amaran Kesihatan Grafik di semua bungkusan rokok mulai 2009;
- kos pengendalian sepanjang tahun yang lebih tinggi untuk meluaskan liputan Jualan Kedai Langsung; dan
- kos pelunasan yang lebih tinggi untuk hartanah, loji dan peralatan.

Sebahagiannya ini diimbangi oleh peningkatan laba produktiviti seluruh organisasi.

Kumpulan turut mendapat manfaat yang besar daripada pengurangan kos pembiayaan ke atas bon bernilai RM400 juta yang dibiayai semula pada 2007 yang membawa kepada pertumbuhan keuntungan sebelum cukai mencecah 8% berbanding 2007.

Kadar cukai Kumpulan berkuatkuasa pada 2008 adalah 25% berbanding 27% pada 2007, disebabkan terutamanya oleh kadar cukai korporat yang lebih rendah serta pembalikan lebihan peruntukan daripada tahun-tahun terdahulu bagi cukai semasa dan tertunda.

Dengan anjakan prestasi ini, pendapatan sesaham meningkat 11% kepada 284.3 sen sesaham pada 2008.

**Keuntungan daripada 2004 hingga 2008**



# TUNAI DARIPADA OPERASI MENINGKAT 6% PADA 2008

## PENYATA ALIRAN TUNAI DISATUKAN

| | 12 bulan 2008 RM juta | 12 bulan 2007 RM juta | Menggalakkan/ (Merugikan) % |
|---|---|---|---|
| Keuntungan daripada operasi | 1,109 | 1,049 | 6 |
| Pelarasan bagi: | | | |
| Pendapatan faedah | (8) | (10) | (20) |
| Hartanah, loji dan peralatan: | | | |
| - Susutnilai | 81 | 81 | — |
| - Kerugian dari pelupusan | 1 | 1 | — |
| - Dihapus kira | — | 13 | 100 |
| - Kemerosotan nilai | 20 | — | (100) |
| Elaun hutang ragu | 2 | 5 | 60 |
| Inventori dihapus kira | 2 | — | (100) |
| Perubahan modal kerja | (1) | (1) | — |
| Tunai daripada operasi | 1,206 | 1,138 | 6 |
| Cukai pendapatan dibayar | (251) | (301) | 17 |
| Perbelanjaan modal bersih | (95) | (29) | (228) |
| Pembayaran semula bersih kertas perdagangan | (100) | — | (100) |
| Kutipan bersih daripada pinjaman jangka pendek | — | 50 | (100) |
| Kos kewangan bersih | (20) | (37) | 46 |
| Dividen dibayar | (751) | (938) | 20 |
| Pengurangan dalam tunai dan kesamaan tunai | (11) | (117) | (91) |

Kumpulan terus kekal menyampaikan aliran tunai yang cemerlang daripada operasi. Tunai yang dijana daripada operasi meningkat sebanyak 6% ke paras RM1.2 bilion pada 2008, dan kadar peratusan keuntungan daripada operasi, meningkat kepada 109% berbanding 108% pada 2007. Keupayaan menyampaikan aliran tunai operasi yang mantap adalah hasil daripada peningkatan berterusan modal kerja, khususnya keberkesanan pengurusan stok. Pembayaran cukai pendapatan lebih rendah adalah selaras dengan pengurangan kadar cukai korporat dan kecepatan pembayaran cukai pada 2007, sementara kenaikan perbelanjaan modal bersih adalah disebabkan oleh penggantian kenderaan, jentera kilang, unit barangan jualan, pelaburan IT, mengubahsuai pejabat dan pengurangan kutipan penjualan pada 2008. Peningkatan tunai daripada operasi membolehkan Kumpulan membayar semula Kertas Perdagangan (CP) matang bernilai RM100 juta pada 4 Januari 2008 dan membiayai perbelanjaan modal serta pembayaran dividen Kumpulan pada 2008.

**Pengurusan Aliran Tunai daripada 2004 hingga 2008**



## PERTUMBUHAN NILAI PEMEGANG SAHAM YANG MENGAGUMKAN

Kumpulan tekad untuk menyampaikan nilai pemegang saham yang mantap. Dengan mengambil beberapa langkah memantau prestasi kewangan Kumpulan telah berjaya menampilkan peningkatan yang mengagumkan dalam usaha berterusannya mencapai pertumbuhan keuntungan yang mapan serta mempertingkatkan nilai pemegang saham jangka panjang dengan tekal membayarkan dividen yang tinggi kepada pemegang saham, meningkatkan keberkesanan struktur modalnya dan pulangan ekuiti yang lebih baik.

## PEMBAYARAN DIVIDEN TINGGI

Kumpulan mengekalkan dasar pembayaran dividen yang tinggi pada 2008 dengan cadangan pembayaran dividen berjumlah RM756.6 juta yang meliputi:

- dividen akhir bersih dicadangkan sebanyak 76 sen sesaham
- dividen interim kedua bersih sebanyak 76 sen sesaham
- dividen interim pertama bersih sebanyak 113 sen sesaham

Ini menjadikan dividen bersih yang dibayar pada 2008 berjumlah 265.00 sen sesaham, anjakan sebanyak 3% berbanding pembayaran dividen bersih pada 2007. Ini merupakan 93% daripada keuntungan milik pemegang saham Kumpulan pada 2008 dan selaras dengan dasar pembayaran dividen kami untuk memulangkan lebihan tunai kepada pemegang saham dengan membayar sekurang-kurangnya 90% daripada keuntungan bersih dalam bentuk dividen dan pertumbuhan pembayaran dividen sesaham tahunan.

## PERTUMBUHAN PULANGAN PEMEGANG SAHAM YANG MENGAGUMKAN

Kekukuhan prestasi kewangan Kumpulan, pulangan konsisten pemegang saham, prestasi perniagaan yang mantap dan peneraju pasaran yang disegani telah mendorong pencapaian rekod harga saham yang stabil dan permodalan pasaran yang tinggi. Ketika berhadapan dengan keadaan tidak menentu dan pasaran saham yang bergolak, Kumpulan masih mampu mengatasi prestasi KLCI. Prestasi ini, terutamanya sejak beberapa tahun kebelakangan ini jelas menunjukkan kemantapan nilai pemegang saham yang mampu ditawarkan oleh British American Tobacco Malaysia. Harga saham Kumpulan tekal mendapat penarafan tertinggi di Papan Utama Bursa dengan permodalan pasaran menjangkaui RM10 bilion sepanjang tempoh 7 tahun lepas.

Jumlah pulangan pemegang saham jika berpandukan peningkatan harga saham pada tahun kewangan dan jumlah dividen bersih yang diisytihar dan dicadangkan pada tahun semasa adalah sebanyak RM5.90 sesaham iaitu jumlah pulangan sebanyak 14.3% pada 2008.

**Pendapatan dan Dividen Sesaham**




**Jumlah Pulangan Pemegang Saham**



**Jumlah Pulangan Pemegang Saham British American Tobacco Malaysia berbanding KLCI 1999 hingga 2008**




## OPERASI PERBENDAHARAAN DAN STRUKTUR MODAL YANG CEKAP

Fungsi Perbendaharaan bertanggungjawab terutamanya mengurus risiko kewangan melalui pengurusan proaktif aliran tunai, unsur kadar faedah dan matawang. Tiada keperluan timbul untuk membiayai semula kertas komersial jangka pendek bernilai RM100 juta yang sudah matang pada Januari 2008 berikutan keberkesanan pengurusan aliran tunai.

Penarafan jangka pendek P1 dan jangka panjang AAA Kumpulan bagi CP/MTN disahkan semula pada September 2008 memandangkan prestasi korporat yang kukuh dan tekal, disokong oleh penjanaan dan pengurusan aliran tunai yang cekap. Kumpulan kini sedang menyemak beberapa pilihan untuk melunaskan MTNnya bernilai RM100 juta pada Mei 2009 dan satu lagi bernilai RM150 juta pada November 2009 dan terus beriltizam mengekalkan penarafan gred pelaburan yang cemerlang, mengoptimumkan struktur modalnya dan memaksimumkan nilai pemegang saham.

## KETEGUHAN KOMITMEN MEMAKSIMUM NILAI PEMEGANG SAHAM JANGKA PANJANG

Peningkatan perdagangan haram dan rokok harga murah akan terus menjadi isu utama buat Kumpulan melangkah memasuki 2009. Selain itu, kegawatan ekonomi global juga akan memberi kesan kepada kuasa berbelanja pengguna justeru menambah satu lagi unsur dalam persekitaran industri yang mencabar.

Walau bagaimanapun, Kumpulan beriltizam untuk mempertingkatkan kedudukan penerajuannya dengan memanfaatkan keutuhan dasarnya dan terus menumpu kepada inisiatif strategik kami, Pertumbuhan, Produktiviti, Tanggungjawab dan Organisasi Cemerlang. Kami percaya bahawa pelaburan dan inisiatif yang diambil pada 2008 akan memberi ruang untuk kami memanfaatkan keteguhan ekuiti jenama kami dan meletakkan kami di kedudukan yang lebih mantap untuk menghadapi cabaran masa depan. Ketetapan iltizam Kumpulan untuk menyampaikan nilai pemegang saham yang terunggul kekal menjadi fokus utamanya maju ke hadapan.



# PENGARAH KEWANGAN

Stephen James Rush

# SOROTON KEWANGAN LIMA TAHUN

| | | Tahun kewangan dari 1.1.08 hingga 31.12.08 RM'000 | Tahun kewangan dari 1.1.07 hingga 31.12.07 RM'000 | Tahun kewangan dari 1.1.06 hingga 31.12.06 RM'000 | Tahun kewangan dari 1.1.05 hingga 31.12.05 RM'000 | Tahun kewangan dari 1.1.04 hingga 31.12.04 RM'000 |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Hasil | | 4,135,220 | 3,830,869 | 3,612,482 | 3,564,215 | 3,263,725 |
| Keuntungan daripada operasi | | 1,109,297 | 1,049,416 | 1,049,414 | 881,440 | 1,138,262 |
| Kos kewangan | | (28,131) | (46,515) | (47,467) | (48,471) | (55,447) |
| Keuntungan sebelum cukai | | 1,081,166 | 1,002,901 | 1,001,947 | 832,969 | 1,082,815 |
| Keuntungan bersih bagi tahun kewangan | | 811,683 | 731,931 | 719,678 | 592,802 | 782,084 |
| Dividen bersih tahunan | | 756,655 | 732,384 | 662,715 | 555,070 | 709,257 |
| Dividen bersih khas | | — | — | 62,531 | 158,983 | — |
| Modal saham | | 142,765 | 142,765 | 142,765 | 142,765 | 142,765 |
| Dana pemegang saham | | 406,774 | 345,912 | 551,824 | 618,029 | 641,849 |
| Hartanah, loji dan peralatan | | 438,624 | 439,959 | 478,688 | 517,550 | 514,059 |
| Hartanah pelaburan | | — | — | 20,010 | 44,771 | 45,660 |
| Tanah pegangan pajakan | | 20,455 | 20,826 | 22,600 | 22,995 | 30,127 |
| Tanda perniagaan | | — | — | — | — | 2,067 |
| Perisian komputer | | 15,232 | 21,091 | 14,100 | 616 | — |
| Muhibah | | 411,618 | 411,618 | 411,618 | 411,618 | 433,475 |
| Aset cukai tertunda | | 4,978 | 4,978 | 4,020 | 3,300 | 1,713 |
| Aset semasa | | 596,405 | 548,536 | 669,175 | 718,142 | 720,367 |
| Jumlah aset | | 1,487,312 | 1,447,008 | 1,620,211 | 1,718,992 | 1,747,468 |
| Tanggungan bukan semasa | | 448,289 | 713,567 | 310,690 | 755,086 | 760,392 |
| Tanggungan semasa | | 632,249 | 387,529 | 757,697 | 345,877 | 345,226 |
| Jumlah tanggungan | | 1,080,538 | 1,101,096 | 1,068,387 | 1,100,963 | 1,105,618 |
| Pendapatan bersih sesaham | (sen) | 284.3 | 256.3 | 252.0 | 207.6 | 273.9 |
| Dividen bersih sesaham | (sen) | 265.0 | 256.5 | 254.0 | 250.1 | 248.4 |
| Pulangan bersih atas dana pemegang saham | (%) | 199.5 | 211.6 | 130.4 | 95.9 | 121.8 |
| Sokongan aset bersih sesaham | (RM) | 1.42 | 1.21 | 1.93 | 2.16 | 2.25 |
| Bilangan kakitangan | | 1,454 | 1,326 | 1,044 | 1,040 | 1,066 |

# PRESTASI KUMPULAN LIMA TAHUN

British American Tobacco Malaysia terus mencatatkan momentum pertumbuhannya serta merekodkan satu lagi tahun prestasi kewangan yang teguh, mengukuhkan komitmennya yang mampan untuk memaksimum dan menyampaikan nilai pemegang saham jangka panjang.

**Prestasi kewangan kukuh yang konsisten**




**Menyampaikan pulangan tiga angka kepada pemegang saham**




**Aliran Tunai terunggul operasi**




**Pembayaran lumayan dividen**



# PRESTASI SAHAM DAN KALENDAR KEWANGAN

**Prestasi saham 2008**




| | Jan | Feb | Mac | Apr | Mei | Jun | Jul | Ogos | Sep | Okt | Nov | Dis |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Tinggi (RM) | 43.00 | 44.75 | 44.00 | 43.75 | 44.75 | 45.25 | 44.00 | 41.00 | 41.75 | 43.00 | 45.00 | 46.00 |
| Rendah (RM) | 40.25 | 42.00 | 41.00 | 42.25 | 42.25 | 42.00 | 40.50 | 39.00 | 38.75 | 39.50 | 40.75 | 42.25 |
| Volum ('000) | 3,143 | 1,788 | 3,104 | 1,910 | 2,840 | 2,363 | 4,594 | 2,033 | 3,602 | 6,220 | 7,020 | 4,371 |

*Sumber: Bloomberg*

## PENGUMUMAN KEPUTUSAN

| | |
|---|---|
| Keputusan disatukan tak beraudit bagi suku pertama berakhir 31 Mac | Selasa, 22 April 2008 |
| Keputusan disatukan tak beraudit bagi suku kedua dan setengah tahun berakhir 30 Jun 2008 | Khamis, 17 Julai 2008 |
| Keputusan disatukan tak beraudit bagi suku ketiga berakhir 30 September 2008 | Khamis, 23 Oktober 2008 |
| Keputusan disatukan beraudit bagi suku keempat dan tahun berakhir 31 Disember 2008 | Khamis, 19 Februari 2009 |

## DIVIDEN

| | |
|---|---|
| Dividen interim pertama bernilai 113.0 sen sesaham, pengecualian cukai di bawah sistem setingkat | |
| – Tarikh notis keberhakan dan pembayaran | Jumaat, 18 Julai 2008 |
| – Tarikh keberhakan | Isnin, 4 Ogos 2008 |
| – Tarikh pembayaran | Rabu, 20 Ogos 2008 |
| Dividen interim kedua bernilai 76.00 sen sesaham, pengecualian cukai di bawah sistem setingkat | |
| – Tarikh notis keberhakan dan pembayaran | Jumaat, 24 Oktober 2008 |
| – Tarikh keberhakan | Khamis, 6 November 2008 |
| – Tarikh pembayaran | Isnin, 17 November 2008 |
| Dividen akhir bersih dicadangkan sebanyak 76.00 sen sesaham, pengecualian cukai di bawah sistem setingkat | |
| – Tarikh notis keberhakan dan pembayaran | Jumaat, 20 Februari 2009 |
| – Tarikh keberhakan | Jumaat, 24 April 2009 |
| – Tarikh pembayaran | Jumaat, 8 Mei 2009 |

## LAPORAN TAHUNAN DAN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN

| | |
|---|---|
| Tarikh notis Mesyuarat Agung Tahunan ke 48 dan tarikh pengeluaran Laporan Tahunan 2008 | Isnin, 23 Mac 2009 |
| Tarikh Mesyuarat Agung Tahunan ke 48 | Isnin, 20 April 2009 |

# PRESTASI SUKU TAHUNAN

## 2008

| | | Suku Pertama | Suku Kedua | Suku Ketiga | Suku Keempat | Tahun |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Hasil | (RM juta) | 1,021 | 1,014 | 1,098 | 1,002 | 4,135 |
| Keuntungan daripada operasi | (RM juta) | 292 | 272 | 322 | 223 | 1,109 |
| Kos kewangan | (RM juta) | (7) | (7) | (7) | (7) | (28) |
| Keuntungan sebelum cukai | (RM juta) | 285 | 264 | 316 | 216 | 1,081 |
| Keuntungan selepas cukai | (RM juta) | 212 | 195 | 232 | 173 | 812 |
| Pendapatan bersih sesaham | (sen) | 74.0 | 68.4 | 81.3 | 60.6 | 284.3 |
| Dividen bersih sesaham | (sen) | — | 113.0 | 76.0 | 76.0 | 265.0 |

## 2007

| | | Suku Pertama | Suku Kedua | Suku Ketiga | Suku Keempat | Tahun |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Hasil | (RM juta) | 937 | 937 | 1,009 | 948 | 3,831 |
| Keuntungan daripada operasi | (RM juta) | 281 | 256 | 293 | 219 | 1,049 |
| Kos kewangan | (RM juta) | (12) | (12) | (12) | (11) | (47) |
| Keuntungan sebelum cukai | (RM juta) | 270 | 244 | 281 | 208 | 1,003 |
| Keuntungan selepas cukai | (RM juta) | 197 | 178 | 205 | 152 | 732 |
| Pendapatan bersih sesaham | (sen) | 68.9 | 62.6 | 71.7 | 53.1 | 256.3 |
| Dividen bersih sesaham | (sen) | — | 109.5 | 73.0 | 74.0 | 256.5 |

**Hasil Suku Tahunan**




**Keuntungan Selepas Cukai Suku Tahunan**



# PROFIL KORPORAT

**British American Tobacco Malaysia terbentuk daripada penggabungan Rothmans of Pall Mall (Malaysia) Berhad dan Malaysian Tobacco Company Berhad pada 3 November 1999. Penggabungan tersebut telah berjaya mengumpul bakat, pengalaman dan barisan jenama antarabangsa yang terkemuka yang tiada tandingannya untuk mewujudkan sebuah syarikat tembakau terbesar di Malaysia.**

Kini, British American Tobacco Malaysia jelas merupakan peneraju pasaran dalam industri rokok Malaysia, dengan penguasaan pasaran sebanyak lebih 60%, dan kedudukan di antara 20 syarikat teratas di Bursa Malaysia Securities Berhad dari segi permodalan pasaran. British American Tobacco Malaysia mengilang dan memasar produk-produk tembakau bermutu tinggi untuk memenuhi citarasa pengguna yang berpelbagai. Barisan jenama kami meliputi nama-nama antarabangsa terkemuka seperti DUNHILL, KENT dan PALL MALL.

Kami mempunyai gabungan sejarah melebihi 90 tahun di Malaysia sejak 1912. Berbekalkan kepakaran yang luas, berserta teknologi termaju dan sistem serta proses yang cekap dalam semua aspek aktiviti perniagaan, menempatkan kami di kedudukan yang baik untuk mengharungi cabaran masa depan. Kami mempunyai kira-kira 2,000 orang pekerja yang terlibat dalam semua spektrum industri tembakau, daripada pembelian dan pemprosesan daun tembakau hingga kepada pengilangan, pemasaran dan pengedaran. Rangkaian pengedaran lengkap kami merangkumi setiap pelosok negara, bagi memastikan jenama-jenama kami terdapat di mana-mana di Malaysia.

Kami berhasrat untuk mengekalkan penerajuan dalam industri melalui peningkatan penguasaan kami dalam perniagaan tembakau dan memenuhi permintaan pengguna dengan lebih baik dan menguntungkan berbanding pesaing kami. Dalam mencapai matlamat tersebut, kami memastikan bahawa kami menjalankan aktiviti pemasaran secara bertanggungjawab, dan peka terhadap persekitaran kita. Bagi kami, penerajuan menjangkau lebih daripada sekadar menguasai pasaran, perlu mengambilkira peneraju dari segi kualiti di mata kami, dan di mata pihak berkepentingan kami.

Walaupun industri tembakau dilihat sebagai sebuah industri yang kontroversi oleh setengah-setengah pihak, namun ia juga merupakan industri yang penting yang menyumbang kepada pertumbuhan dan pembangunan komuniti di mana ia beroperasi. British American Tobacco Malaysia beriltizam untuk menunaikan kewajipan tersebut.

# BRITISH AMERICAN TOBACCO MALAYSIA DI DALAM BERITA










# ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN









# ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN

***Kami adalah sebuah organisasi yang berpegang teguh kepada iltizam dalam menyediakan yang terbaik kepada perniagaan dan pihak pemegang berkepentingan kami. Usaha berterusan kami untuk mencapai tahap tertinggi dalam perlakuan perniagaan telah dianugerahi dengan beberapa pengiktirafan luar antarabangsa dan tempatan. Tahun 2008 menyaksikan kami sekali lagi mencatat tanda aras dalam mencipta nilai pemegang saham yang membanggakan dan mempamerkan amalan tadbir urus korporat yang berwibawa.***

## Anugerah Laporan Korporat Tahunan Kebangsaan (NACRA) 2008

– Anugerah Perak Kecemerlangan Keseluruhan
– Anugerah Kecemerlangan Industri bagi Papan Utama, Kategori Produk Pengguna

*Pengiktirafan kecemerlangan dalam laporan korporat, membuktikan tahap tinggi dalam tadbir urus korporat, ketelusan dan kebertanggungjawaban*

## Anugerah Nilai Pemegang Saham KPMG / The Edge 2007

– Pemenang Anugerah Keseluruhan
– Pemenang Sektor Keseluruhan, Kategori Pasaran Pengguna

*Pengiktirafan Syarikat contoh bagi nilai pemegang saham dengan pencapaian keuntungan ekonomi tertinggi atas modal yang dilaburkan di antara syarikat-syarikat tersenarai awam di Malaysia*

## Di Tangga Ke 2 Teratas dalam Penarafan Tadbir Urus Korporat Majalah The Asset

– Tadbir Urus Korporat Terbaik di Malaysia

*Pengiktirafan bagi amalan tadbir urus korporat Syarikat yang di tanda aras berbanding amalan terbaik antarabangsa oleh majalah perniagaan kewangan, The Asset*

## Kaji Selidik Tadbir Urus Korporat 2008 daripada Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad (MSWG) dan *Nottingham University Business School*

– Tempat Keempat bagi Anugerah Kecemerlangan Keseluruhan
– Anugerah Kecemerlangan Industri

*Pengiktirafan terhadap pencapaian Syarikat atas prinsip dan amalan tadbir urus korporat yang berwibawa*

## Di Tangga Ke 10 Teratas dalam Pengurusan Syarikat Terbaik FinanceAsia

– Pengurusan Syarikat Terbaik
– Tadbir Urus Korporat Terbaik
– Paling komited terhadap Pembayaran Dividen yang kukuh

*Pengiktirafan bagi keseluruhan pengurusan, tadbir urus korporat, hubungan pelabur dan iltizam Syarikat terhadap pembayaran dividen yang kukuh*

## Di Tangga Ke 10 Teratas dalam Barometer CSR Perniagaan Asia 2008

*Pengiktirafan bagi iltizam kukuh dan nyata Syarikat terhadap pendedahan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR)*

# ACARA KORPORAT 2008

**2008 merupakan tahun yang penuh dengan aktiviti merentasi Syarikat. Aktiviti yang disenaraikan di bawah adalah paparan ringkas antara acara-acara yang berlangsung sepanjang 2008.**

## JANUARI
- Kumpulan Operasi mencatat 1,000 Penambahbaikan Berterusan, satu mercu tanda inisiatif CI-Kaizen ▶ *01*
- British American Tobacco Malaysia memenangi Anugerah Alam Sekitar, Kesihatan dan Keselamatan (EHS) British American Tobacco kerana berjaya mencapai Sifar Kehilangan Hari Bekerja daripada 23 Januari 2007 – 22 Januari 2008
- Memperkenalkan rekaan penjuru lambang antarabangsa kepada semua produk PALL MALL

## FEBRUARI
- Sesi taklimat penganalisis kewangan bagi keputusan kewangan 2007 Kumpulan
- Penganjuran aktiviti di bawah Program Sukarelawan Kakitangan di Rumah Orang-Orang Tua Caring, Kajang dan menyumbang derma RM10,000 ▶ *02*

## MAC
- Penerbitan Laporan Tahunan British American Tobacco Malaysia 2007
- Penganjuran Hari Keluarga pekerja di Sunway Lagoon Theme Park ▶ *03*

## APRIL
- Mesyuarat Agung Tahunan ke-47 ▶ *04*
- Sesi taklimat penganalisis kewangan bagi keputusan kewangan Suku Pertama 2008 Kumpulan
- Pengumuman keputusan 'Suara Anda 2007'. Suara Anda merupakan saluran maklum balas pekerja untuk penambahbaikan persekitaran kerja, semangat dan kesejahteraan peribadi

## MEI
- Dianugerahkan Pelanggan Cemerlang 2008 daripada SAP – Business Objects

## JUN
- Kerja meluaskan dan mengubahsuai ibu pejabat British American Tobacco Malaysia
- Pelancaran gabungan Projek Paragon dengan Quatro+, portal pengurusan pesanan pelanggan dan ruang simpanan
- Penggabungan KENT dan PETER STUYVESANT bagi pertumbuhan jangka panjang

## JULAI
- Sesi taklimat penganalisis kewangan bagi keputusan kewangan Suku Kedua 2008 Kumpulan
- Berjaya diperbaharui persijilan ISO 9001, OHSAS 18001 dan ISO 14001
- Penyampaian Perlengkapan Permulaan Pendidikan Tinggi (HESK) kepada anak-anak penanam tembakau ▶ *05*
- Sesi taklimat Biz Update menggalak penglibatan pekerja dan untuk makluman
- Melancarkan DUNHILL Consumer Hotline 1-800-88-1907 untuk maklum balas pelanggan

## OGOS
- Dianugerahkan Nilai Pemegang Saham KPMG 2007 ▶ *06*
- Mendapat tempat 10 teratas dalam tinjauan Pengurusan Syarikat Terbaik FinanceAsia
- Memadankan sumbangan pekerja dan menyumbang derma sebanyak RM10,000 kepada Mercy Malaysia dan Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia
- Pelancaran KENT 3TEK dan MINTEK
- Pelancaran Program Pelatih Pengurusan Global British American Tobacco

## SEPTEMBER
- Melancarkan Akademi ACE (Mencapai Kecemerlangan Berterusan) bagi perkembangan pekerja bukan pengurusan
- Melancarkan Akademi Kepimpinan dan Pengurusan INSEAD (ILMA) untuk perkembangan eksekutif

## OKTOBER
- Sesi taklimat penganalisis kewangan bagi keputusan kewangan Suku Ketiga 2008 Kumpulan
- Menganjurkan Minggu Kualiti dan Keselamatan 2008 bagi menanam sikap positif pekerja untuk tempat kerja bebas insiden
- Kumpulan Operasi mencatat 2000 Penambahbaikan Berterusan satu mercu tanda inisiatif CI-Kaizen ▶ *07*

## NOVEMBER
- Menganjurkan lawatan sambil belajar bersama Pusat Belajar Dayspring di bawah Program Sukarelawan Kakitangan
- Menerima Anugerah Laporan Korporat Tahunan Kebangsaan 2008
  - Anugerah Perak bagi Kecemerlangan Keseluruhan, Anugerah Kecemerlangan Industri – Papan Utama, Produk Pengguna ▶ *08*
- Menerima dua anugerah daripada Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) dan *Nottingham University Business School* untuk Kaji Selidik Tadbir Urus Korporat 2008
  - Tempat Keempat bagi Kecemerlangan Keseluruhan, Anugerah Kecemerlangan Industri
- Yayasan British American Tobacco Malaysia menawarkan biasiswa kepada pelajar yang layak untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi ▶ *09*
- Anugerah Khidmat Lama kepada pekerja lama berkhidmat
- Penggabungan PALL MALL dan PERILLY'S untuk pertumbuhan jangka panjang

## DISEMBER
- Memungut dua anugerah Kecemerlangan Alam Sekitar, Kesihatan dan Keselamatan (EHS) anjuran British American Tobacco p.l.c.
  – Semua Kategori, Pengurusan Sisa Buangan
- Ditangga 10 teratas dalam Barometer CSR Perniagaan Asia 2008
- Di tangga 2 teratas dalam Penarafan Tadbir Urus Korporat Malaysia anjuran majalah The Asset ▶ *10*

01



02



03




04







05



06




07



08

09






10

# kepimpinan


PIMPINAN
PRODUKTIVITI
PERTUMBUHAN
TANGGUNGJAWAB
ORGANISASI CEMERLANG



# nyata

Penerajuan dinilai menjangkaui prestasi kewangan yang mengagumkan. Ini adalah berhubung keserlahan meneraju semua bidang, terutamanya kepimpinan insan.

# MAKLUMAT KORPORAT

## LEMBAGA PENGARAH

- **Tan Sri Abu Talib bin Othman**
  PMN, PSM, SIMP, SSSA, DGSM, DPMS, DMPN, DCSM, JSM, KMN, PPT
  Pengarah Bukan Eksekutif Bebas
  *(Pengerusi)*

- **Jack Marie Henry David Bowles**
  Pengarah Eksekutif Bukan Bebas
  *(Pengarah Urusan)*

- **Datuk Oh Chong Peng**
  PJN, JSM
  Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

- **James Richard Suttie**
  Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas

- **Stephen James Rush**
  Pengarah Eksekutif Bukan Bebas

- **Dato' Chan Choon Ngai**
  DSNS
  Pengarah Eksekutif Bukan Bebas

- **Dato' Ahmad Johari bin Tun Abdul Razak**
  DPCM, DSIS, DSAP
  Pengarah Bukan Eksekutif Bebas
  (Dilantik pada 5 Mac 2009)

- **William Toh Ah Wah**
  Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas
  (Dilantik pada 5 Mac 2009)

## SETIAUSAHA

**Ng Pei Ling**
(LS 09111)
Tel : +60 (3)7491 7130
Faks : +60 (3)7491 3772
E-mel : Pei_Ling_Ng@bat.com

## PEJABAT BERDAFTAR

Virginia Park, Jalan Universiti
46200 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Tel : +60 (3)7956 6899
Faks : +60 (3)7955 8416
E-mel : bat_malaysia@bat.com

## LAMAN WEB SYARIKAT

www.batmalaysia.com

## PENDAFTAR SAHAM

**Tenaga Koperat Sdn Bhd**
(No. Syarikat 118401-V)
Aras 17
The Gardens North Tower
Mid Valley City
Lingkaran Syed Putra
59200 Kuala Lumpur
Tel : +60 (3)2264 3883
Faks : +60 (3)2282 1886
E-mel : lay.kiow.lim@my.tricorglobal.com

## JURUAUDIT

**PricewaterhouseCoopers**
(AF 1146)
Aras 10, 1 Sentral Jalan Travers
Kuala Lumpur Sentral
P.O. Box 10192
50706 Kuala Lumpur
Tel : +60 (3)2173 1188
Faks : +60 (3)2173 1288

## BANK-BANK UTAMA

**Citibank Berhad**
(No. Syarikat 297089-M)

**HSBC Bank Malaysia Berhad**
(No. Syarikat 127776-V)

**Malayan Banking Berhad**
(No. Syarikat 3813-K)

## PENYENARAIAN BURSA SAHAM

Papan Utama
**Bursa Malaysia Securities Berhad**
(No. Syarikat 635998-W)
Disenaraikan Sejak :
27 Oktober 1961
Kod Saham : 4162
Nama Saham : BAT

# STRUKTUR KORPORAT

BRITISH AMERICAN TOBACCO
MALAYSIA

100%

**Commercial Importers And Distributors Sdn. Bhd.**

(Pelaburan Induk)

100%

**Tobacco Importers And Manufacturers Sdn. Berhad**

(Perkilangan dan Pengimportan)

100%

**The Leaf Tobacco Development Corporation Of Malaya Sdn. Berhad**

(Pembangunan dan Pembelian Daun Tembakau)

100%

**Commercial Marketers And Distributors Sdn. Bhd.**

(Diperbadankan di Negara Brunei Darussalam)

(Perkhidmatan Pengiklanan dan Promosi)

100%

**Rothmans Brands Sdn. Bhd.**

(Tanda Dagang Induk)

100%

Commercial Marketers And Distributors Sdn. Bhd.

(Pemasaran dan Pengedaran)

100%

Tobacco Blenders And Manufacturers Sdn. Bhd.

(Penyediaan Ruang Penggudangan)

# PROFIL LEMBAGA PENGARAH

*Dari kiri ke kanan*

- **James Richard Suttie** Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas
- **William Toh Ah Wah** Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas
- **Dato' Ahmad Johari bin Tun Abdul Razak** Pengarah Bukan Eksekutif Bebas
- **Tan Sri Abu Talib bin Othman** Pengarah Bukan Eksekutif Bebas *(Pengerusi)*



*Dari kiri ke kanan*

- **Stephen James Rush** Pengarah Eksekutif Bukan Bebas *(Pengarah Kewangan)*
- **Datuk Oh Chong Peng** Pengarah Bukan Eksekutif Bebas
- **Jack Marie Henry David Bowles** Pengarah Eksekutif Bukan Bebas *(Pengarah Urusan)*
- **Dato' Chan Choon Ngai** Pengarah Eksekutif Bukan Bebas *(Pengarah Operasi)*





## Tan Sri Abu Talib bin Othman

PMN, PSM, SIMP, SSSA, DGSM, DPMS, DMPN, DCSM, JSM, KMN, PPT
Pengarah Bukan Eksekutif Bebas
*(Pengerusi)*
Warganegara Malaysia, 70 tahun

Tan Sri Abu Talib bin Othman telah dilantik sebagai Pengerusi Rothmans of Pall Mall (Malaysia) Berhad, kini dikenali sebagai British American Tobacco, pada 1994.

Tan Sri Abu Talib, seorang peguam lulusan Lincoln's Inn, United Kingdom. Beliau mempunyai kerjaya yang cemerlang sebagai anggota Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan dalam Kerajaan dari 1962 hingga 1993, yang mana beliau telah berkhidmat dalam pelbagai tugas termasuk sebagai Peguam Negara dari 1980 sehingga persaraan beliau pada Oktober 1993.

Tan Sri Abu Talib kini merupakan Pengarah IGB Corporation Berhad, CYL Corporation Berhad, MUI Continental Insurance Berhad dan Alliance Investment Management Berhad. Beliau juga merupakan Pengerusi Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (Suhakam).

Beliau adalah Pengerusi Jawatankuasa Ganjaran dan Jawatankuasa Pencalonan bagi Syarikat dan juga ahli Jawatankuasa Audit Syarikat.

Tan Sri Abu Talib telah menghadiri kesemua empat (4) Mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2008.

Tan Sri Abu Talib tidak mempunyai pertalian kekeluargaan dengan mana-mana Pengarah dan/atau pemegang saham utama British American Tobacco (Malaysia) Berhad, mahupun percanggahan kepentingan dalam mana-mana urusan perniagaan yang melibatkan Syarikat. Beliau tidak pernah disabitkan dengan kesalahan sepanjang tempoh sepuluh (10) tahun yang lepas.



## Jack Marie Henry David Bowles

Pengarah Eksekutif Bukan Bebas
*(Pengarah Urusan)*
Warganegara Perancis, 45 tahun

Jack Marie Henry David Bowles, warganegara Perancis berumur 45 tahun, dilantik sebagai Pengarah British American Tobacco (Malaysia) Berhad pada 1 Mei 2007. Sebelum pelantikan beliau di Malaysia, beliau merupakan Presiden British American Tobacco Perancis. Jack Bowles mempunyai pengalaman selama dua puluh (20) tahun dalam industri tembakau dan telah berkhidmat di beberapa syarikat terkemuka barangan pengguna laris (FMCG) di Eropah dan Asia. Beliau adalah lulusan Diploma Pengurusan Perniagaan daripada French Business School di Paris. Pengalaman akademik beliau termasuk lulusan INSEAD (Perancis) and IMEDE (Switzerland).

Beliau adalah ahli Jawatankuasa Ganjaran Syarikat.

Jack Bowles telah menghadiri kesemua empat (4) Mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2008.

Jack Bowles tidak mempunyai pertalian kekeluargaan dengan mana-mana Pengarah dan/atau pemegang saham utama British American Tobacco (Malaysia) Berhad, mahupun percanggahan kepentingan dalam mana-mana urusan perniagaan yang melibatkan Syarikat. Beliau tidak pernah disabitkan dengan kesalahan sepanjang tempoh sepuluh (10) tahun yang lepas.



## Datuk Oh Chong Peng

PJN, JSM
Pengarah Bukan Eksekutif Bebas
Warganegara Malaysia, 64 tahun

Datuk Oh Chong Peng dilantik sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Rothmans of Pall Mall (Malaysia) Berhad, kini dikenali sebagai British American Tobacco (Malaysia) Berhad, pada Januari 1998.

Beliau menjalani latihan perakaunan di London dan berkelayakan sebagai Akauntan Berkanun dalam 1969. Beliau adalah seorang Fellow Institute of Chartered Accountants, England dan Wales (ICAEW) dan juga ahli Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA) dan Institut Akauntan Malaysia (MIA).

Datuk Oh menyertai Coopers & Lybrand (kini dikenali sebagai PricewaterhouseCoopers) di London pada 1969 dan di Malaysia pada 1971. Beliau telah berkhidmat dengan pelanggan Coopers & Lybrand di seluruh Malaysia dan ASEAN, yang meliputi pelbagai bidang industri termasuk khidmat kewangan, pembinaan, hartanah, pembuatan, hospitaliti dan perkhidmatan. Beliau adalah rakan kongsi Coopers & Lybrand, Malaysia dari 1974 dan bersara sebagai rakan kongsi kanan Coopers & Lybrand pada 1997.

Datuk Oh kini adalah Pengerusi Alliance Financial Group Berhad. Beliau juga merupakan Pengarah Bukan Eksekutif bagi beberapa syarikat awam seperti IJM Corporation Berhad, IJM Plantations Berhad, Kumpulan Europlus Berhad, Malayan Flour Mills Berhad, Dialog Group Berhad dan beberapa syarikat swasta yang lain.

Datuk Oh adalah ahli lantikan Kerajaan bagi Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan (1996) dan Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) (2003). Beliau juga merupakan pemegang amanah Yayasan Pendidikan Huaren (1993) dan Yayasan Pendidikan UTAR (2002) dan ahli Majlis Universiti Tunku Abdul Rahman. Beliau juga adalah ahli Jawatankuasa Penyenaraian Bursa Malaysia.

Lantikan beliau sebelum ini termasuk sebagai ahli jawatankuasa lantikan Kerajaan di Bursa Saham Kuala Lumpur (1990-1996), ahli majlis (1981-2002) dan Presiden (1994-1996) Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA), Pengerusi Land & General Berhad (1999-2007), Pengarah Powertek Berhad (1997-2003), Kumpulan Rashid Hussain Berhad (1998-2003), Renong Berhad (2001-2003), Nanyang Press Holdings Berhad (2001-2005), Rohas-Euco Industries Berhad (2007-2008) dan Star Publications (M) Berhad (1987-2009).

Datuk Oh adalah Pengerusi Jawatankuasa Audit dan ahli Jawatankuasa Ganjaran dan Jawatankuasa Pencalonan Syarikat.

Datuk Oh telah menghadiri kesemua empat (4) Mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2008.

Datuk Oh tidak mempunyai hubungan kekeluargaan dengan mana-mana Pengarah dan/atau pemegang saham utama British American Tobacco (Malaysia) Berhad, mahupun mempunyai percanggahan kepentingan dalam urusan perniagaan yang melibatkan Syarikat. Beliau tidak pernah disabitkan dengan kesalahan sepanjang tempoh sepuluh (10) tahun yang lepas.



## James Richard Suttie

Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas
Warganegara Britain, 62 tahun

James Richard Suttie dilantik sebagai Pengarah di British American Tobacco (Malaysia) Berhad pada Mei 2002. Beliau menganggotai Institute of Chartered Accountants of Scotland dan juga seorang Ahli Bersekutu Chartered Institute of Taxation. Beliau menyertai Rothmans International p.l.c. sebagai Akauntan Perdagangan/Pengurus pada 1972 dan menyandang jawatan Pengarah Kewangan Carreras of Jamaica Limited pada 1982, Rothmans International Europe pada 1984 dan Rothmans of Pall Mall (Malaysia) Berhad pada 1992. Pada 1997, beliau telah dilantik sebagai Pengawal Kewangan Serantau bagi Rothmans International di Asia. Pada 1999, beliau telah dilantik sebagai Pengawal Kewangan Serantau, Afrika dan pada 2002 sebagai Pengawal Kewangan Serantau, Asia Pasifik, bagi British American Tobacco p.l.c. sehingga persaraan beliau daripada British American Tobacco p.l.c. pada 31 Disember 2006.

Beliau adalah ahli Jawatankuasa Audit, Jawatankuasa Ganjaran dan Jawatankuasa Pencalonan bagi Syarikat.

James Suttie telah menghadiri tiga (3) daripada empat (4) Mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2008.

James Suttie tidak mempunyai hubungan kekeluargaan dengan mana-mana Pengarah dan/atau pemegang saham utama British American Tobacco (Malaysia) Berhad, mahupun mempunyai percanggahan kepentingan dalam urusan perniagaan yang melibatkan Syarikat. Beliau tidak pernah disabitkan dengan kesalahan sepanjang tempoh sepuluh (10) tahun yang lepas.



**Stephen James Rush**

Pengarah Eksekutif Bukan Bebas

*(Pengarah Kewangan)*

Warganegara Australia, 41 tahun

Stephen James Rush dilantik sebagai Pengarah di British American Tobacco (Malaysia) Berhad pada Mac 2008. Beliau adalah pemegang Ijazah Sarjana Muda Perniagaan, University of Technology, Sydney. Ketika mula menyertai British American Tobacco Group, Stephen Rush memegang jawatan Juruaudit Dalaman bagi British American Tobacco Australia pada 1995 sebelum menyandang jawatan sebagai Pengurus Kewangan Operasi dan Pengurus Kewangan Pemasaran daripada 1997 sehingga 2001. Pada April 2001, beliau dilantik sebagai Pengarah Kewangan di British American Tobacco Cambodia sebelum memikul tanggungjawab sebagai Pengarah Kewangan di British American Tobacco Poland.

Sebelum pelantikan beliau ke British American Tobacco (Malaysia) Berhad sebagai Pengarah Kewangan, Stephen Rush menyertai Kumpulan Serantau Eropah sebagai Timbalan Pengawal Kewangan Serantau bagi British American Tobacco p.l.c pada 2004. Peranan Stephen Rush tertumpu kepada tanggungjawabnya dalam menentukan prestasi kewangan bagi kawasan Tengah dan Timur Eropah.

Sejak pelantikan beliau sebagai Ahli Lembaga Pengarah British American Tobacco (Malaysia) Berhad, Stephen Rush telah menghadiri tiga (3) Mesyuarat Lembaga Pengarah pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2008.

Stephen Rush tidak mempunyai hubungan kekeluargaan dengan mana-mana Pengarah dan/atau pemegang saham utama British American Tobacco (Malaysia) Berhad, mahupun mempunyai percanggahan kepentingan dalam urusan perniagaan yang melibatkan Syarikat. Beliau tidak pernah disabitkan dengan kesalahan sepanjang tempoh sepuluh (10) tahun yang lepas.



**Dato' Chan Choon Ngai**

DSNS

Pengarah Eksekutif Bukan Bebas

*(Pengarah Operasi)*

Warganegara Malaysia, 53 tahun

Dato' Chan Choon Ngai dilantik sebagai Pengarah Syarikat yang dahulunya dikenali sebagai Rothmans of Pall Mall (Malaysia) Berhad, kini dikenali sebagai British American Tobacco (Malaysia) Berhad, pada Oktober 1995. Beliau adalah pemegang Ijazah Sarjana Muda Sains dalam bidang Kejuruteraan Mekanikal, University of Birmingham, United Kingdom. Beliau menyertai Rothmans of Pall Mall (Malaysia) Berhad pada 1979 dan telah menyandang beberapa jawatan penting dalam bahagian pengeluaran, antaranya Pengarah Pengeluaran dan Pengurus Kilang. Mulai Julai 2000, Dato' Chan dilantik sebagai Pengarah Operasi bagi British American Tobacco (Malaysia) Berhad. Beliau adalah Pengarah Tien Wah Press Holdings Berhad daripada Mei 1997 sehingga Jun 2003.

Dato' Chan telah menghadiri kesemua empat (4) Mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2008.

Dato' Chan tidak mempunyai hubungan kekeluargaan dengan mana-mana Pengarah dan/atau pemegang saham utama British American Tobacco (Malaysia) Berhad, mahupun mempunyai percanggahan kepentingan dalam urusan perniagaan yang melibatkan Syarikat. Beliau tidak pernah disabitkan dengan kesalahan sepanjang tempoh sepuluh (10) tahun yang lepas.



## Dato' Ahmad Johari bin Tun Abdul Razak

DPCM, DSIS, DSAP
Pengarah Bukan Eksekutif Bebas
Warganegara Malaysia, 54 tahun

Dato' Ahmad Johari bin Tun Abdul Razak dilantik sebagai Pengarah di British American Tobacco (Malaysia) Berhad pada 5 Mac 2009. Dato' Ahmad Johari adalah pemegang Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang, University of Kent, United Kingdom. Beliau telah diterima untuk menyertai Bar of England and Wales di Lincoln's Inn pada 1976 dan diterima sebagai Peguambela dan Peguamcara Mahkamah Tinggi Malaya pada 1977. Beliau menjadi pengamal undang-undang di sebuah firma guaman pada 1979 dan kemudiannya menjadi rakan kongsi daripada 1981 sehingga 1994. Beliau menyertai semula firma tersebut sebagai rakan kongsi pada 1 Ogos 2007.

Dato' Ahmad Johari kini menyandang jawatan Pengerusi Ancom Berhad, Courts Mammoth Sdn Bhd dan Daiman Development Berhad dan Pengarah bagi Hong Leong Industries Berhad, Nylex (Malaysia) Berhad, Daiman Golf Berhad dan Deutsche Bank (Malaysia) Berhad. Beliau juga merupakan ahli Jawatankuasa Lembaga Pengarah di Hong Leong Industries Berhad dan Ancom Berhad. Dalam bidang akademik, beliau merupakan Adjunct Professor di Fakulti Undang-Undang, Universiti Teknologi MARA.

Dato' Ahmad Johari adalah ahli Jawatankuasa Pencalonan dan Jawatankuasa Audit bagi Syarikat.

Dato' Ahmad Johari tidak mempunyai hubungan kekeluargaan dengan mana-mana Pengarah dan/atau pemegang saham utama British American Tobacco (Malaysia) Berhad, mahupun mempunyai percanggahan kepentingan dalam urusan perniagaan yang melibatkan Syarikat. Beliau tidak pernah disabitkan dengan kesalahan sepanjang tempoh sepuluh (10) tahun yang lepas.



## William Toh Ah Wah

Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas
Warganegara Malaysia, 51 tahun

William Toh Ah Wah dilantik sebagai Pengarah di British American Tobacco (Malaysia) Berhad pada 5 Mac 2009.

William Toh adalah pemegang Ijazah Sarjana Muda Perdagangan, Concordia University, Montreal, Kanada. Beliau menyertai Rothmans of Pall Mall (Malaysia) Berhad pada 1981 sebagai pelatih pengurusan dan memegang pelbagai jawatan dalam bidang pemasaran termasuk Pengurus Kawasan dan Pengurus Pemasaran. Pada 1991 beliau telah ditugaskan ke China dan sepanjang tempoh perkhidmatannya di sana, beliau telah memegang pelbagai jawatan termasuk sebagai Pengurus Besar di Shandong Rothmans Tobacco Company Limited, China (1991-1994), Pengarah Jualan dan Pemasaran China/Hong Kong di Rothmans (Far East) Limited (1994-1996), Pengurus Besar Taiwan di Rothmans (Far East) Taiwan Limited (1996-1997), Pengurus Besar China/Hong Kong di Rothmans (Far East) Limited (1997-1998) dan Pengarah Urusan Greater China di Rothmans (Far East) Limited (1998-1999).

Beliau menyertai British American Tobacco (Malaysia) Berhad pada 1999 dan seterusnya memegang beberapa jawatan sebagai Pengarah Pembangunan Perniagaan China untuk British American Tobacco Asia Pasifik Utara (1999-2003), Pengarah Urusan British American Tobacco New Zealand Limited (2003-2005), Pengarah Urusan Pakistan Tobacco Company Limited (2005-2008) dan pada masa yang sama menjalankan tanggungjawab sebagai Pengarah Kawasan bagi British American Tobacco Kawasan Asia Selatan (2007-2008).

William Toh kini (sejak November 2008) merupakan Pengarah Kawasan bagi Kelompok Indonesia (meliputi pasaran Indonesia, Thailand dan Filipina) dan Pengurus Projek Serantau bagi British American Tobacco Asia Pacific Region Limited yang berpusat di Hong Kong.

William Toh tidak mempunyai hubungan kekeluargaan dengan mana-mana Pengarah dan/atau pemegang saham utama British American Tobacco (Malaysia) Berhad, mahupun mempunyai percanggahan kepentingan dalam urusan perniagaan yang melibatkan Syarikat. Beliau tidak pernah disabitkan dengan kesalahan sepanjang tempoh sepuluh (10) tahun yang lepas.

# PROFIL KUMPULAN PENGURUSAN KANAN

*Dari kiri ke kanan*

• **Rashed Ahmed** *Pengarah Pemasaran* • **Cheryl Ann Wong Wai Leng** *Pengarah Sumber Manusia* • **Allen Lim Hun Chye** *Pengarah Perkhidmatan Pembangunan Perniagaan* • **Christine Lee Oi Kuan** *Pengarah Hal Ehwal Korporat dan Perundangan* • **Stephen James Rush** *Pengarah Kewangan* • **Jack Marie Henry David Bowles** *Pengarah Urusan* • **Dato' Chan Choon Ngai** *Pengarah Operasi*







**Jack Marie Henry David Bowles**
Pengarah Urusan
Warganegara Perancis, 45 tahun

Jack Marie Henry David Bowles mempunyai pengalaman selama dua puluh (20) tahun dalam industri tembakau dan sebelum ini telah berkhidmat di syarikat terkemuka barangan pengguna laris (FMCG) di Eropah dan Asia. Beliau adalah pemegang Diploma Pengurusan Perniagaan, French Business School di Paris. Pengalaman akademik beliau termasuk lulusan INSEAD (Perancis) dan IMEDE (Switzerland).

Jack Bowles adalah ahli Lembaga Pengarah dan juga ahli Jawatankuasa Ganjaran Syarikat.

Butiran profil Jack Bowles dipaparkan di muka surat 34 Laporan Tahunan ini.



**Dato' Chan Choon Ngai**
DSNS
Pengarah Operasi
Warganegara Malaysia, 53 tahun

Dato' Chan Choon Ngai adalah pemegang Ijazah Sarjana Muda Sains dalam bidang Kejuruteraan Mekanikal, University of Birmingham, United Kingdom. Beliau telah menyertai Kumpulan sejak 1979. Beliau memegang beberapa jawatan penting di bahagian pengeluaran Syarikat, termasuk sebagai Pengarah Pengeluaran dan Pengurus Kilang.

Dato' Chan adalah ahli Lembaga Pengarah dan juga ahli Lembaga Pengarah bagi beberapa subsidiari Kumpulan.

Butiran profil Dato' Chan dipaparkan di muka surat 36 Laporan Tahunan ini.



**Cheryl Ann Wong Wai Leng**
Pengarah Sumber Manusia
Warganegara Malaysia, 41 tahun

Cheryl Ann Wong Wai Leng menyertai British American Tobacco (Malaysia) Berhad pada 2004 sebagai Pengurus Pembangunan Bakat dan memainkan peranan sebagai Ketua Pemasaran Sumber Manusia pada 2005. Beliau pernah bertugas di British American Tobacco Vietnam pada 2007 sebagai Pengarah Sumber Manusia. Pada 2007, beliau juga berperanan sebagai Ketua Sumber Manusia Kawasan, British American Tobacco East Asia Area. Dalam melaksanakan tugas ini, Cheryl Wong telah mengetuai Program Bakat Kawasan dengan menumpukan usaha bagi memastikan saluran bakat untuk kerjaya di peringkat rendah dan pertengahan dilaksana dengan berkesan dalam konteks pasaran baru yang mencabar, menyediakan peluang perkembangan yang mantap bagi bakat tempatan dan mewujudkan tempat kerja di mana pekerja dapat mencapai prestasi yang terbaik di samping mengecapi kepuasan bekerja, ke arah menyediakan organisasi menghadapi cabaran masa depan.

Beliau adalah pemegang Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dengan kepujian, dalam bidang Pentadbiran Perniagaan, Universiti Malaya dan Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan, Heriot-Watt University, Edinburgh.

Cheryl Wong dilantik sebagai Pengarah Sumber Manusia di British American Tobacco (Malaysia) Berhad pada November 2008.

Cheryl Wong adalah ahli Lembaga Pengarah bagi beberapa subsidiari dalam Kumpulan.



**Stephen James Rush**
Pengarah Kewangan
Warganegara Australia, 41 tahun

Dengan kerjayanya sebagai akauntan, Stephen James Rush menyertai Kumpulan British American Tobacco pada 1995. Sepanjang perkhidmatannya, beliau telah memegang beberapa portfolio termasuk Pengarah Kewangan British American Tobacco Cambodia, Pengarah Kewangan British American Tobacco Poland dan Timbalan Pengawal Kewangan Serantau bagi British American Tobacco p.l.c.

Stephen Rush adalah ahli Lembaga Pengarah dan juga ahli Lembaga Pengarah bagi beberapa subsidiari Kumpulan.

Butiran profil Stephen Rush dipaparkan di muka surat 36 Laporan Tahunan ini.



### Christine Lee Oi Kuan

Pengarah Hal Ehwal Korporat dan Perundangan
Warganegara Malaysia, 50 tahun

Christine Lee Oi Kuan dilantik ahli Kumpulan Pengurusan Kanan di British American Tobacco (Malaysia) Berhad pada 1 Januari 2006 dan memikul tanggungjawab sebagai Pengarah Hal Ehwal Korporat dan Perundangan British American Tobacco (Malaysia) Berhad pada 1 September 2006. Beliau telah berkhidmat di British American Tobacco (Malaysia) Berhad sejak 2001.

Christine Lee memulakan kerjayanya di British American Tobacco (Malaysia) Berhad sebagai Ketua Perundangan dan Setiausaha Syarikat. Sebelum ini beliau adalah Pengurus Perundangan dan Setiausaha Syarikat di dua (2) buah syarikat tersenarai awam iaitu Hong Leong Industries Berhad dan Malaysia Pacific Industries Berhad.

Pemegang ijazah undang-undang Universiti Malaya, Christine Lee pernah berkhidmat di Jabatan Peguam Negara, Malaysia daripada 1983-1993 di Bahagian Pendakwaan serta Bahagian Penasihat dan Undang-Undang Antarabangsa.

Berperanan sebagai Pengarah Hal Ehwal Korporat dan Perundangan, Christine Lee bertanggungjawab dalam hal ehwal korporat, kawal selia dan perundangan berkaitan Kumpulan.

Christine Lee adalah ahli Lembaga Pengarah bagi beberapa subsidiari Kumpulan.



### Allen Lim Hun Chye

Pengarah Perkhidmatan Pembangunan Perniagaan
Warganegara Malaysia, 52 tahun

Allen Lim Hun Chye menyertai Rothmans of Pall Mall (Malaysia) Berhad, kini British American Tobacco (Malaysia) Berhad pada 1990, sebagai Akauntan Perdagangan. Beliau memegang ijazah Sarjana Muda Perdagangan, University of Melbourne dan ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan, Monash University, Australia. Beliau menganggotai dua (2) badan perakaunan iaitu Institute of Chartered Accountants di Australia dan Institut Akauntan Malaysia. Tambahan lagi, beliau juga adalah ahli Institut Setiausaha dan Pentadbiran Berkanun Malaysia (MAICSA).

Beliau berkhidmat dalam pelbagai jawatan beroperasi yang merangkumi fungsi Teknologi Maklumat dan Kewangan. Selepas pengumuman penggabungan Rothmans of Pall Mall dan Malaysian Tobacco Company Berhad pada 1999, Allen Lim telah dilantik sebagai Pengurus Integrasi. Beliau kemudiannya berperanan sebagai Pengurus Kewangan Korporat selama dua (2) tahun sebelum menjadi Ketua Kewangan Pemasaran Jenama pada 2004 dan selepas itu Ketua Kewangan Pemasaran pada 2005. Pada April 2006, Allen Lim menjalankan tugas sebagai Ketua Pembangunan Perniagaan Strategik dan pada September 2006, beliau dilantik sebagai Pengarah Pembangunan Perniagaan.

Allen Lim telah menjalankan tugas sebagai Pengarah Perkhidmatan Pembangunan Perniagaan yang merupakan unjuran kepada portfolio beliau pada masa kini yang melibatkan Anti Penyeludupan, Teknologi Maklumat, Strategi dan Perancangan, Maklumat Perniagaan, Jabatan Pengurusan Program dan Perlindungan Perniagaan.

Allen Lim adalah ahli Lembaga Pengarah bagi beberapa subsidiari Kumpulan.



### Rashed Ahmed

Pengarah Pemasaran
Warganegara Bangladesh, 41 tahun

Rashed Ahmed dilantik sebagai Pengarah Pemasaran di British American Tobacco (Malaysia) Berhad pada Mei 2007. Beliau berkelulusan ijazah Pentadbiran Perniagaan, Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia.

Beliau menyertai British American Tobacco Bangladesh pada 1995 dan memegang pelbagai jawatan dari 1995 hingga 1998. Rashed Ahmed merupakan Ketua Jenama Antarabangsa bagi British American Tobacco Poland dari 2000 hingga 2002. Beliau kemudian menyandang jawatan Ketua Pemasaran British American Tobacco Bangladesh dari 2003 hingga 2007. Sebelum Rashed Ahmed menyertai Kumpulan British American Tobacco, beliau merupakan Pengurus Jenama di Unilever Bangladesh Limited.

Rashed Ahmad adalah ahli Lembaga Pengarah bagi beberapa subsidiari Kumpulan.




# Pertumbuhan



# tanpa batasan

Jenama  Utama Global kami terus menjadi mercu tanda pertumbuhan Syarikat yang diperkukuhkan lagi dengan pemasaran dagangan dan pengedaran yang berkesan menjangkaui jangkaan.

# MENJANGKAU KEJAYAAN JENAMA UTAMA GLOBAL

**Pada 2008, kami membuat pelaburan besar mempertingkatkan keupayaan Jenama dan Pemasaran Dagangan serta Pengedaran untuk menawarkan para pengguna kami – perokok dewasa mengalami keunggulan merokok yang boleh mereka nikmati berbanding jenama pesaing di pasaran. Kami percaya bahawa pelaburan ini mampu menampung kelestarian penerajuan kami dalam industri tembakau di Malaysia yang kian bertumbuh untuk beberapa tahun akan datang.**



**Rashed Ahmed**
Pengarah Pemasaran

2008 merupakan satu lagi tahun yang berjaya dan menarik hasil gabungan usaha Jenama Utama Global kami. Keunggulan di semua peringkat nyata telah mendorong kejayaan ini, yang mana DUNHILL terus mencatat kedudukannya sebagai jenama terulung di Malaysia. KENT mulai merintis laluan untuk mara mendahului dalam segmen Premium Lights dan Premium Menthol, sementara PALL MALL mengorak selangkah lagi selaras dengan wawasan kami menjadi rokok Nombor Satu dalam segmen nilai untuk wang (VFM).

Pengenalan VOGUE di rangkaian lapangan terbang global turut mencatatkan komitmen kami untuk menerajui penerokaan dalam segmen baru.

## DUNHILL

### PERTUMBUHAN PENGUASAAN PASARAN TIGA TAHUN BERTURUT-TURUT




**Penguasaan Pasaran DUNHILL**

*Sumber: Nielsen, Audit Peruncitan*

Untuk tiga tahun berturut-turut, DUNHILL meluaskan penguasaan pasarannya walaupun berhadapan dengan cabaran dinamik industri. 2008 merupakan satu lagi mercu tanda kepada jenama ini yang mana penguasaan pasarannya meningkat sebanyak 1.3% kepada 41.5%.

### DUNHILL: PENERAJU ULUNG SEGMEN PREMIUM




**DUNHILL Peneraju Ulung Segmen Premium**

*Sumber: Nielsen, Audit Peruncitan*

DUNHILL juga turut menempa kejayaan baru pada tahun 2008, menjangkaui 60% penguasaan pasaran dalam segmen premium, didorong oleh keutuhan program penjenamaan yang tertumpu kepada penawaran yang terunggul berpandukan kepada penampilannya selaku 'Pakar Kesempurnaan Tembakau'.

### TUNAI TUNTUTAN UNTUK KESEMPURNAAN

2008 menyaksikan DUNHILL mengambil pendekatan berani bagi mengukuhkan keunggulannya di pasaran.

Kunci kejayaan DUNHILL adalah dengan mengubah fokus di sebalik tanggapan 'Pakar Kesempurnaan Tembakau' dan keutuhan warisannya (sejak 1907) kepada inisiatif yang berkesan dan mantap.

## SOROTAN MENARIK DUNHILL 2008




**PELANCARAN PENAWARAN TERUNGGUL**
Satu lambang kesempurnaan. Pek King Size 20 dalam edisi terhad yang eksklusif.




Pakar kesempurnaan dalam tembakau diikuti pula penawaran Lights dan Menthol mendorongkan pertumbuhan volum sebanyak 18% pada 2008 bagi rangkaian produk DUNHILL.



Siri edisi terhad eksklusif yang terunggul dan berprestij daripada DUNHILL mengukuhkan lagi kedudukan jenama di peringkat teratas.







# KENT




**Penguasaan Pasaran KENT**

*Sumber: Nielsen, Audit Peruncitan*

## MENERAJUI PASARAN DENGAN INOVASI

2008 merupakan tahun gemilang bagi KENT, hasil pelancaran semula secara menyeluruh menyaksikan ia digabung dengan PETER STUYVESANT, mewujudkan varian baru – KENT Red. Ini diikuti pula dengan pelancaran rekabentuk baru untuk varian Lights dan Menthol.

## KEDUDUKAN SESUAI UNTUK PERTUMBUHAN

KENT telah mencapai kejayaan sejak pelancaran semula jenamanya menguasai pasaran daripada 0.9% kepada 1.4% dan dijangka akan terus berkembang.

## P2K (PETER STUYVESANT KEPADA KENT)

Pergabungan KENT dan PETER STUYVESANT telah dianjurkan untuk memantapkan kedudukan jenama tersebut bagi merintis aktiviti penjenamaan pada masa depan. Pergabungan ini melahirkan KENT PETER STUYVESANT baru Citarasa Asal juga dikenali sebagai KENT Red.

## PELANCARAN VARIAN LIGHTS DAN MENTHOL

Pelancaran 3TEK dan MINTEK merupakan langkah pertama untuk memperkenalkan KENT sebagai "Merokok Cara Moden". 3TEK dan MINTEK mencirikan kegayaan KENT, menampilkan citarasa yang terbaik melalui teknologi dan inovasi – Teknologi Transmisi Citarasa.

## MEMPERKENALKAN TEKNOLOGI TRANSMISI CITARASA

Pelancaran KENT secara menyeluruh mampu memberikan jenama ini cabaran kepada pesaing utamanya dalam segmen lights dan menthol premium. Dengan pelan inovasi produk yang teguh, masa depan disasarkan akan lebih menarik lagi apabila KENT meneruskan usahanya untuk meneraju dalam segmen lights dan menthol premium.

**Tarikan jenama mencatatkan peningkatan ketara menunjukkan potensi pertumbuhan yang teguh**




**Lambang:** Sebelum Pelancaran Selepas Pelancaran

*Sumber: Nielsen, Audit Peruncitan*

# PALL MALL




**Penguasaan Pasaran PALL MALL**

*Sumber: Nielsen, Audit Peruncitan*

## MENCAPAI WAWASAN UNTUK MENJADI NOMBOR SATU DALAM SEGMEN NILAI UNTUK WANG (VFM)

2008 merupakan tahun kecemerlangan bagi PALL MALL apabila sekali lagi menghasilkan prestasi lebih baik berbanding tahun-tahun sebelumnya dari segi penguasaan pasaran dan volum. Prestasi mengagumkan ini tercapai dalam suasana persaingan yang sengit.



## JENAMA PERTAMA MALAYSIA DENGAN HUJUNG BERLAMBANG

PALL MALL memperkenalkan hujung berlambang pada awal tahun, menampilkan gaya moden, prestij dan ala antarabangsa.

## JEMURAN MATAHARI SEMULAJADI UNTUK KEENAKAN CITARASANYA

Kisah produk PALL MALL diberi nafas baru berjaya mendapat sokongan peruncit kerana yakin dengan keupayaan PALL MALL menjadi VFM Nombor Satu di Malaysia.

## WAJAH BARU, KEHEBATAN CITARASA TETAP SAMA

PALL MALL menyuntik pengubahan seterusnya dalam jenamanya dengan rekabentuk pek baru, supaya nampak gaya premium, moden, bermutu tinggi dan unik. Sejajar dengan ciri keupayaan sebenarnya, PALL MALL telah berjaya "Meningkat Maju dan Bertambah Baik" melalui ketersediaan, penonjolan dan komunikasi yang dipertingkatkan.




## GABUNGAN DUA KEUNGGULAN

PERILLY's berpadu tenaga dengan PALL MALL untuk menghasilkan PALL MALL PERILLY's Citarasa Asli. Dengan gabungan ciri-ciri moden, gaya antarabangsa dan keistimewaan PALL MALL dengan kualiti terkemuka PERILLY'S, kini menjadi barisan jenama ini semakin besar.







# VOGUE DI MALAYSIA

## MENERAJUI PENEROKAAN SEGMEN BARU

Berpandukan corak kebebasan dan kecanggihan pelanggan moden, kini diperkenalkan VOGUE, jenama rokok premium paling tipis.

VOGUE dilancarkan pada akhir bulan September 2008 dengan Tanda VOGUE, varian utama dalam barisan portfolio VOGUE. Jenama premium ini hanya boleh didapati di kawasan-kawasan bebas cukai di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur dan Terminal Penerbangan Tambang Murah.

AMARAN OLEH KERAJAAN MALAYSIA – MEROKOK MEMBAHAYAKAN KESIHATAN

# PEMASARAN DAGANGAN DAN PENGEDARAN

## MEMERAH TENAGA UNTUK KELEBIHAN MAPAN DAN KETARA DALAM PEMASARAN DAGANGAN DAN PENGEDARAN (TMDX)

**Bagi terus menggesakan usaha TMDX yang dilaksanakan pada 2007, tiga bidang fokus utama rangkaian pengedaran merangkumi tenaga kerja, proses dan sistem dipertingkatkan lagi pada 2008 untuk membolehkan warga kerja kami memerah segala kemampuan mereka menyampaikan prestasi konsisten yang menjangkaui segala cabaran dalam suasana pasaran yang dinamik.**



*Penyampaian tahap perkhidmatan yang berkesan dan konsisten kepada pelanggan yang kami nilai*



*Pakar Jualan dilengkapkan akses segera kepada maklumat tepat*

## RANGKAIAN PENGEDARAN

Asas bagi pertumbuhan dalam Jualan Kedai Langsung (DSS) dan membina kongsi niaga jangka panjang yang mapan ialah melalui program Kecemerlangan Pengedar Eksklusif (EDx).

### MENGUKUH ASAS PERTUMBUHAN DSS

Teras DSS adalah mengekal dan menyampaikan tahap perkhidmatan tinggi yang berkesan dan konsisten kepada pelanggan yang kami nilai dan pada masa yang sama membina dan menyampaikan daya saing TMDX yang kekal dan penting. Salah satu faktor utama terletak pada barisan hadapan tenaga kerja kami, iaitu Pakar Jualan kami yang merupakan tenaga utama yang menggerak dan menyampaikan perkhidmatan terbaik kepada rakan niaga kami seluruh negara.

Sejajar dengan budaya memercu prestasi cemerlang, kami komited dan melabur ke arah mempertingkatkan kemahiran Pakar Jualan kami melalui program penuh semangat dikenali Program CHARGE pada 2008, yang mensasarkan untuk membina tenaga Pakar Jualan menjadi tenaga barisan hadapan yang moden, progresif dan kental. Program tersebut termasuk menanam pemikiran positif, keyakinan dan motivasi.

### MEMBINA KONGSI NIAGA BERKEKALAN DENGAN EDX

Selain daripada DSS, rangkaian pengedaran dilengkapi juga dengan program EDx kami, yang akan memastikan kami mengekalkan dan menyampaikan tahap perkhidmatan cemerlang kepada perdagangan runcit.

Matlamat program EDx adalah untuk mengenal pasti dan menggalakkan rakan niaga yang terpilih bagi membina perkongsian berkekalan sejajar dengan objektif perniagaan kami.

EDx pertama kami mula dilancarkan pada suku empat 2008 dan telah berjaya diserapkan dengan meluas dalam rangkaian pengedaran kami. EDx telah membantu memupuk hubungan dan kerjasama lebih erat, menyelaras petunjuk dan ukuran prestasi utama dan penghuraian jangkaan untuk prestasi perniagaan yang lebih baik.

Cara baru bekerja merangkumi perkara-perkara berikut:

- Proses semakan perniagaan
- Penetapan sasaran dan pemantauan perkembangan
- Insentif berkaitan prestasi
- Persekitaran bekerja yang lebih baik untuk warga kerja kami

## TENAGA KERJA – MENERAPKAN SKIM INSENTIF NASIONAL YANG TERBAIK

Bagi syarikat menyokong usaha keseluruhan pemasaran sebuah skim yang lengkap diperkenalkan pada 2008 dengan matlamat mendorong keputusan perniagaan yang lebih baik melalui mekanisme ganjaran mengikut prestasi. Skim ini membezakan dengan jelas dan memberi penekanan terhadap sumbangan individu tetapi pada masa yang sama memupuk semangat kerja berpasukan. Skim ini mempunyai petunjuk prestasi yang meliputi volum jualan, prestasi yang konsisten dan pelaksanaan dan pengiktirafan perlakuan amalan terbaik.

## PROSES DAN SISTEM – MEMANFAATKAN KUASA MAKLUMAT UNTUK KEBERKESANAN PERDAGANGAN

Dengan kejayaan penerapan sistem SWIFT (Gabungan sistem pengurusan dan pelaksanaan) dalam pengurusan TMDX pada 2007, kami kini lebih lengkap dan berupaya memanfaatkan maklumat untuk mensasar lebih tepat, melabur dengan cekap dan memberi kesan kepada pasaran untuk prestasi perniagaan yang lebih cemerlang seluruh negara.

Semua Pakar Jualan dan Eksekutif Pemasaran Luar kami dilengkapkan dengan Personal Digital Assistant (PDA) bimbit untuk akses segera kepada maklumat tepat bagi mencapai objektif Tempat Pembelian.

Peningkatan ketara yang dicapai termasuk:

- pelan volum yang tepat dan mengikut masa yang ditetapkan Pengedar Eksklusif kami
- komunikasi berkesan untuk rakan niaga kami (peruncit) mengenai pemutusan pembelian mereka
- fleksibiliti dan kepantasan pasukan TMDX untuk bertindak balas yang lebih baik dan memberi kesan untuk sebarang perubahan yang diperlukan dalam persekitaran pasaran yang dinamik.


kelancaran
PIMPINAN
PRODUKTIVITI
PERTUMBUHAN
TANGGUNGJAWAB
ORGANISASI CEMERLANG



# produktiviti

Kami terus mencapai kecemerlangan produktiviti yang menjangkaui tahun-tahun sebelumnya dengan mengembleng sumber bagi memastikan keunggulan dalam kualiti, pengelolaan dan keberkesanan kos.

# MENJANGKAU KECEKAPAN PRODUKTIVITI

**British American Tobacco Malaysia telah mewujudkan pendekatan bersepadu yang sentiasa berkembang bagi mencapai kecemerlangan prestasi dan kemapanan dalam tempat pasaran yang dinamik dan kerap berubah. Kami bertekad untuk mengurangkan kos asas, sambil mempertingkatkan kualiti produk, kepantasan ke pasaran serta keberkesanan operasi keseluruhan kami untuk mencapai wawasan kami menjadi Pilihan Pertama bagi Rantaian Bekalan di Asia Pasifik.**



**Dato' Chan Choon Ngai**
Pengarah Operasi

## BREAKTHROUGH 3

Breakthrough 3 (BT3) merupakan fasa ketiga usul Breakthrough British American Tobacco Malaysia yang dimulakan pada 2002 dan merupakan kesinambungan program Breakthrough 1 (2002-2004) yang tertumpu kepada penambahbaikan prestasi dan Breakthrough 2+ (2005-2006) yang tertumpu kepada Pelanggan dan Rantaian Bekalan hujung ke hujung.

**Matlamat BT3 dipaparkan melalui gambarajah di bawah:**

**NO.1**

RANGKAIAN PEMBEKALAN NO. 1 BRITISH AMERICAN TOBACCO DALAM KUALITI, PENGHANTARAN DAN KEBERKESANAN KOS

**MASA DEPAN YANG DIIDAMKAN**

UNTUK MENJADI PILIHAN RANGKAIAN PEMBEKALAN UTAMA BAGI ASPAC

| TUMPUAN KEPADA PELANGGAN | TERBAIK DALAM KELAS KOS (PDPC) | RANGKAIAN PEMBEKALAN YANG CEKAP DAN TANGKAS | KEPIMPINAN INSAN |
|---|---|---|---|
| Mengukuhkan Perkhidmatan Pelanggan kami untuk menambah nilai melalui kecemerlangan operasi dan penawaran kepelbagaian produk dan perkhidmatan | Memperbaiki Keseluruhan kos produk daripada reka bentuk hingga ke penghantaran | Memperkemaskan proses rangkaian pembekalan bagi meningkatkan tindak balas, ketangkasan dan memantapkan keupayaan mengurus kerumitan | Terus membina pasukan yang mampu berdikari dan usaha berterusan untuk mencapai kecemerlangan prestasi |

**KECEMERLANGAN OPERASI**

Berterusan meningkat dan menerajui amalan terbaik dalam sistem, pemprosesan serta peralatan menerusi

• Inovasi • Meningkatkan kedudukan yang sedia ada • Menetapkan aras tanda

Program BT3 yang diwujudkan pada 2007 telah memberi manfaat kepada Syarikat menjangkaui sasaran yang ditetapkan sepanjang tempoh dua tahun (2007-2008) seperti berikut:

- volum eksport meningkat sebanyak 39%
- Penjimatan kos PDPC melebihi sasaran sebanyak 5%
- Kos pengilangan setiap ribuan batang berkurangan sebanyak 5%
- Produktiviti (rokok setiap jam) bertambah baik sebanyak 30%
- Jeda masa rantaian bekalan meningkat sebanyak 50%
- Penyertaan 100% kakitangan dalam aktiviti Penambahbaikan Berterusan

Program BT3 mengaut kejayaan besar walaupun berhadapan dengan keadaan perniagaan yang semakin rumit dan kegawatan ekonomi global. Pada bulan Julai 2008, setelah menyedari hakikat bahawa apa yang tetap merupakan perubahan, Syarikat melancarkan proses melaksanakan program perubahan berikutnya – Breakthrough 4, dengan tujuan untuk mengenalpasti peluang untuk mengoptimum kos produk dan mempertingkatkan produktiviti keseluruhan berterusan.

# PENAMBAHBAIKAN BERTERUSAN

Fungsi Operasi telah mencapai satu mercu tanda yang hebat pada 2008 melalui penyertaan 100% kakitangan dalam program CI-Kaizen Penambahbaikan Berterusan Syarikat yang mendorong setiap kakitangan Operasi memberi cadangan dan menyiapkannya sekurang-kurangnya satu inisiatif CI-Kaizen.

Inisiatif yang telah siap menumpu kepada pemudahan kerja, menambahbaik kualiti dan produktiviti, mengurangkan pembaziran yang tidak sepatutnya dan menjadikan persekitaran kerja lebih selamat, selesa, bersih dan kemas. Semua inisiatif CI-Kaizen yang dilaksanakan ini telah melonjakkan produktiviti dalam fungsi Operasi.

Sejumlah 2,600 inisiatif CI-Kaizen telah siap dilaksanakan sejak pelancaran program ini pada Oktober 2006. Dengan kadar penyertaan yang tipis pada peringkat awal pelancarannya, kini Syarikat berjaya mencatatkan lebih 2,000 inisiatif CI-Kaizen sepanjang tempoh 2 tahun berikutnya; melangkau kadar sasaran penyertaan pada 2008 lebih dua kali ganda.

Pencapaian yang ketara pada 2008 ini jelas menunjukkan perubahan budaya dan minda positif di kalangan kakitangan yang akan menjurus kepada penambahbaikan berterusan.

## PECAHAN INISIATIF CI-KAIZEN YANG SIAP DILAKSANAKAN

**MERCU TANDA**
**BILANGAN INISIATIF CI-KAIZEN YANG SIAP**



## KADAR PENYERTAAN KAKITANGAN MENJANGKAUI KADAR PENYERTAAN YANG DISASAR

### JUMLAH PRESTASI CI-KAIZEN YANG SIAP SEKURANG-KURANGNYA SATU CI-KAIZEN PADA DISEMBER 2008




### PECAHAN MANFAAT CI-KAIZEN MENGIKUT KATEGORI PADA DISEMBER 2008



## MERAPATKAN JURANG MELALUI QUATRO+

Bagi membolehkan rakan niaga menempah pesanan dan mempunyai ruang simpanan untuk berkongsi maklumat strategik bagi proses pemutusan dan perancangan yang lebih teratur, Syarikat mewujudkan Portal Pengurusan Pesanan yang cekap dikenali sebagai Quatro+.

**MANFAAT QUATRO+**

**Asas Masa Depan**

- Platform bersama sebagai sokongan kepada pembelian produk oleh pelanggan secara berfokus
- Platform bersama untuk pelanggan dalaman dan luaran

**Peningkatan Penampilan Pelanggan**

- Penampilan Syarikat sebagai pembekal yang diberi keutamaan dengan menawarkan perkhidmatan pelanggan yang cemerlang melalui operasi tanpa sempadan
- Penglibatan berterusan dengan pelanggan untuk memahami rintangan yang dihadapi

**Menugaskan Kuasa**

- Maklumat yang segera boleh didapati

**Proses Jualan Seragam**

- Membolehkan proses jualan yang tersusun, pengurangan masa kitaran, peningkatan perkhidmatan pelanggan dan pengurusan kawalan lebih cekap

**Satu Sumber Data**

- Meningkatkan ketepatan maklumat pengurusan
- Berkongsi maklumat strategik dengan pelanggan

**Perolehan Kecekapan**

- Lebih banyak penjimatan masa, misalnya menyelaraskan dokumen (invois, Tempahan Belian)
- Menambah fokus kepada aktiviti strategik tambah nilai berbanding pentadbiran

Quatro+ membolehkan para pengguna melihat semua pesanan, daripada akaun utama dan pasaran eksport berserta maklumat jadual penghantaran berjadual. Untuk akaun utama rakan niaga, pesanan mereka akan dimasukkan dalam PDA pasukan Dagangan kami di mana proses dan butiran dihantar segera ke sistem SAP. Bagi pasaran eksport pula, para pengguna boleh memperoleh maklumat pesanan, stok dan kuantiti dalam talian. Pelbagai laporan juga boleh diperolehi untuk penyesuaian Pesanan e-Pembelian dan e-Invois.

Sejak pelancaran Quatro+ pada Jun 2008, pemprosesan pesanan secara manual telah dapat dikurangkan dengan ketara sebanyak 90%. Inisiatif pertama dan penting oleh Syarikat ini dalam membabitkan rakan niaga akaun utama dan pasaran eksport telah menempatkan Syarikat sebagai pembekal pilihan utama dengan menawarkan perkhidmatan cemerlang pelanggan menerusi operasi tanpa sempadan.

## KEJAYAAN PELANCARAN SISTEM PESANAN DAUN DAN BEKALAN GLOBAL

Syarikat melaksanakan Sistem Pesanan dan Bekalan Daun Global (GLOSS) pada September 2008 yang menggabungkan perancangan permintaan, pemerolehan dan penghantaran semua dagangan antarabangsa tembakau oleh syarikat-syarikat Kumpulan British American Tobacco. GLOSS dibina menggunakan keupayaan sistem Advanced Planner and Optimiser SAP yang membantu menyokong dan menambahbaik proses-proses yang terlibat.

Pada Oktober 2008, teknologi terbaru PDA dilengkapi, pencetak dan aksesori Bluetooth mudahalih untuk eDaun, iaitu sistem IT yang mengendali operasi daun tempatan, perancangan dan pengurusan tanaman berjaya disempurnakan.

## SATU IT

British American Tobacco Malaysia menjalankan beberapa siri bengkel untuk menjalin dan menambahbaik hubungan kerja dengan rakan niaga dan pembekal bertujuan meningkatkan perkhidmatan pelaksanaan IT dalam persekitaran yang kerap berubah. Fokus utama adalah untuk menambahbaik komunikasi, mengukuhkan hubungan kerja dan menambahbaik kejelasan peranan. Ini menghasilkan pelaksanaan projek yang lebih baik, sokongan berkualiti, komunikasi yang lebih mantap, persekitaran dan budaya kerja yang lebih menyenangkan.

# meneladani


PIMPINAN
PRODUKTIVITI
PERTUMBUHAN
TANGGUNGJAWAB
ORGANISASI CEMERLANG



# tanggungjawab

Sesebuah perniagaan yang mapan adalah yang mampu menangani kesan utama perniagaan berkaitan sosial, alam sekitar dan ekonomi dengan cara yang memupuk nilai pihak berkepentingan dan pemegang saham, lantas meningkat kemantapan perdagangan yang menjangkau tahun-tahun akan datang.

# MENGGALAKKAN TANGGUNGJAWAB MENJANGKAU SEMPADAN TRADISI

**Empat dasar iltizam komitmen kami menjadi teras Rangka Tanggungjawab Korporat kami dan terus menampilkan keikhlasan dan kesungguhan kami menyumbang kepada masyarakat dan peka terhadap pihak berkepentingan kami.**



**Christine Lee Oi Kuan**
Pengarah Hal Ehwal Korporat dan Perundangan

Datuk Seri Zarinah Anwar, Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti, menghuraikan tanggungjawab korporat (CR) sebagai "bukan sekadar cek dan penajaan semata-mata walaupun itu sememangnya penting. Ia mengenai melakukan sesuatu yang betul" semasa beliau melancarkan buku berjudul "Rising to the Challenge".

Kami berpegang teguh kepada pengertian CR sedemikian. Pada kami di British American Tobacco Malaysia, CR menjangkaui bagaimana kami membelanjakan wang kami. Ia mengenai bagaimana kami memperoleh wang kami.

Tanggungjawab adalah dasar utama yang menjadi teras strategi perniagaan British American Tobacco Malaysia dan sebagai peneraju dalam industri tembakau Malaysia, kami mengamalkan perlakuan korporat yang bertanggungjawab merentasi semua aspek operasi kami. Reputasi kami adalah sepenting jenama kami dan kami percaya bahawa pertumbuhan dan produktiviti tidak akan tercapai dengan mengendahkan tanggungjawab. Unsur-unsur CR telah mengalir dalam nadi Syarikat kami sejak berdekad lamanya. Kini, Syarikat menyedari keperluan untuk menerapkan CR selaras dengan langkah kami untuk mengukuhkan perlakuan yang bertanggungjawab dalam semua usaha kami berkaitan korporat, sosial dan alam sekitar.

## RANGKA CR BRITISH AMERICAN TOBACCO MALAYSIA

Rangka CR Syarikat adalah selaras dengan rangka CSR Bursa Malaysia yang dilancarkan pada 2007 sebagai garis panduan untuk syarikat-syarikat tersenarai awam di Malaysia. Dalam hal ini, kami berasa bangga untuk memaklumkan bahawa kami merupakan di antara 4.5% syarikat-syarikat tersenarai awam terkemuka di Malaysia yang telah menerajui dengan tanggungjawab (menurut Kaji Selidik CSR Bursa Malaysia 2008).

Satu pasukan CSR dikhususkan untuk mengurus operasi dan aktiviti harian CR, yang ditadbir oleh satu Jawatankuasa CSR terdiri daripada Kumpulan Pengurusan Kanan Syarikat yang dipengerusikan oleh Pengarah Urusan. Jawatankuasa ini sejurusnya melapor kepada Lembaga Pengarah melalui Jawatankuasa Audit. Ia turut melapor kepada Jawatankuasa CSR Serantau British American Tobacco yang kemudiannya menyampaikan laporan kepada Jawatankuasa Global CSR British American Tobacco.

*Halaman berikutnya memaparkan maklumat usaha CR kami. Untuk memahami lebih lanjut, sila rujuk Laporan Sosial 2006-2008 kami melalui laman web kami di www.batmalaysia.com.*

# TANGGUNGJAWAB KORPORAT BERSEMADI DENGAN KAMI

## RANGKA CR BRITISH AMERICAN TOBACCO MALAYSIA




### KETELUSAN MEMBUAT LAPORAN

Kami percaya bahawa kami memainkan peranan penting dalam membentuk agenda tanggungjawab di Malaysia dan dengan demikian, laporan sosial kami disediakan mengikut piawaian amalan terbaik antarabangsa AA1000 Assurance Standard yang memberi panduan tentang penglibatan pihak berkepentingan dan Inisiatif Pelaporan Global (GRI) yang melakar tiga perkara asas pelaporan Syarikat.

Syarikat menekankan kepentingan ketelusan untuk memberi pandangan menyeluruh tentang prestasi ekonomi, alam sekitar dan sosial Syarikat kepada pihak berkepentingan.

*Untuk mendapatkan butiran mengenai prestasi ekonomi, alam sekitar dan sosial GR1-G3 kami (versi 3.0), sila layari laman web kami di www.batmalaysia.com.*

## MASYARAKAT

Sebagai warga korporat bertanggungjawab yang mempunyai sejarah gemilang di Malaysia, British American Tobacco Malaysia tegas dalam kepimpinan yang bertanggungjawab dan menambah nilai kepada masyarakat di mana ia beroperasi.

Ini jelas terbukti melalui iltizam kami menyokong masyarakat dalam pelbagai bidang daripada pendidikan hingga kepada kebajikan masyarakat melalui Yayasan British American Tobacco Malaysia yang bermatlamat:

- meringankan kebebanan, keperitan dan penderitaan yang ditanggung oleh warga emas, orang kurang berupaya, yang sakit atau mereka yang kurang bernasib baik dan
- menggalakkan, membangun dan mempertingkatkan peluang pendidikan

Yayasan British American Tobacco Malaysia dikenali melalui program biasiswa pengajian tingginya dan Kelengkapan Pemulaan Pendidikan Tinggi (HESK), yang mana kedua-duanya memberi penekanan dan mengiktiraf kepentingan pendidikan bagi apa jua kebarangkalian yang tiada batasan kepada insan yang bercita-cita tinggi.

### MENDORONG KEJAYAAN MELALUI PENDIDIKAN

Program biasiswa Yayasan British American Tobacco Malaysia dapat memanfaatkan kakitangan yang layak, anak-anak kakitangan, peruncit, penanam dan pengawet daun tembakau.

Para penerima juga diberi peluang menyertai British American Tobacco Malaysia sebagai pelatih jika kursus yang mereka ikuti membenarkan atau memerlukannya. Setelah tamat pengajian, mereka juga akan berpeluang memohon untuk mengikuti Program Pelatih Pengurusan Syarikat.

Pada 2008, Yayasan British American Tobacco Malaysia telah menawarkan sejumlah RM439,500 kepada 21 penerima biasiswa yang layak untuk tempoh kursus pengajian tinggi mereka.

## KELENGKAPAN PEMULAAN PENDIDIKAN TINGGI (HESK)

HESK adalah usaha sama Yayasan British American Tobacco Malaysia dan Lembaga Tembakau Negara dijalinkan sejak 2002 bermatlamat membantu anak-anak masyarakat penanam dan pengawet tembakau bagi menampung kos permulaan yang diperlukan untuk memasuki institusi pengajian tinggi.

Pada 2008, seramai 339 pelajar telah ditawarkan wang sejumlah RM201,100, yang mana Yayasan British American Tobacco Malaysia dan Lembaga Tembakau Negara menyumbang jumlah yang sama rata.

## MENYENTUH KEHIDUPAN MANUSIA

Program Sukarelawan Kakitangan (EVP) yang diperkenalkan pada 2007 bertujuan menanam semangat sukarelawan di kalangan kakitangan supaya menyumbang kepada masyarakat yang kurang bernasib baik.

Pada 2008, kakitangan kami mengunjungi Rumah Orang-Orang Tua Caring dan menyerikan suasana di pusat tersebut dengan membersih, menyental dan mengecat premis sambil meluangkan masa bersama-sama dengan warga tua tersebut. Pada tahun yang sama, kira-kira 25 orang sukarelawan telah membawa para pelajar istimewa dari Pusat Belajar Dayspring ke Banghuris Homestay, Sepang untuk mengalami gaya hidup tradisi perkampungan Melayu.

## KEPRIHATINAN TERHADAP BENCANA ALAM

Sebagai sebahagian daripada inisiatif Pelaburan Sosial Korporat (CSI), kami prihatin terhadap masyarakat yang ditimpa bencana alam sama ada tempatan atau di rantauan bagi meringankan beban mereka.

Sejak 2007, kami telah memulakan amalan memadankan setiap Ringgit yang disumbang kakitangan kepada tabung bencana alam yang diluluskan oleh Syarikat. Sejak daripada itu, Syarikat telah menghulur sejumlah RM801,000 kepada masyarakat yang menanggung kerugian seperti mangsa banjir di Johor dan Melaka, Taufan Nargis di Myanmar dan Gempa Bumi Sichuan di negara Cina.




*Datuk Ir. Idris Haron, Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, (kiri) dan Jack Bowles, Pengarah Urusan British American Tobacco Malaysia di majlis Penyampaian Biasiswa 2008.*




*YB Senator A. Kohilan Pillay, Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyampaikan anugerah HESK kepada anak-anak masyarakat penanam dan penyalai tembakau.*




*Shamilla Thiru, bekas Ketua Hal Ehwal Korporat dan Kawal Selia, menyampaikan sumbangan Syarikat kepada Mona Hanim Sheikh Mahmud, Pengurus Besar Mercy Malaysia untuk membantu mangsa bencana Taufan Nargis di Myanmar.*



*Kakitangan British American Tobacco Malaysia dan pelajar istimewa dari Pusat Belajar Dayspring menikmati suasana ceria di Banghuris Homestay.*



*Kakitangan British American Tobacco Malaysia meluangkan masa bersama warga emas di Rumah Orang-Orang Tua Caring.*

# TEMPAT KERJA

Sumber terpenting British American Tobacco Malaysia adalah tenaga kerjanya dan kami bertekad untuk menyediakan kepada kakitangan kami kerjaya yang mencabar yang memberikan ganjaran dalam persekitaran kerja yang cemerlang.

Kami amat yakin pada saluran komunikasi dua hala bagi memanfaatkan kakitangan kami. Kami saling berhubungan dengan kakitangan kami melalui pelbagai komunikasi seperti sesi taklimat Biz Update, surat berita dalaman dan perkembangan harian di portal dalaman kakitangan bagi memastikan kakitangan pengurusan dan bukan pengurusan mendapat kejelasan mengenai hala tuju dan pencapaian Syarikat.

Bagi memastikan kemampanan saluran bakatnya, Syarikat berusaha menambahbaik semua aspek usul kepada kakitangan.

Semua aspek ini berkisar pada mencapai struktur ganjaran terbaik, peluang lebih luas memajukan kerjaya, persekitaran kerja yang hebat, keseimbangan kerja dan kehidupan, amalan yang lebih jelas dan proses pembangunan insan yang mantap. Kami yakin bahawa dengan semua penambahbaikan ini, kakitangan dan pihak berkepentingan luar juga akan dapat melihat British American Tobacco sebagai Majikan Terbaik.

*Butiran lanjut mengenai semua aktiviti ini boleh didapati di halaman Organisasi Cemerlang Laporan Tahunan ini.*






*Sesi taklimat Biz Update yang diadakan memberi penerangan dan maklumat terkini mengenai Syarikat kepada kakitangan.*



# PERSEKITARAN

Kami memandang berat akan tanggungjawab untuk berusaha mengurangkan kesan alam sekitar akibat operasi kami. Kami mengakui bahawa operasi kami membawa kesan kepada alam sekitar dan kami beriltizam untuk mematuhi tahap piawaian perlindungan alam sekitar yang tinggi serta memenuhi prinsip pembangunan mapan dan perlindungan biodiversiti. Langkah ini mengukuhkan kepercayaan kami dalam Penyata Prinsip Perniagaan kami untuk mencapai prestasi alam sekitar bertaraf dunia.

## PERNIAGAAN POSITIF KARBON

Program penghutanan semula telah dimulakan pada 2002 selaras dengan iltizam British American Tobacco untuk memastikan pengasingan lebih banyak karbon dioksida (CO2) berbanding yang dijana oleh operasinya untuk mencapai keneutralan karbon. Program tersebut berterusan sehingga kini dan dilaksanakan di Unit Pengurusan Hutan (FMU) No. 4, di Ulu Tungud, Sabah. Sehingga kini, sejumlah 5,009 hektar pokok telah ditanam (seluas 6,862 padang bola) dan kami bangga untuk mengumumkan bahawa berasaskan kepada unjuran perniagaan semasa, British American Tobacco Malaysia akan kekal sebagai perniagaan positif karbon sehingga 2024.

## MELIBATKAN KAKITANGAN DALAM AKTIVITI BIODIVERSITI

Satu inisiatif perdana yang dikenali sebagai Program Borneo dilancarkan pada 2008 oleh Perkongsian Biodiversiti British American Tobacco bagi menangani penyelenggaraan perkhidmatan ekosistem hutan di Asia Tenggara. Bagi menyahut seruan tersebut, tiga kakitangan British American Tobacco Malaysia telah terpilih sebagai peserta perintis untuk memulakan program ini yang berlangsung daripada 27 Oktober hingga 9 November 2008 di Hutan Simpan Malua, Sabah.

Kami percaya bahawa penyertaan kami akan dapat menyumbang sedikit sebanyak untuk memulihkan biodiversiti di Sabah yang mengalami pembalakan berlebihan sepanjang beberapa tahun dahulu.

Para peserta disediakan pengalaman sebenar dalam pemulihan hutan yang diperoleh daripada latihan ketat penyuburan penanaman' di Hutan Simpan Malua di bawah Uji Kaji Biodiversiti Sabah seluas 500 hektar.

## MENGURUS OPERASI BERTANGGUNGJAWAB

Satu audit luaran telah dilaksanakan pada bulan Julai 2008 untuk mengkaji sistem pengurusan bersepadu yang dirumus dan dilaksanakan oleh syarikat subsidiari milik penuh kami, Tobacco Importers and Manufacturers Sdn. Bhd. Sistem ini dirumus untuk mencapai tahap produktiviti dan piawaian kualiti yang lebih tinggi di kalangan kakitangan dan pada masa yang sama meminimumkan risiko kesihatan dan keselamatan. Juruaudit luar, Lloyd's Register Quality Assurance telah mencadangkan supaya Syarikat meneruskan persijilan piawaian antarabangsa berikut:

- ISO 9001 : 2000 bagi Sistem Pengurusan Kualiti
- ISO 14001 : 2004 bagi Sistem Pengurusan Alam Sekitar
- OHSAS 18001 : 2007 bagi Sistem Pengurusan Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan



*Kakitangan British American Tobacco Malaysia sedang menjalankan tugas penyuburan tanaman dalam Program Borneo.*

Di samping itu, Syarikat juga telah dianugerahkan dengan Kecemerlangan Alam Sekitar, Kesihatan dan Keselamatan (EHS) British American Tobacco oleh syarikat induk kami, British American Tobacco p.l.c. dalam 2 kategori:

- prestasi cemerlang dan penambahbaikan ketara dalam semua kategori alam sekitar berkaitan tenaga, air, sisa buangan dan kitaran semula
- pengurangan sisa buangan ketara dan penambahbaikan nisbah sisa buangan melalui pelbagai amalan kitaran semula kakitangan yang diperkenalkan.

## PROGRAM PEMENTORAN ALAM SEKITAR, KESIHATAN DAN KESELAMATAN (EHS)

Program tiga tahun Pementoran EHS merupakan program yang dibangunkan bertujuan menanda aras piawaian EHS rakan niaga utama berbanding EHS kami dan pada masa yang sama, bekerjasama dengan mereka untuk menaiktaraf piawaian dan amalan mereka. Selepas tamat program fasa pertama yang berlangsung daripada 2003 hingga 2005 bersama Tien Wah Press dan Leigh Mardon, Syarikat pula menawarkan program tersebut pada 2008 kepada dua lagi rakan niaga utama – MISC Logistics dan AMB Packaging. Audit asas kedua-dua rakan niaga utama ini dijalankan pada Disember dan ini akan digunakan untuk menanda aras penambahbaikan berterusan dalam audit-audit tahunan akan datang.

## AMALAN TERBAIK ALAM SEKITAR BERTARAF DUNIA

British American Tobacco Malaysia tetap cekal dalam usaha berterusannya untuk mencapai prestasi alam sekitar yang menepati piawaian bertaraf dunia. Ini terbukti melalui beberapa penambahbaikan berterusan dalam proses rawatan pelepasan Syarikat

melalui dua loji bio-tapis di Virginia Park, Petaling Jaya. Sebagai pelengkap kepada inisiatif ini, kami telah memasang Tundra *peat bed* khas yang diimport daripada Eropah yang bertindak untuk mengurai secara biologi bau yang dilepaskan.

British American Tobacco Malaysia juga sedang menaiktaraf Loji Rawatan Efluen (ETP) dalamannya yang kini mematuhi Piawaian B keperluan Jabatan Alam Sekitar (JAS) kepada keperluan piawaian korporat yang lebih ketat. Kami kini sedang memasang peralatan tambahan untuk menaiktaraf ETP yang dijadual akan disiapkan menjelang akhir Mac 2009.

Bagi mengurangkan lagi lepasan karbonnya, Syarikat memastikan supaya semua dandang dan mesin pengeringnya menggunakan gas asli menggantikan diesel. Ini telah kami amalkan sejak 2005 dalam usaha mengurangkan pelepasan karbon dioksida.



*Perniagaan positif karbon melalui proses penghutanan semula.*


*Dandang*


*Stesen Gas Asli*

**JUMLAH SISA BAGI TAHUN 2006, 2007 DAN 2008**

| Tahun | Sisa Berbahaya | Sisa Tidak Berbahaya | Jumlah Sisa |
|---|---|---|---|
| 2006 | 20 tan | 4,206 tan | 4,226 tan |
| 2007 | 25 tan | 2,273 tan | 2,298 tan |
| 2008 | 32 tan | 1,925 tan | 1,957 tan |
| | | **% pengurangan jumlah sisa** | **53.60 %** |

**PELUPUSAN SISA SECARA BERTANGGUNGJAWAB BAGI TAHUN 2006, 2007 DAN 2008**

| | Sisa Tidak Berbahaya | | Sisa Berbahaya |
|---|---|---|---|
| Tahun | Kitar Semula | Kambus Tanah Berlesen | Kemudahan Rawatan Sisa Berjadual |
| 2006 | 2,868 tan | 1,338 tan | 20 tan |
| 2007 | 2,222 tan | 51 tan | 25 tan |
| 2008 | 1,887 tan | 38 tan | 32 tan |

# TEMPAT PASARAN

**Kami beriltizam untuk bekerjasama dengan pihak berkepentingan kami demi menangani isu rokok haram di Malaysia secara proaktif dan berkesan.**



**Allen Lim Hun Chye**
Pengarah Perkhidmatan Pembangunan Perniagaan










Rokok haram terus menimbulkan kebimbangan pada industri rokok dan juga Kerajaan kerana secara purata telah mencecah 25.6% daripada jumlah keseluruhan pasaran rokok berdasarkan kaji selidik yang dijalankan oleh Gabungan Pengilang Tembakau Malaysia (CMTM).

Perdagangan rokok haram bukan sahaja meningkatkan kadar jenayah dan penyakit sosial di Malaysia, malah turut menjejas perniagaan sah dan mengakibatkan kerugian besar hasil cukai tahunan kepada Kerajaan yang setidaknya boleh dibelanjakan untuk perkhidmatan awam. Perdagangan rokok haram juga menjejaskan kehidupan penanam tembakau Malaysia dan memperdaya pengguna dalam membeli produk yang kualitinya mencurigakan kerana rokok haram tidak mematuhi keperluan peraturan pihak penguatkuasa.

Bagi menangani masalah ini, British American Tobacco Malaysia saling menghubungi pihak berkepentingannya melalui dialog dan melaksana pelbagai inisiatif untuk menekankan kemelaratan gejala tersebut dan bekerjasama dengan pihak berkepentingan untuk memerangi masalah ini.

**MEMERANGI ROKOK HARAM DI PASARAN**

Sepanjang 2008, British American Tobacco Malaysia melalui kerjasama dengan CMTM menjalankan pelbagai aktiviti untuk meningkatkan kesedaran di kalangan pihak berkepentingan tentang masalah ini dalam usaha menyekat percambahan rokok haram di Malaysia.

Beberapa penerangan dalam kunjungan dianjurkan oleh CMTM bersama Kastam Diraja Malaysia (KDRM) dan Lembah Sari Sdn. Bhd. (pembekal dakwat keselamatan dan setem cukai) untuk berapat dengan 287 pemilik kedai di skim-skim Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) di Terengganu, Johor dan Perak. Semua penerangan dalam kunjungan ini bermatlamat untuk mendidik pemilik kedai mengenai pelbagai ciri keselamatan yang terdapat pada pek rokok sah dan menekankan kepada mereka tentang undang-undang serta hukuman menjual rokok haram.

KDRM juga berusahasama dengan CMTM untuk melancarkan Kempen Anti Perdagangan Haram (AIT) dalam Tembakau 2008 di seluruh negara yang bertema: 'JANGAN BELI DAN JANGAN JUAL ROKOK TIDAK SAH" sebagai sebahagian daripada kempen kesedaran untuk mendidik kira-kira 90,000 peruncit dan orang ramai mengenai risiko menjual dan membeli rokok haram. Lima persatuan besar yang mewakili pelbagai peruncit dan restoran di seluruh Malaysia mengikrar sokongan serta iltizam mereka terhadap Kempen AIT dalam Tembakau 2008 tersebut.

British American Tobacco Malaysia juga secara proaktif menghubungi beberapa agensi penguatkuasa undang-undang, termasuk Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Polis Diraja Malaysia dan Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia melalui bengkel-bengkel bagi mewujudkan satu platform untuk bertukar-tukar pendapat untuk memerangi perdagangan haram secara berkesan.




## KATA "TAK NAK" KEPADA REMAJA MEROKOK

Kami percaya bahawa merokok hanya terhad kepada orang dewasa yang telah membuat pilihan termaklum dan mengetahui risiko kesihatan akibat merokok. Kami berpegang teguh kepada prinsip bahawa kanak-kanak tidak patut merokok dan menyokong sepenuhnya peraturan yang melarang 18 tahun ke bawah daripada membeli dan mengguna produk tembakau.

Sejak 1996, British American Tobacco Malaysia melalui CMTM telah menyokong langkah mengurangkan perokok bawah umur dan pada 2008, menambahkan lagi bilangan papan tanda 'Tidak Dijual Kepada 18 Tahun ke Bawah' di kedai-kedai runcit seluruh negara.

## PERKEMBANGAN KAWAL SELIA PADA 2008

British American Tobacco Malaysia mengakui bahawa penggunaan tembakau membawa risiko kepada kesihatan. Kami bersetuju bahawa produk tembakau perlu dikawal selia sewajarnya dan kami menyokong penguatkuasaan peraturan yang seimbang.

Pada 2008, Kerajaan telah mempertingkatkan peraturan ke atas produk tembakau. Peraturan Kawalan Produk Tembakau (Pindaan) 2008 yang diwartakan pada 15 September 2008 merupakan pindaan kepada Peraturan Kawalan Produk Tembakau 2004 yang sedia ada yang mengenakan sekatan ke atas label, iklan dan promosi produk tembakau di Malaysia.

Peraturan yang dipinda ini meliputi beberapa keperluan utama berikut:

- **Tanda Amaran Kesihatan bergambar pada pek rokok**
  Peraturan ini memerlukan tanda amaran kesihatan bergambar dicetak pada 40% bahagian depan pek atau karton dan 60% bahagian belakang pek atau karton.

  Enam set gambar telah dipilih oleh Kerajaan untuk digunakan sebagai tanda amaran kesihatan bergambar.

  Tanda amaran baru yang akan dilaksanakan sepenuhnya di pasaran menjelang 1 Jun 2009 ini menggantikan tanda amaran bertulis "AMARAN OLEH KERAJAAN MALAYSIA – MEROKOK MEMBAHAYAKAN KESIHATAN" mengikut keperluan di bawah Peraturan Kawalan Produk Tembakau 2004.

- **Keperluan Label Tambahan pada pek**
  Tanda amaran bertulis tambahan dikehendaki pada panel sisi pek rokok, iaitu "Produk ini mengandungi lebih 4000 bahan kimia termasuk tar, nikotina dan karbon monoksida yang membahayakan kesihatan." Tanda amaran bertulis ini menggantikan tanda amaran sebelumnya, "TIDAK MELEBIHI 20mg TAR 1.5mg NIKOTINA".

- **Sekatan Terhadap Penggunaan Pemerian pada Pek Rokok**
  Pemerian seperti "light", "ultra light", "mild", "cool", "extra" dan "low tar" tidak akan dibenarkan lagi pada pek rokok.

  Sekatan ini diperluaskan kepada penggunaan sebarang perkataan, istilah atau pemerian yang mempunyai makna yang sama seperti di atas yang mewujudkan gambaran yang boleh disalah anggap bahawa produk rokok tertentu kurang berbahaya berbanding produk-produk rokok yang lain.

- **Merokok Tidak Dibenarkan di Kem Latihan Khidmat Nasional**

Sungguhpun peraturan baru tersebut berkuatkuasa serta merta, keperluan tanda amaran kesihatan bergambar, pemerian dan keperluan label tambahan berkuatkuasa secara berperingkat mulai 1 Januari 2009 kerana semua keperluan ini melibatkan perubahan kepada pek rokok.

# PIAWAIAN PERLAKUAN PERNIAGAAN

**Kakitangan Kumpulan kami mematuhi Piawaian Perlakuan Perniagaan (“Piawaian”) yang merupakan sebahagian penting daripada tadbir urus korporat Kumpulan. Seiringan dengan Penyata Prinsip Perniagaan, ia terus menjulang iltizam kami terhadap pencapaian tahap tanggungjawab korporat yang tinggi.**

Piawaian ini memerlukan keazaman semua kakitangan supaya melaksana selaras dengan tahap keutuhan perniagaan yang tinggi, mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan. Kakitangan mesti menunjukkan kejujuran, bermatlamat dan ketekunan dalam menjalankan tugas mereka dan memastikan Piawaian ini tidak terjejas semata-mata untuk prestasi yang kagum.

Piawaian ini adalah sebahagian penting daripada prinsip tadbir urus korporat Kumpulan dan digubal untuk:

(a) memastikan keputusan dan pertimbangan yang dibuat oleh kakitangan sah dari segi undang-undang serta mematuhi piawaian etika yang tinggi;
(b) menetapkan nada dan budaya organisasi bagi membolehkan ia dianggap sebagai sebuah warga korporat yang baik;
(c) membantu kakitangan berdepan dengan masalah membuat pertimbangan yang sukar semasa menjalankan tugas mereka; dan
(d) memberi keyakinan kepada pihak berkepentingan yang berurusniaga dengan Kumpulan.

Bidang diliputi Piawaian adalah:
- Percanggahan Kepentingan
- Maklumat Dalaman dan Peluang Korporat
- Kepentingan dalam Perniagaan Bersaingan
- Urusniaga Dalaman dan Penyalahgunaan Pasaran
- Sogokan dan Rasuah
- Sumbangan Politik
- Sumbangan Kebajikan
- Undang-undang Persaingan
- Maklumat Sensitif Harga
- Urus Niaga Produk-produk Kumpulan
- Pelaburan Wang Haram
- Sekatan
- Laporan Salah Laku
- Kerahsiaan dan Keselamatan Maklumat
- Keraian dan Hadiah
- Garis Panduan Eksport Am
- Pembayaran Komisen
- Aktiviti Luar
- Perlindungan Aset Korporat dan Penyalahgunaan Sumber
- Ketepatan Perakaunan dan Penyimpanan Rekod

Pematuhan terhadap Piawaian sentiasa dipantau oleh Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Audit Syarikat. Ketua Audit Dalaman melalui rundingan dengan Ketua Perundangan/Setiausaha Syarikat Kumpulan ditugaskan bertanggungjawab untuk melaporkan kepada Lembaga Pengarah setiap tahun mengenai pematuhan terhadap Piawaian ini oleh Kumpulan serta kakitangannya.

# PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

**Lembaga Pengarah beriltizam untuk kekal mengamal tadbir urus korporat yang berhemah tinggi bagi seluruh Kumpulan sebagai sebahagian daripada asas tanggungjawabnya dalam mengurus perniagaan dan hal ehwal Kumpulan.**

Menyedari betapa pentingnya membina nilai jangka panjang pemegang saham dan dengan mempamerkan tahap tatacara korporat yang berhemah, Lembaga Pengarah (Lembaga) berpandukan kepada Penyata Prinsip Perniagaan Kumpulan (Prinsip Perniagaan) yang dijadikan asas bagaimana Kumpulan harus mengendalikan perniagaan dari segi tanggungjawab. Prinsip Perniagaan meliputi isu-isu penting yang mendokong Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) bagi sebuah perniagaan multinasional dan khususnya keunikan perniagaan tembakau. Tiga (3) Prinsip Perniagaan tersebut adalah Manfaat Bersama, Pentadbiran Produk Bertanggungjawab dan Tatacara Korporat yang Baik yang mana setiap prinsip tersebut disokong oleh kepercayaan dasar yang mentakrif dan menyokong Prinsip Perniagaan.

Maklumat lanjut Prinsip Perniagaan boleh didapati daripada laman web Kumpulan di www.batmalaysia.com.

Hala tuju rangka kerja tadbir urus korporat Syarikat adalah untuk mencapai objektif utama perniagaan Syarikat dengan cara yang bertanggungjawab dan selaras dengan tahap kejujuran, ketelusan dan kebertanggungjawaban yang berhemah.

Prinsip-prinsip ini dipaparkan dalam Piawaian Perlakuan Perniagaan (Piawaian) yang dikaji dari masa ke semasa untuk memastikan prinsip tersebut kekal menjadi tunjang amalan perniagaan terbaik. Contoh peruntukan termaktub dalam Piawaian termasuk, hindari keadaan percanggahan kepentingan, tegahan mengguna maklumat dalaman, peluang korporat, urusniaga orang dalam dan tiada aktiviti rasuah.

Kumpulan dan setiap kakitangan, termasuk para Pengarah, dikehendaki mematuhi Piawaian ini. Untuk kemudahan, Piawaian ini boleh diakses dengan mudah oleh kakitangan dan Pengarah menerusi portal kakitangan. Piawaian juga boleh didapati daripada Setiausaha Syarikat dan melalui laman web kami di www.batmalaysia.com.

Dalam mendorong amalan tahap tadbir urus korporat yang berhemah, Lembaga Pengarah turut berpandu kepada Kod Tadbir Urus Korporat Syarikat (Kod BATM) yang dirumus berdasarkan prinsip dan amalan terbaik yang digariskan dalam Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (Semakan 2007) (Kod Malaysia) dan perkembangan amalan tadbir urus terbaik global. Prinsip dan amalan terbaik ini diamalkan di seluruh Kumpulan sebagai prinsip asas dalam melaksanakan tanggungjawab Lembaga Pengarah dan bagi memastikan ketelusan dan kebertanggungjawaban korporat. Kod BATM dikaji dari masa ke semasa bagi memastikan fakta dan keadaan terkini dan perkembangan isu-isu tadbir korporat ditangani serta diterapkan amalan-amalan terbaik.

Pada Mesyuarat Agung Tahunan 2008, para pemegang saham telah meluluskan pindaan terhadap Tataurusan Pertubuhan Syarikat (Tataurusan) untuk menyelaraskan Tataurusan Syarikat dengan Keperluan Penyenaraian Bursa Malaysia (Keperluan Penyenaraian) dan Akta Syarikat, 1965 untuk memastikan kejelasan dan keseragaman seluruh Tataurusan dan bagi mempertingkatkan pentadbiran urusan dalaman Syarikat.

Iltizam kukuh Syarikat terhadap kecemerlangan dalam semua aspek perniagaan telah mendapat pengiktirafan dan Syarikat berjaya mengaut beberapa anugerah, khususnya dalam aspek tadbir urus korporat.

Pada 2008, Syarikat menerima Anugerah Perak Kecemerlangan Keseluruhan dalam Anugerah Laporan Korporat Tahunan Nasional (NACRA) 2008 buat julung kalinya, yang merupakan pengiktirafan sebagai salah satu Laporan Tahunan Syarikat yang terbaik bagi 2008 di antara syarikat-syarikat tersenarai awam Malaysia

dalam NACRA dan Syarikat juga turut memenangi NACRA dalam kategori Produk Pengguna bagi tahun ketujuh (ke 7) berturut-turut.

NACRA adalah anugerah paling berprestij di Malaysia yang mengiktiraf kecemerlangan laporan korporat tahunan. NACRA yang dianjurkan setiap tahun adalah usahasama antara empat badan penganjur iaitu Bursa Malaysia Berhad, Institut Pengurusan Malaysia, Institut Akauntan Malaysia dan Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia, telah menjadi tanda aras terhadap kecemerlangan dalam laporan korporat.

Pada 2008, Syarikat berada di kedudukan keempat (ke 4) dalam Anugerah Kecemerlangan Keseluruhan bagi Kaji Selidik Tadbir Urus Korporat 2008 yang dianjurkan oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad (MSWG) dengan usaha sama dengan *Nottingham University Business School*. Syarikat turut menerima Anugerah Kecemerlangan dalam kategori Produk Pengguna daripada MSWG yang mengiktiraf pencapaian syarikat-syarikat tersenarai mengikut industri. Kaji selidik tersebut dijalankan untuk mengutarakan tahap pematuhan 960 syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia Securities Berhad dengan prinsip Kod Malaysia dan amalan terbaik antarabangsa.

Syarikat mencapai 80% dalam markah tadbir urus keseluruhan (CGS) bagi markah Pematuhan Asas dan Amalan Terbaik Antarabangsa, satu peningkatan berbanding 72% dalam Kaji Selidik Tadbir Urus Korporat 2007. Dengan peningkatan tahap pematuhan ini, Syarikat telah berjaya naik ke tempat keempat (ke 4) daripada tempat kesembilan (ke 9) pada Kaji Selidik Tadbir Urus Korporat 2007.

Syarikat telah dinamakan sebagai salah satu (1) daripada tiga (3) syarikat yang mengamalkan amalan tadbir urus korporat terbaik di kalangan syarikat Malaysia melalui Anugerah Tadbir Urus Korporat Aset 2008 untuk kali kelima (ke 5) dalam tempoh tujuh (7) tahun. Majalah Asset adalah majalah perniagaan kewangan bagi industri kewangan di Asia dengan kadar pengedaran yang tinggi di kalangan komuniti korporat terkemuka dan tokoh industri kewangan di Asia.

Pada tahun ini, Syarikat berada di tangga kesembilan (ke 9) bagi kategori Pengurusan Syarikat Terbaik, tangga kelima (ke 5) bagi Tadbir Urus Korporat Terbaik dan tangga kedua (ke 2) bagi Syarikat Paling Komited terhadap Pembayaran Dividen yang Kukuh oleh FinanceAsia. Tahun ini merupakan tahun kelapan (ke 8) berturut-turut Syarikat tersenarai di antara sepuluh (10) syarikat teratas yang berprestij hasil Tinjauan Pendapat Syarikat Terbaik FinanceAsia 2008. FinanceAsia menilai syarikat-syarikat di Asia berdasarkan pengurusan keseluruhan, tadbir urus korporat, hubungan pelabur dan komitmen mereka terhadap pembayaran dividen yang kukuh.

Syarikat turut menerima Anugerah Syarikat Swasta Berprestasi Cemerlang daripada Kastam DiRaja Malaysia pada Hari Kastam Sedunia ke 27. Syarikat diiktiraf dengan anugerah ini berikutan sumbangan hasil yang tinggi dan pematuhannya kepada undang-undang dan peraturan Kastam DiRaja Malaysia.

Pengiktirafan anugerah tersebut membuktikan iltizam Kumpulan untuk menguruskan perniagaannya secara bertanggungjawab dalam persekitaran industri tembakau yang mencabar. Ini mencerminkan iltizam Kumpulan untuk mencapai kemajuan lestari berpandukan nilai-nilai ketelusan, kebertanggungjawaban, kewibawaan dan tadbir urus korporat yang berhemah, dan pada masa yang sama mengekalkan nilai pemegang saham jangka panjang.

Peraturan utama tadbir urus korporat yang dikuatkuasakan ke atas syarikat-syarikat Malaysia yang tersenarai di Bursa Malaysia Securities Berhad terkandung dalam Kod Malaysia dan Keperluan Penyenaraian. Syarikat telah mematuhi Kod BATM, Kod Malaysia, Keperluan Penyenaraian dan undang-undang serta peraturan yang digunapakai dan Lembaga menganggap Syarikat telah melunaskan tanggungjawabnya di bawah Kod BATM, Kod Malaysia dan Keperluan Penyenaraian.

Seperti yang termaktub di bawah Keperluan Penyenaraian, Penyata Tadbir Urus Korporat (Penyata) ini melaporkan bagaimana Kod BATM, Kod Malaysia dan Keperluan Penyenaraian digunapakai oleh Syarikat melalui pembentangan laporan rasmi Syarikat berhubung pematuhan dengan Kod BATM, Kod Malaysia dan Keperluan Penyenaraian sepanjang dua belas (12) bulan berakhir 31 Disember 2008.

## LEMBAGA PENGARAH

### Lembaga

Lembaga percaya bahawa iltizamnya terhadap tugas dan tanggungjawab fidusiari adalah penting untuk mencapai matlamatnya menjana nilai pemegang saham jangka panjang.

Lembaga bertanggungjawab kepada para pemegang saham untuk memastikan kejayaan Kumpulan dan keseluruhan hala tuju strategik, nilai dan tadbir urusnya. Dalam melaksanakan tanggungjawab ini, Lembaga berpandu kepada Piawaian dan Prinsip Perniagaan. Piawaian Kumpulan menggariskan tahap kejujuran, tanggungjawab, ketelusan dan kebertanggungjawaban yang

berhemah. Lembaga memastikan pematuhan dengan Piawaian Kumpulan dipantau melalui satu proses yang mana pengisytiharan pematuhan diperolehi daripada semua Pengarah dan pengurusan termasuk pendedahan sebarang keadaan percanggahan kepentingan.

Lembaga menyediakan kepimpinan yang perlu untuk memenuhi objektif perniagaan Kumpulan dalam rangka kawalan dalaman yang dinyatakan dalam Penyata ini, manakala memastikan kewajipan Syarikat terhadap para pemegang saham dan pemegang berkepentingannya dilaksanakan.

Senarai ahli Lembaga Pengarah pada 31 Disember 2008 adalah seperti berikut:

**Tan Sri Abu Talib bin Othman**
*Pengarah Bukan Eksekutif Bebas (Pengerusi)*

**Datuk Oh Chong Peng**
*Pengarah Bukan Eksekutif Bebas*

**James Richard Suttie**
*Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas*

**Jack Marie Henry David Bowles**
*Pengarah Eksekutif (Pengarah Urusan)*

**Stephen James Rush**
*Pengarah Eksekutif (Pengarah Kewangan)*

**Dato' Chan Choon Ngai**
*Pengarah Eksekutif (Pengarah Operasi)*

Maklumat ahli Lembaga Pengarah dibentangkan di muka surat 34 hingga 37 dalam Laporan Tahunan ini.

## Struktur dan Tatacara Lembaga

Struktur Lembaga adalah sejajar dengan keperluan yang dimandat oleh Keperluan Penyenaraian dan yang digariskan oleh prinsip dan amalan terbaik Kod Malaysia. Pada tarikh Penyata ini, saiz dan komposisi Lembaga adalah seimbang mengikut perlembagaannya pada masa kini. Lembaga beriltizam untuk melaksanakan tanggungjawabnya dengan berkesan.

Setakat 31 Disember 2008, Lembaga mempunyai enam (6) orang ahli yang terdiri daripada tiga (3) Pengarah Bukan Eksekutif (termasuk Pengerusi) dan tiga (3) Pengarah Eksekutif. Daripada tiga (3) Pengarah Bukan Eksekutif, dua (2) Pengarah adalah bebas. Kedua-dua (2) Pengarah Bebas tersebut memenuhi kriteria Pengarah Bebas sebagaimana yang dinyatakan dalam Keperluan Penyenaraian. Dengan menggunapakai kriteria bagi Pengarah Bebas yang digariskan dalam Keperluan Penyenaraian, Lembaga mengesahkan tiada urusniaga, hubungan atau pengurusan yang boleh menjejaskan kebebasan atau sebarang pertimbangan yang dibuat Lembaga.

Pada 5 Mac 2009, Lembaga telah melantik Dato' Ahmad Johari bin Tun Abdul Razak sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bebas Syarikat. Dato' Ahmad Johari bin Tun Abdul Razak adalah lulusan ijazah Sarjana Muda Undang-Undang, University of Kent, United Kingdom. Beliau dipelawa ke Bar of England and Wales, Lincoln's Inn pada 1976 dan diterima sebagai Peguambela dan Peguamcara Mahkamah Tinggi Malaya pada 1977. Beliau mempunyai pengalaman selama lebih dua puluh (20) tahun sebagai Peguamcara dan Peguambela dalam bidang korporat dan undang-undang komersil.

Pada 5 Mac 2009, Lembaga turut melantik William Toh Ah Wah ke Lembaga sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas Syarikat. William Toh Ah Wah berkelulusan ijazah Sarjana Muda Komersil, Concordia University, Montreal, Canada. Beliau mula berkhidmat dengan Rothmans of Pall Mall (Malaysia) Berhad pada 1981 sebagai pelatih pengurusan dan kemudian ditugaskan ke China pada 1991. Sepanjang tempoh perkhidmatan di luar negara, beliau pernah menyandang pelbagai jawatan termasuk sebagai Pengarah Pembangunan Perniagaan China untuk British American Tobacco Asia Pasifik Utara, Pengarah Urusan British American Tobacco New Zealand Limited, Pengarah Urusan Pakistan Tobacco Company Limited merangkap Pengarah Kawasan bagi British American Tobacco Kawasan Asia Selatan.

Profil terperinci Dato' Ahmad Johari bin Tun Abdul Razak dan William Toh Ah Wah dipaparkan dalam Profil Lembaga Pengarah di muka surat 37 Laporan Tahunan ini.

## Tugas Lembaga

Antara tanggungjawab undang-undang dan berkanun penting yang menjadi tanggungjawab Lembaga adalah, mengkaji dan menerimapakai rancangan strategik bagi Kumpulan, mengenalpasti risiko utama dan memastikan pelaksanaan sistem yang bersesuaian untuk menguruskan risiko tersebut, mengkaji kemampuan dan kewibawaan sistem kawalan dalaman serta sistem maklumat pengurusan Kumpulan, termasuk sistem pematuhan perundangan, penguatkuasaan, peraturan, arahan dan garis panduan yang digunapakai.

Lembaga Pengarah mempunyai tanggungjawab bersama terhadap kejayaan Kumpulan. Para Pengarah Eksekutif memikul tanggungjawab langsung ke atas operasi perniagaan, manakala para Pengarah Bukan Eksekutif bertanggungjawab membuat pertimbangan dan penelitian bebas kepada keputusan Lembaga, serta memberikan cabaran bermatlamat kepada pengurusan kumpulan.

Lembaga bertanggungjawab mengisytihar dividen dan meluluskan penyata kewangan serta dasar perakaunan Kumpulan. Tugas-tugas lain Lembaga termasuk mempertimbangkan perancangan penggantian, termasuk pelantikan, latihan, penetapan ganjaran dan yang mana sesuai, penggantian pengurusan kanan. Selain itu, Lembaga juga bertanggungjawab merangka dan melaksanakan program hubungan pelabur ataupun dasar komunikasi pemegang saham bagi Kumpulan.

Lembaga turut bertanggungjawab menubuhkan jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga seperti Jawatankuasa Audit, Jawatankuasa Pencalonan, Jawatankuasa Ganjaran, Jawatankuasa Tanggungjawab Sosial Korporat dan Jawatankuasa Pampasan Eksekutif serta menentukan tugas dan tanggungjawab setiap jawatankuasa Lembaga tersebut. Setiap jawatankuasa mempunyai terma rujukan yang diluluskan oleh Lembaga yang dikemaskini secara berkala agar sejajar dengan amalan terbaik tadbir urus korporat. Lembaga menerima dan mengkaji laporan Jawatankuasa Lembaga dan perkara-perkara yang dikhususkan oleh Lembaga untuk kelulusan, Lembaga juga mengkaji cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Lembaga dan memberi kelulusan apabila perlu.

Keahlian Pengarah dan ahli Pengurusan Kanan (Kumpulan Pengurusan Kanan) dalam Jawatankuasa Lembaga pada 31 Disember 2008 adalah seperti berikut:

| Jawatankuasa Audit | Jawatankuasa Pencalonan | Jawatankuasa Ganjaran | Jawatankuasa Pampasan Eksekutif | Jawatankuasa Tanggungjawab Sosial Korporat |
|---|---|---|---|---|
| 1. Datuk Oh Chong Peng (Pengerusi) | 1. Tan Sri Abu Talib bin Othman (Pengerusi) | 1. Tan Sri Abu Talib bin Othman (Pengerusi) | 1. Jack Marie Henry David Bowles (Pengerusi) | 1. Jack Marie Henry David Bowles (Pengerusi) |
| 2. Tan Sri Abu Talib bin Othman | 2. Datuk Oh Chong Peng | 2. Datuk Oh Chong Peng | 2. *Stephen James Rush | 2. *Stephen James Rush |
| 3. James Richard Suttie | 3. James Richard Suttie | 3. James Richard Suttie | 3. Rashed Ahmed | 3. Rashed Ahmed |
| | | 4. Jack Marie Henry David Bowles | 4. Dato' Chan Choon Ngai | 4. Dato' Chan Choon Ngai |
| | | | 5. #Cheryl Ann Wong Wai Leng | 5. #Cheryl Ann Wong Wai Leng |
| | | | 6. Christine Lee Oi Kuan | 6. Christine Lee Oi Kuan |
| | | | 7. Allen Lim Hun Chye | 7. Allen Lim Hun Chye |

* *menyertai Jawatankuasa pada 20 Mac 2008*

\# *menyertai Jawatankuasa pada 18 November 2008*

Kuasa dan tanggungjawab Jawatankuasa Lembaga terdapat di muka surat 80 hingga 84 dalam Penyata ini.

Penyata Delegasi Kuasa Syarikat mendokong tadbir urus korporat yang berhemah, kawalan risiko dan pengurusan pelaburan yang berhemat serta tanggungjawab pengurusan setempat.

Dalam Penyata Delegasi Kuasa Syarikat, Lembaga mempunyai perkara-perkara khusus tertentu seperti pembentukan perniagaan atau pembinaan kilang baru, rancangan strategik tahunan, kelulusan perbelanjaan modal utama, pengambilalihan dan pelupusan perniagaan atau ekuiti, pinjaman dan sebarang penyusunan semula korporat, untuk diputuskannya.

### Kumpulan Pengurusan Kanan

Tugas Lembaga dan Kumpulan Pengurusan Kanan yang saling melengkapi antara satu sama lain adalah penting bagi Lembaga, begitu juga dengan tanggungjawab Kumpulan Pengurusan Kanan yang ditakrif dengan jelas. Kumpulan Pengurusan Kanan diamanahkan dengan tanggungjawab untuk melaksanakan dasar dan pemutusan Lembaga, mengawalselia operasi serta membangun, menyelaras dan melaksanakan strategi perniagaan dan korporat.

Ahli Kumpulan Pengurusan Kanan terdiri daripada Pengarah Urusan, Pengarah Kewangan, Pengarah Pemasaran, Pengarah Operasi, Pengarah Sumber Manusia, Pengarah Hal Ehwal Korporat dan Perundangan serta Pengarah Perkhidmatan Pembangunan Perniagaan.

Dari masa ke semasa, apabila Lembaga memerlukan maklumat yang berkaitan atau kemaskini daripada mana-mana ahli Kumpulan Pengurusan Kanan, ahli yang berkaitan daripada Kumpulan Pengurusan Kanan akan dijemput untuk menghadiri mesyuarat Lembaga untuk menyampaikan keterangan atau maklumat mutakhir yang diperlukan Lembaga.

Hal-hal pengurusan operasi Kumpulan dan bidang kuasa yang bersesuaian diberikan kepada Kumpulan Pengurusan Kanan telah termaktub dalam Had Kuasa Korporat yang tersedia dan diluluskan hendaklah dirujuk bersama dengan Penyata Delegasi Kuasa Syarikat.

Butiran setiap ahli Kumpulan Pengurusan Kanan disediakan di muka surat 40 hingga 41 Laporan Tahunan ini.

### Pengerusi dan Pengarah Urusan

Peranan yang dimainkan Pengerusi dan Pengarah Urusan adalah berasingan, dan pembahagian tanggungjawab mereka dizahirkan dengan jelas, yang mana masing-masing mempunyai kuasa dan tanggungjawab yang tertakrif dan dipersetujui Lembaga. Pembahagian peranan dan tanggungjawab adalah memastikan keseimbangan kuasa dan kewibawaan supaya tidak terdapat kuasa berlebihan baik pada Pengerusi mahupun Pengarah Urusan.

Pengerusi bertanggungjawab menerajui Lembaga, memastikan keberkesanannya, menetapkan agenda dan memastikan strategi perniagaan dan kewangan Kumpulan yang jelas dirumus untuk dicadangkan kepada Lembaga. Setelah objektif dan strategi dikaji dan diterimapakai oleh Lembaga secara keseluruhannya, adalah menjadi tanggungjawab Pengarah Urusan, dengan bidang kuasa yang diberikan kepadanya oleh Lembaga untuk memastikan pelaksanaan objektif strategik dan kewangan tersebut. Pengarah Urusan juga bertanggungjawab mengawalselia aset Kumpulan dan pengurusan harian Syarikat. Tugas dan tanggungjawab Pengerusi dan Pengarah Urusan digariskan dengan jelas dalam Kod BATM.

Adalah menjadi tugas Pengarah Urusan, bekerjasama dengan pengurusan kanan Kumpulan yang lain, untuk mengurus perniagaan Kumpulan dengan cara yang sejajar dengan Piawaian Kumpulan dan selaras dengan sebarang rancangan, arahan dan hala tuju Lembaga.

Pengerusi Lembaga, Tan Sri Abu Talib bin Othman, adalah Pengarah Bukan Eksekutif Bebas dan sentiasa kekal sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bebas.

Pengarah Urusan Syarikat, Jack Marie Henry David Bowles, adalah Pengarah Eksekutif dilantik ke Lembaga pada 1 Mei 2007.

### Imbangan Lembaga

Lembaga terdiri daripada gabungan Pengarah Eksekutif dan Bukan Eksekutif daripada latar belakang profesional yang pelbagai kaya dengan pengalaman, kemahiran dan kepakaran yang meluas. Senarai Pengarah, profil dan butiran mereka terdapat di muka surat 34 hingga 37 Laporan Tahunan ini.

Struktur Lembaga dan kewibawaan setiap Pengarah masa kini memastikan tiada seorang individu atau kumpulan yang menguasai proses pemutusan.

Barisan Pengarah Eksekutif terdiri daripada profesional yang menyumbang kepada Lembaga, pengetahuan dan pengalaman mereka yang mendalam mengenai perniagaan tembakau, termasuk hal-hal khusus berkaitan pemasaran, kewangan dan operasi. Barisan Pengarah Bukan Eksekutif yang berkaliber dan profesional ini membawa bersama mereka pengetahuan yang mendalam dalam bidang masing-masing yang meliputi undang-undang, kewangan dan pemasaran dalam Lembaga.

Tanggungjawab Pengarah Bukan Eksekutif termasuk memantau dan menyumbang secara berkesan kepada strategi dan prestasi pengurusan dan mempengaruhi tatacara Lembaga secara keseluruhan. Pengarah Bukan Eksekutif tidak mengambil bahagian dalam urusan harian Syarikat dan tidak campur tangan dalam sebarang urusan perniagaan atau hubungan lain dengan Syarikat bagi memastikan supaya mereka berupaya membuat pertimbangan sewajarnya dan bertindak demi kepentingan Syarikat.

Kehadiran barisan Pengarah Bukan Eksekutif Bebas memastikan perdebatan yang saksama dan memberi pandangan, nasihat serta pertimbangan kepada pemutusan Lembaga yang adil dan bebas dengan mengambilkira kepentingan Kumpulan dan pemegang berkepentingannya. Pengarah Bukan Eksekutif Bebas mewakili kepentingan pemegang saham minoriti dalam Syarikat dan mereka terlibat secara proaktif dengan pihak pengurusan dan juruaudit.

Komposisi Lembaga pada tarikh Penyata ini mematuhi kriteria Pengarah Bebas yang digariskan di bawah Keperluan Penyenaraian.

## PELANTIKAN KE LEMBAGA

### Proses pelantikan

Lembaga melantik ahlinya melalui satu proses rasmi yang sejajar dengan Tataurusan Pertubuhan Syarikat. Lembaga telah mewujudkan Jawatankuasa Pencalonan untuk mengemukakan cadangan berhubung kesesuaian calon untuk pelantikan ke Lembaga. Calon-calon yang dicadangkan harus diluluskan dan dilantik oleh Lembaga. Jawatankuasa Pencalonan bertanggungjawab memastikan tatacara pelantikan Pengarah baru adalah telus dan rapi serta pelantikan berdasarkan merit dan kriteria objektif. Proses ini juga digunapakai bagi para Pengarah yang menawarkan diri untuk pemilihan semula atau pelantikan semula pada Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat.

Syarikat tidak mempunyai had tempoh bagi Pengarah kerana Lembaga percaya bahawa Syarikat akan kerugian besar sekiranya kehilangan sumbangan berharga daripada para Pengarah yang telah sekian lama memperoleh pengetahuan bernilai berkaitan Kumpulan dan perniagaannya. Sumbangan mereka yang berterusan memberi manfaat kepada Lembaga dan Kumpulan secara keseluruhan.

Dalam menilai kesesuaian seseorang individu bagi keahlian Lembaga, Jawatankuasa Pencalonan mengambilkira pelbagai faktor, termasuk sama ada individu tersebut memenuhi keperluan bagi kebebasan yang ditakrif dalam Keperluan Penyenaraian, pemahaman am individu berhubung perniagaan dan pasaran Syarikat, kepakaran profesional dan latar belakang pendidikan individu serta faktor-faktor lain yang menggalakkan kepelbagaian pendapat dan pengalaman dalam Lembaga.

Para Pengarah Syarikat menawarkan diri mereka untuk pelantikan semula dari masa ke semasa, selaras dengan Tataurusan Syarikat.

### Pemilihan semula atau pelantikan semula Pengarah

Lembaga akan menganjurkan kepada para pemegang saham supaya Pengarah Eksekutif dan Bukan Eksekutif dicadangkan untuk pemilihan semula atau pelantikan semula pada Mesyuarat Agung Tahunan, selaras dengan Tataurusan dan berdasarkan cadangan Jawatankuasa Pencalonan selepas menilai prestasi Pengarah secara individu.

Perubahan dalam Lembaga pada 2008 adalah seperti berikut:

| Nama | Jawatan | Bentuk perubahan pada Mesyuarat Agung Tahunan 2008 |
|---|---|---|
| Jack Marie Henry David Bowles | Dilantik sebagai Pengarah Urusan pada 1 Mei 2007 | Dilantik semula |
| Stephen James Rush | Dilantik sebagai Pengarah Eksekutif Bukan Bebas pada 20 Mac 2008 | Dilantik semula |
| Tan Sri Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin | Pengarah Bukan Eksekutif Bebas | Bersara |
| James Richard Suttie | Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas | Dipilih semula |
| Dato' Chan Choon Ngai | Pengarah Eksekutif Bukan Bebas | Dipilih semula |

Artikel 97(1) dan (2) Tataurusan memperuntukkan bahawa sekurang-kurangnya satu pertiga (1/3) daripada Lembaga tertakluk kepada persaraan secara giliran pada setiap Mesyuarat Agung Tahunan. Para Pengarah yang perlu bersara pada setiap tahun adalah Pengarah yang paling lama memegang jawatan sejak pelantikan atau pemilihan semula mereka.

Datuk Oh Chong Peng, seorang Pengarah Bukan Eksekutif Bebas dan Jack Marie Henry David Bowles, Pengarah Eksekutif Bukan Bebas, akan bersara menurut Artikel 97(1) dan (2) pada Mesyuarat Agung Tahunan akan datang ini.

Artikel 103 Tataurusan memperuntukan bahawa Pengarah yang dilantik oleh Lembaga dari masa ke semasa harus memegang jawatan hanya sehingga Mesyuarat Agung Tahunan yang berikutnya dan layak untuk pelantikan semula.

Dato' Ahmad Johari bin Tun Abdul Razak, Pengarah Bukan Eksekutif Bebas dan William Toh Ah Wah, Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas, kedua-duanya dilantik pada 5 Mac 2009, akan bersara menurut Artikel 103 dan tertakluk kepada pelantikan semula pada Mesyuarat Agung Tahunan akan datang ini.

Seksyen 129(6) Akta Syarikat, 1965 memperuntukkan bahawa seorang individu berusia tujuh puluh (70) tahun atau lebih boleh dilantik atau dilantik semula sebagai Pengarah oleh para pemegang saham Syarikat untuk memegang jawatan sehingga Mesyuarat Agung Tahunan berikutnya.

Tan Sri Abu Talib bin Othman yang telah mencapai usia tujuh puluh (70) tahun, akan bersara selaras dengan seksyen yang dinyatakan di atas.

Maklumat mengenai setiap Pengarah yang menawarkan diri untuk pemilihan semula dilengkapkan dalam penyata berasingan yang mengiringi Notis Mesyuarat Agung Tahunan.

Dalam menentukan pencadangan Pengarah sama ada untuk pemilihan semula atau pelantikan semula, Jawatankuasa Pencalonan mempertimbangkan rekod kehadiran Pengarah ke mesyuarat, penyertaan dan sumbangan beliau terhadap aktiviti Lembaga. Jawatankuasa Pencalonan berpuashati bahawa Tan Sri Abu Talib bin Othman, Datuk Oh Chong Peng dan Jack Marie Henry David Bowles telah memenuhi keperluan yang digariskan di atas dan mencadangkan mereka kepada Lembaga Pengarah bagi pemilihan semula dan pelantikan semula di Mesyuarat Agung Tahunan pada 20 April 2009.

Jawatankuasa Pencalonan turut mencadangkan Dato' Ahmad Johari bin Tun Abdul Razak dan William Toh Ah Wah kepada Lembaga sebagai Pengarah yang akan dicadangkan untuk pelantikan semula di Mesyuarat Agung Tahunan pada 20 April 2009.

Para Pengarah di atas yang tertakluk kepada pemilihan semula dan pelantikan semula telah menerima pencalonan tersebut dan bersetuju untuk pelantikan sebagai Pengarah jika dipilih oleh para pemegang saham.

### Latihan Pengarah

Bagi memastikan para Pengarah bersedia dengan lengkapnya untuk melaksanakan tanggungjawab, mereka akan melalui program induksi apabila menyertai Lembaga yang meliputi taklimat berhubung semua bidang perniagaan Kumpulan. Para Pengarah juga diberi taklimat mengenai tadbir urus korporat dan tatacara pelaporan dan dikemaskini berhubung hal-hal sedemikian dari masa ke semasa.

Semua Pengarah Syarikat pada masa ini, kecuali William Toh Ah Wah, telah menghadiri Program Akreditasi Mandatori (MAP). Mana-mana Pengarah yang dilantik ke Lembaga perlu menghadiri MAP dalam tempoh empat (4) bulan daripada tarikh pelantikan. Walaupun keperluan Program Pembelajaran Berterusan (CEP) yang digariskan oleh Bursa Malaysia Securities Berhad telah dimansuhkan berkuatkuasa mulai 1 Januari 2005, namun Lembaga Pengarah masih mengkaji dan menentukan keperluan latihan di kalangan Pengarahnya bagi memastikan kesinambungan pembelajaran untuk membantu mereka dalam melaksanakan tugas sebagai Pengarah.

Selain daripada menghadiri MAP dan CEP yang diakreditasi oleh Bursa Malaysia Securities Berhad, semua Pengarah yang dilantik ke Lembaga telah menghadiri lain-lain program latihan yang berkaitan untuk mempertingkatkan lagi kemahiran perniagaan dan profesionalisme mereka dalam menjalankan tugas untuk Kumpulan. Menurut perenggan 15.09(2) dan Lampiran 9C (Bahagian A, Perenggan 27) Keperluan Penyenaraian, Para Pengarah telah menghadiri program latihan dalam bidang kepimpinan, tadbir urus korporat, kewangan, pengurusan risiko, pengurusan jenama, strategi daya saing, sumber manusia, perkembangan penguatkuasaan peraturan dan kebijaksanaan perniagaan sepanjang tahun berakhir 31 Disember 2008.

Untuk memperluaskan pengetahuan berhubung perniagaan Kumpulan, para Pengarah telah membuat lawatan ke kilang, kawasan penanaman tembakau dan pusat pemasaran perdagangan dan pengedaran Kumpulan. Dalam lawatan tersebut, para Pengarah mendapat pemahaman secara langsung operasi perniagaan dan cabaran yang dihadapi Kumpulan.

Pada 2008, para Pengarah menghadiri program pembelajaran dalam Syarikat yang mana mereka diberi maklumat terkini berkenaan kesan daripada sistem cukai 'single-tier', undang-undang korporat dan Keperluan Penyenaraian, akibat krisis hutang sub-prima dan perubahan haluan politik. Program pembelajaran tersebut dikendalikan oleh pakar-pakar yang berpengalaman dalam hal-hal perundangan, perniagaan dan lembaga.

Syarikat turut menyediakan taklimat dalaman kepada para Pengarah mengenai perkembangan penting dalam tadbir urus korporat dan mengemaskini mereka berkenaan perubahan Keperluan Penyenaraian, undang-undang dan peraturan terkini. Para Pengarah dimaklumkan sepenuhnya mengenai kesan daripada perkembangan atau perubahan tersebut kepada Syarikat.

Para Pengarah digalakkan menghadiri program pembelajaran berterusan luar yang sesuai, dan yang mana wajar kepada Syarikat, kos pembiayaan program ditanggung Syarikat.

Butiran program latihan luar yang dihadiri para Pengarah sehingga 31 Disember 2008 adalah seperti berikut:

| No. | Nama Pengarah | Tajuk Program Latihan | Butiran Program |
|---|---|---|---|
| 1. | Tan Sri Abu Talib bin Othman | Program Latihan Pengarah 2008 | • Kemaskini Undang-undang Korporat 2007/8 & Keperluan Penyenaraian Bursa Malaysia 2007/8<br>• Kesan Sistem Dividen 'Single-Tier'<br>• Kesan Krisis Hutang Sub-Prima ke atas Malaysia<br>• Perubahan Haluan Politik |
| | | PricewaterhouseCoopers Malaysia | • Imbuhan & Amalan Lembaga:<br>– Perbezaan tahap yuran bagi lembaga dan jawatankuasa lembaga<br>– Perbezaan struktur imbuhan bagi Pengarah Eksekutif & Bukan Eksekutif<br>– Amalan lembaga yang berubah hasil penerimaan amalan terbaik yang meningkat |
| 2. | Jack Marie Henry David Bowles | Program Latihan Pengarah 2008 | • Kemaskini Undang-undang Korporat 2007/8 & Keperluan Penyenaraian Bursa Malaysia 2007/8<br>• Kesan Sistem Dividen 'Single-Tier'<br>• Kesan Krisis Hutang Sub-Prima ke atas Malaysia<br>• Perubahan Haluan Politik |
| | | Smart Business Consulting | • Pengurusan Risiko Strategik bagi Pengarah Syarikat Awam Tersenarai |

Butiran program latihan luar yang dihadiri para Pengarah sehingga 31 Disember 2008 adalah seperti berikut: (sambungan)

| No. | Nama Pengarah | Tajuk Program Latihan | Butiran Program |
|---|---|---|---|
| 3. | Datuk Oh Chong Peng | Program Latihan Pengarah 2008 | • Kemaskini Undang-undang Korporat 2007/8 & Keperluan Penyenaraian Bursa Malaysia 2007/8<br>• Kesan Sistem Dividen 'Single-Tier'<br>• Kesan Krisis Hutang Sub-Prima ke atas Malaysia<br>• Perubahan Haluan Politik |
| | | PricewaterhouseCoopers Malaysia | • Memahami Penyata Kewangan bagi Pengarah dan Pengurusan Kanan |
| | | Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia | • Seminar mengenai Masa Depan Piawaian Perakaunan di Malaysia<br>• Mempengerusikan Kumpulan Kerja berhubung Instrumen Kewangan dan Saham |
| | | IJM Corporation Berhad | • Seminar kemaskini Piawaian Perakaunan<br>• Belanjawan Cukai 2009 |
| | | Bank Negara Malaysia | • Program Pembelajaran Pengarah Institusi Kewangan |
| | | Watson Wyatt's Ideas Exchange Conference | • Tadbir Urus Pengurusan Dana |
| | | Alliance Financial Group Berhad | • Kemaskini Undang-undang Syarikat<br>• Taklimat mengenai Insuran Pengarah dan para Pegawai |
| 4. | James Richard Suttie | Program Latihan Pengarah 2008 | • Kemaskini Undang-undang Korporat 2007/8 & Keperluan Penyenaraian Bursa Malaysia 2007/8<br>• Kesan Sistem Dividen 'Single-Tier'<br>• Kesan Krisis Hutang Sub-Prima ke atas Malaysia<br>• Perubahan Haluan Politik |

Butiran program latihan luar yang dihadiri oleh para Pengarah sehingga 31 Disember 2008 adalah seperti berikut: (sambungan)

| No. | Nama Pengarah | Tajuk Program Latihan | Butiran Program |
|---|---|---|---|
| 5. | Dato' Chan Choon Ngai | Program Latihan Pengarah 2008 | • Kemaskini Undang-undang Korporat 2007/8 & Keperluan Penyenaraian Bursa Malaysia 2007/8<br>• Kesan Sistem Dividen 'Single-Tier'<br>• Kesan Krisis Hutang Sub-Prima ke atas Malaysia<br>• Perubahan Haluan Politik |
| | | Leadership Resources (Malaysia) Sdn Bhd | • Seminar *"Greatest Challenge"* oleh Dr Stephen Covey |
| | | SFR Consultants Sdn Bhd | • *The Futurist Forum 2008 - Mindset: A Framework To Anticipate*<br>• *The Future* oleh John Naisbitt |
| 6. | Stephen James Rush | Program Latihan Pengarah 2008 | • Kemaskini Undang-undang Korporat 2007/8 & Keperluan Penyenaraian Bursa Malaysia 2007/8<br>• Kesan Sistem Dividen 'Single-Tier'<br>• Kesan Krisis Hutang Sub-Prima ke atas Malaysia<br>• Perubahan Haluan Politik |
| | | Bursatra Sdn Bhd | • Program Akreditasi Mandatori (MAP) |
| 7. | Tan Sri Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin | Program Latihan Pengarah 2008 | • Kemaskini Undang-undang Korporat 2007/8 & Keperluan Penyenaraian Bursa Malaysia 2007/8<br>• Kesan Sistem Dividen 'Single-Tier'<br>• Kesan Krisis Hutang Sub-Prima ke atas Malaysia<br>• Perubahan Haluan Politik |

## Mesyuarat Lembaga

Lembaga menjadualkan sekurang-kurangnya empat (4) mesyuarat setiap tahun. Mesyuarat Lembaga dan Jawatankuasa Lembaga Syarikat dijadualkan terlebih dahulu pada suku tahun keempat (ke-4) bagi membolehkan para Pengarah membuat perancangan awal dan memastikan supaya mesyuarat Lembaga dan Jawatankuasa Lembaga yang dijadualkan dicatitkan ke dalam jadual masing-masing.

Maklumat kehadiran di Mesyuarat Lembaga terdapat di muka surat 77 dan 78 Penyata ini.

Sekiranya sebarang hala tuju atau pemutusan diperlukan secepat mungkin atau alasan kecemasan daripada Lembaga dalam tempoh masa di luar jangkaan mesyuarat yang telah ditetapkan, mesyuarat khas Lembaga akan diatur oleh Setiausaha Syarikat selepas berunding dengan Pengerusi yang mana sesuai, pemutusan dibuat menerusi Resolusi Pekeliling Pengarah dalam tempoh antara mesyuarat berjadual dan mesyuarat khas. Keputusan Lembaga dicapai melalui sebulat suara atau persetujuan bersama. Pada 2008, empat (4) resolusi diluluskan oleh para Pengarah melalui Resolusi Pekeliling. Agenda mesyuarat Lembaga ditetapkan oleh Pengerusi melalui perundingan dengan Pengarah Urusan dan Setiausaha Syarikat.

Lembaga mempunyai jadual hal-hal biasa untuk dimuatkan ke dalam agenda dan dikaji sepanjang tahun termasuk Laporan Suku Tahun Pengarah Urusan, Keputusan Gabungan Suku Tahun Tidak Beraudit dan cadangan-cadangan yang dibuat dalam laporan Jawatankuasa Audit, Jawatankuasa Ganjaran dan Jawatankuasa Pencalonan.

Antara perkara penting yang dikaji oleh Lembaga pada 2008 adalah:

1. Laporan Suku Tahun Pengarah Urusan;
2. Gabungan keputusan Suku Tahun Tidak Beraudit;
3. Pindaan kepada Kod Tadbir Urus Korporat Syarikat;
4. Rancangan Syarikat bagi 2008-2009;
5. Pindaan kepada Dasar Piawaian Perlakuan Perniagaan;
6. Pindaan kepada Terma Rujukan Jawatankuasa Pampasan Eksekutif;
7. Aktiviti Tanggungjawab Sosial Korporat Syarikat; dan
8. Program Pengurusan Risiko Syarikat.

Kakitangan pengurusan atau penasihat luar dijemput menghadiri mesyuarat Lembaga dan Jawatankuasa Lembaga untuk memaklum ahli Lembaga dan Jawatankuasa Lembaga dan menyampaikan maklumat dan penjelasan yang diperlukan berhubung usul-usul yang dibentangkan dalam agenda untuk pihak Lembaga dan Jawatankuasa Lembaga membuat pemutusan yang sewajarnya.

Semua isu yang dibangkitkan, perbincangan, pertimbangan dan pemutusan yang dibuat dalam mesyuarat Lembaga dan Jawatankuasa Lembaga dicatat dalam minit mesyuarat Lembaga dan Jawatankuasa Lembaga masing-masing. Dalam keadaan di mana apabila Lembaga atau Jawatankuasa Lembaga sedang mempertimbangkan hal seseorang Pengarah yang mempunyai kepentingan, Pengarah berkenaan akan mengecualikan diri daripada perbincangan tersebut. Minit mesyuarat Lembaga dan Jawatankuasa Lembaga diedarkan kepada semua Pengarah untuk semakan dan pengesahan mereka. Para Pengarah boleh meminta penjelasan atau mengemukakan ulasan berkaitan minit tersebut sebelum disahkan.

**Kehadiran di mesyuarat Lembaga dan Jawatankuasa Lembaga**

Sepanjang dua belas (12) bulan berakhir 31 Disember 2008, empat (4) Mesyuarat Lembaga telah diadakan. Iltizam dan dedikasi Lembaga terserlah melalui kehadiran penuh para Pengarah di mesyuarat-mesyuarat Lembaga, kecuali James Richard Suttie yang tidak dapat hadir satu (1) mesyuarat Lembaga kerana percanggahan jadualnya yang tidak dapat dielakkan pada 22 April 2008.

Jadual berikut memaparkan maklumat kehadiran Pengarah di mesyuarat-mesyuarat Lembaga dan Jawatankuasa Lembaga yang diadakan pada 2008.

| | AGM (17 April 2008) | Mesyuarat Lembaga (4 mesyuarat) | Jawatankuasa Audit (4 mesyuarat) | Jawatankuasa Pencalonan (1 mesyuarat) | Jawatankuasa Ganjaran (3 mesyuarat) |
|---|---|---|---|---|---|
| Tan Sri Abu Talib bin Othman (Pengerusi) (Pengarah Bukan Eksekutif Bebas) | √ | 4/4 | 4/4 | 1/1 | 3/3 |
| Jack Marie Henry David Bowles (Pengarah Eksekutif Bukan Bebas) | √ | 4/4 | 4/4 | n/a | 3/3 |
| Datuk Oh Chong Peng (Pengarah Bukan Eksekutif Bebas) | √ | 4/4 | 4/4 | 1/1 | 3/3 |
| James Richard Suttie (Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas) | √ | 3/4 | 4/4 | 1/1 | 3/3 |

| | AGM (17 April 2008) | Mesyuarat Lembaga (4 mesyuarat) | Jawatankuasa Audit (4 mesyuarat) | Jawatankuasa Pencalonan (1 mesyuarat) | Jawatankuasa Ganjaran (3 mesyuarat) |
|---|---|---|---|---|---|
| * Robert James Clark (Pengarah Eksekutif Bukan Bebas) | √ | 1/1 | n/a | n/a | n/a |
| Dato' Chan Choon Ngai (Pengarah Eksekutif Bukan Bebas) | √ | 4/4 | n/a | n/a | n/a |
| # Stephen James Rush (Pengarah Eksekutif Bukan Bebas) | √ | 3/3 | n/a | n/a | n/a |
| Tan Sri Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin (Pengarah Bukan Eksekutif Bebas) | √ | 1/1 | 1/1 | n/a | 2/2 |

n/a menandakan Pengarah tersebut bukan ahli Jawatankuasa, walaupun berkemungkinan menghadiri mesyuarat atas jemputan Pengerusi Jawatankuasa

* Robert James Clark meletak jawatan pada 17 April 2008 selepas Mesyuarat Lembaga Pengarah pada bulan Februari 2008

# Stephen James Rush dilantik Pengarah Eksekutif Bukan Bebas pada 20 Mac 2008 dan menghadiri kesemua mesyuarat sejak pelantikan beliau

*Jika seseorang pengarah dilantik pada pertengahan tahun kewangan, pengiraan bilangan minimum kehadiran di mesyuarat lembaga untuk tujuan memenuhi keperluan kehadiran sebanyak 50% bagi tahun kewangan berkenaan ditentukan dengan hanya mengambilkira mesyuarat yang diadakan semasa atau selepas pelantikannya.*

## Kualiti dan akses kepada maklumat dan nasihat bebas

Lembaga mempunyai akses langsung dan tidak terhad kepada semua maklumat dalam Syarikat dan boleh mendapatkan nasihat profesional bebas atas pembiayaan Syarikat, sekiranya perlu. Dalam menjalankan tugas mereka, Lembaga mempunyai akses secara langsung dan tidak terhalang kepada pengurusan Syarikat. Semua Pengarah mempunyai akses dan khidmat individu Setiausaha Syarikat. Setiausaha Syarikat menghadiri semua mesyuarat lembaga dan Jawatankuasanya kecuali Mesyuarat Jawatankuasa Pampasan Eksekutif dan Jawatankuasa Tanggungjawab Sosial Korporat. Pengarah Urusan menghadiri semua mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Jawatankuasa Ganjaran, Pengarah Sumber Manusia menghadiri semua mesyuarat Jawatankuasa Pampasan Eksekutif, Jawatankuasa Pencalonan dan Jawatankuasa Ganjaran dan Pengarah Kewangan menghadiri semua mesyuarat Jawatankuasa Audit.

## Penyampaian Maklumat

Lembaga dan Jawatankuasa Lembaga menerima maklumat terkini untuk semakan dalam masa yang secukupnya sebelum setiap mesyuarat, dan Setiausaha Syarikat, di bawah arahan Pengerusi, perlu memastikan kelancaran pemberian maklumat kepada Lembaga dan Jawatankuasa Lembaga. Setiausaha Syarikat juga bertanggungjawab menasihati Lembaga, melalui Pengerusi, berhubung semua hal-ehwal tadbir urus. Sebelum mesyuarat Lembaga dan Jawatankuasa Lembaga diadakan, satu agenda formal dan tersusun berserta satu set kertas mesyuarat Lembaga dan Jawatankuasa Lembaga yang mengandungi maklumat berkaitan perkara yang bakal dibincangkan dalam mesyuarat, akan diedarkan kepada semua Pengarah sekurang-kurangnya lima (5) hari sebelum berlangsung mesyuarat Lembaga dan Jawatankuasa Lembaga berkaitan. Ini adalah untuk membolehkan para Pengarah mengkaji, mempertimbang, dan jika perlu, mendapatkan maklumat lanjut atau membuat penyelidikan berhubung perkara-perkara yang akan dibincangkan supaya lengkap bersedia di mesyuarat. Kertas Mesyuarat Lembaga dan Jawatankuasa Lembaga disediakan dengan tepat, mengandungi laporan pengurusan, minit-minit mesyuarat, kertas cadangan dan dokumen sokongan yang lengkap.

Pembentangan kepada Lembaga dan Jawatankuasa Lembaga disediakan dan dikendalikan dengan memastikan pembentangan yang jelas dan lengkap berhubung perkara berkenaan. Selain itu, bahan bacaan berhubung perkara tersebut disedia dan diagihkan sebelum setiap mesyuarat bagi membantu semua Pengarah memahami perkara berkaitan.

Lembaga mengakui bahawa proses pemutusan amat bergantung kepada kualiti maklumat yang disediakan. Justeru, setiap Pengarah mempunyai akses tidak terhad kepada semua maklumat dalam Syarikat. Lembaga menggalakkan kehadiran pengurusan kanan serta para pegawai Syarikat di mesyuarat Lembaga dan Jawatankuasa Lembaga bagi meningkatkan lagi pemahaman Lembaga terhadap operasi Syarikat dan untuk memberi para Pengarah akses kepada pengurusan kanan.

Para Pengarah dikemaskini dari masa ke semasa mengenai keperluan berkanun dan penguatkuasaan peraturan baru yang berkaitan dengan tugas dan tanggungjawab mereka dan kesan serta implikasi kepada Syarikat dan pengarah dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab fidusiari mereka. Prosedur rasmi yang diluluskan oleh Lembaga untuk semua Pengarah turut disediakan, sama ada selaku Lembaga penuh atau secara individu, untuk mendapatkan nasihat profesional bebas apabila perlu, pembiayaan ditanggung oleh Kumpulan. Sebelum mengambil penasihat bebas tersebut, kelulusan perlu diperolehi daripada Pengerusi Lembaga dan, yang mana perlu, Pengerusi boleh mengedarkan nasihat luar tersebut kepada Lembaga.

### Penilaian Prestasi Lembaga

Lembaga menjalankan penilaian kritikal ke atas aktiviti-aktivitinya setiap tahun. Lembaga juga menilai pestasi Lembaga secara keseluruhan berlandaskan kriteria yang dianggap penting oleh Lembaga untuk kejayaannya. Ini termasuk komposisi, komunikasi, keberkesanan dan tanggungjawab Lembaga. Setiausaha Syarikat mengedarkan soal selidik kepada para Pengarah untuk mengenal pasti pandangan mereka terhadap prestasi Lembaga dan Jawatankuasa Lembaga kemudian menyediakan laporan kepada Pengerusi. Laporan tersebut dibentangkan kepada Jawatankuasa Pencalonan dan kemudian kepada Lembaga untuk penilaian dan pertimbangan.

Proses penilaian prestasi Lembaga pada 2008 mengesahkan bahawa Lembaga dan Jawatankuasa Lembaga telah beroperasi secara berkesan dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka. Secara keseluruhan, para Pengarah berpendapat bahawa mereka telah melunaskan tanggungjawab mereka sebagai ahli Lembaga dan Jawatankuasa Lembaga serta berpuas hati dengan hala tuju, strategi, perancangan dan proses belajawan Kumpulan serta tahap sumbangan mereka kepada perkara-perkara tersebut.

Semua Pengarah mengesahkan bahawa mereka mempunyai akses yang mencukupi kepada Pengerusi. Para Pengarah bersetuju bahawa Pengarah Urusan dan pengurusan kanan telah bersikap responsif terhadap soalan dan isu-isu yang dibangkitkan oleh Lembaga dan bahawa Pengarah Urusan dan pengurusan kanan telah berkomunikasi dengan Lembaga secara terbuka, jujur dan tepat pada masanya. Lembaga turut bersetuju bahawa Syarikat mempunyai tatacara pengurusan risiko yang mencukupi dan matlamat, objektif, jangkaan dan kemusykilan Lembaga telah disampaikan kepada Pengarah Urusan dan pengurusan kanan untuk tindakan susulan.

## SETIAUSAHA SYARIKAT

Setiausaha Syarikat memberi sokongan kepada Pengerusi Syarikat bagi memastikan keberkesanan fungsi Lembaga dan memberi panduan kepada Lembaga berhubung tanggungjawab mereka yang tertakluk kepada undang-undang dan keperluan perundangan yang berkaitan dan bagaimana tanggungjawab tersebut perlu dilaksanakan. Setiausaha Syarikat mengatur dan menghadiri semua mesyuarat Lembaga dan Jawatankuasa Lembaga serta memastikan rekod yang tepat dan sewajarnya bagi mempertimbangkan isu-isu yang dibincangkan dan pemutusan serta pencapaian dicatatkan.

Setiausaha Syarikat mencatat, menyedia dan mengedarkan minit mesyuarat Lembaga dan Jawatankuasa Lembaga serta memastikan supaya minit tersebut disimpan rapi di pejabat berdaftar Syarikat dan dikemukakan untuk pemeriksaan, sekiranya perlu.

Setiausaha Syarikat menasihati Lembaga berhubung dasar dan tatacara yang digunapakai untuk Lembaga dan Jawatankuasa Lembaga serta hak dan tanggungjawab para Pengarah. Selain itu, Setiausaha Syarikat juga mengemaskini Lembaga dari masa ke semasa berkenaan pindaan kepada Keperluan Penyenaraian, amalan dan nota panduan, pekeliling daripada Bursa Malaysia Securities Berhad, perkembangan undang-undang dan penguatkuasaan peraturan serta kesannya kepada Kumpulan dan perniagaannya, jika ada. Semua Pengarah mempunyai akses kepada nasihat dan khidmat Setiausaha Syarikat. Setiausaha Syarikat dilantik dan dilucut oleh Lembaga secara keseluruhannya.

## Jawatankuasa Lembaga

Bagi membantu Lembaga menjalankan tugasnya dan menumpu kepada aktiviti penting Syarikat, beberapa Jawatankuasa Lembaga telah dibentuk. Jawatankuasa Lembaga yang ditubuhkan oleh Lembaga adalah Jawatankuasa Pencalonan, Jawatankuasa Audit, Jawatankuasa Ganjaran, Jawatankuasa Tanggungjawab Sosial Korporat dan Jawatankuasa Pampasan Eksekutif. Untuk memastikan kelancaran perjalanan Jawatankuasa Lembaga tersebut, setiap Jawatankuasa Lembaga mempunyai terma rujukan yang diluluskan Lembaga. Semua Jawatankuasa Lembaga mempunyai fungsi, terma rujukan bertulis dan tatacara operasi masing-masing yang ditakrif dengan jelas dan yang mana sesuai, mematuhi cadangan-cadangan Kod Malaysia. Lembaga mengkaji kuasa dan terma rujukan setiap Jawatankuasa Lembaga dari masa ke semasa.

Setiap Jawatankuasa Lembaga akan merekod dan mencatat minit perbincangan, cadangan-cadangan dan pemutusan mereka. Minit tersebut akan diluluskan oleh semua ahli Jawatankuasa Lembaga dan disahkan oleh Pengerusi Jawatankuasa Lembaga pada mesyuarat Jawatankuasa Lembaga yang berikutnya. Perbincangan, cadangan-cadangan dan pemutusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Lembaga dikemukakan kepada Lembaga melalui Pengerusi masing-masing di Mesyuarat Lembaga.

Lembaga menggalas sepenuh tanggungjawab terhadap hala tuju dan kawal selia Kumpulan. Berikut dijelaskan dengan terperinci peranan dan keahlian Jawatankuasa Lembaga.

### 1. Jawatankuasa Pencalonan

Jawatankuasa Pencalonan dianggotai khususnya oleh para Pengarah Bukan Eksekutif, yang mana majoriti daripada mereka adalah bebas. Ahli Jawatankuasa Pencalonan pada 31 Disember 2008 adalah:

**Tan Sri Abu Talib bin Othman**
Pengerusi, Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

**Datuk Oh Chong Peng**
Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

**James Richard Suttie**
Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas

Jawatankuasa Pencalonan diberi kuasa oleh Lembaga untuk, antara lain, mencadangkan kepada Lembaga calon-calon yang sesuai untuk pelantikan sebagai Pengarah, memastikan Lembaga mempunyai keseimbangan kemahiran, kepakaran, ciri-ciri, sikap serta teras kecekapan yang diperlukan untuk keahlian Lembaga dan Jawatankuasa Lembaga. Pengarah yang menawar diri untuk pemilihan semula atau pelantikan semula akan menahan diri daripada semua perbincangan mengenai pemilihan semula atau pelantikan semula beliau ke Lembaga dan Jawatankuasa Lembaga.

Mesyuarat Jawatankuasa Pencalonan diadakan sekurang-kurangnya sekali setahun dan apabila dan sekiranya perlu. Jawatankuasa Pencalonan telah bermesyuarat sekali pada tahun berakhir 31 Disember 2008.

Bidang kuasa dan terma rujukan Jawatankuasa Pencalonan adalah seperti berikut:

#### *a. Bidang Kuasa*

Jawatankuasa Pencalonan diberi kuasa oleh Lembaga untuk bertindak seperti berikut:

- Mencadangkan calon-calon yang sesuai kepada Lembaga untuk pelantikan sebagai Pengarah;
- Memastikan Lembaga memperoleh keseimbangan kemahiran, kepakaran, ciri-ciri dan sikap serta teras kecekapan yang bersesuaian daripada ahlinya;
- Mengkaji dari masa ke semasa profil kemahiran, kepakaran, ciri-ciri dan sikap serta teras kecekapan yang diperlukan untuk keahlian Lembaga;
- Mengkaji rancangan penggantian ahli Lembaga;
- Mencadangkan kepada Lembaga, para Pengarah untuk mengisi keanggotaan Jawatankuasa Lembaga; dan
- Menilai pada setiap tahun, keberkesanan Lembaga, Jawatankuasa Lembaga dan sumbangan individu Pengarah.

#### *b. Mesyuarat*

- Jawatankuasa Pencalonan harus bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali setahun atau apabila diminta oleh mana-mana ahlinya.
- Majoriti ahli yang hadir harus terdiri daripada Pengarah Bebas untuk membentuk satu kuorum mesyuarat.
- Setiausaha Syarikat harus mencatat, menyedia dan mengedarkan minit mesyuarat Jawatankuasa Pencalonan dan memastikan minit tersebut disimpan dan dikemukakan untuk pemeriksaan, apabila perlu.
- Jawatankuasa Pencalonan hendaklah melapor kepada Lembaga dan minitnya akan dibentangkan dan diambil perhatian oleh Lembaga.

Pada bulan Februari 2008, Jawatankuasa Pencalonan telah mencadangkan kepada Lembaga, para Pengarah yang akan bersara dan diketengahkan untuk pemilihan semula dan pelantikan semula pada Mesyuarat Agung Tahunan pada 17 April 2008.

Jack Marie Henry David Bowles dan Stephen James Rush telah dilantik semula di Mesyuarat Agung Tahunan pada 17 April 2008.

Dalam mesyuarat yang sama pada 2008, Jawatankuasa Pencalonan telah membincangkan pelantikan Stephen James Rush yang telah dicalonkan sebagai Pengarah Kewangan Syarikat. Selepas meneliti profil, pengalaman dan kelayakan Stephen James Rush, Jawatankuasa Pencalonan telah berpuashati dengan pelantikan beliau sebagai Pengarah Kewangan Syarikat dan mencadangkan pelantikan beliau ke Lembaga. Lembaga melantik Stephen James Rush sebagai Pengarah Syarikat berkuat kuasa mulai 20 Mac 2008.

## 2. Jawatankuasa Audit

Kewajipan Lembaga untuk mewujudkan penyediaan rasmi dan telus untuk mempertimbangkan bagaimana menggunapakai laporan kewangan dan prinsip kawalan dalaman, dan mengekalkan hubungan yang perlu dengan juruaudit luar Syarikat iaitu PricewaterhouseCoopers Malaysia, dilunaskan melalui Jawatankuasa Audit.

Jawatankuasa Audit membantu Lembaga mengawasi proses penyediaan penyata kewangan dan laporan Syarikat. Sebagai sebuah firma perakaunan awam bebas, PricewaterhouseCoopers Malaysia bertanggungjawab untuk mengaudit penyata kewangan tahunan Syarikat yang disediakan oleh pengurusan dan menyatakan pendapat mereka sama ada penyata kewangan yang disediakan telah mematuhi prinsip-prinsip perakaunan Piawaian Perakaunan Malaysia dan Piawaian Perakauan yang Diluluskan oleh Lembaga di Malaysia.

Ahli Jawatankuasa Audit pada 31 Disember adalah seperti berikut:

**Datuk Oh Chong Peng**
Pengerusi, Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

**Tan Sri Abu Talib bin Othman**
Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

**James Richard Suttie**
Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas

Datuk Oh Chong Peng dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Audit pada 21 Februari 2008. Datuk Oh Chong Peng adalah seorang Akauntan Bertauliah yang berkelayakan dan merupakan Fellow Institute of Chartered Accountants, England and Wales.

Semua ahli Jawatankuasa Audit mahir dalam bidang kewangan manakala Pengerusi, Datuk Oh Chong Peng merupakan "pakar kewangan jawatankuasa audit" menurut takrifan yang digariskan dalam Keperluan Penyenaraian.

Pengarah Urusan, Pengarah Kewangan, Ketua Audit Dalaman dan wakil audit luar turut hadir di mesyuarat Jawatankuasa Audit. Jawatankuasa Audit bermesyuarat dengan juruaudit luar sebanyak dua kali pada 2008, tanpa kehadiran Pengarah Eksekutif atau pengurusan. Minit mesyuarat Jawatankuasa Audit dibentangkan kepada Lembaga untuk perhatian, tindakan dan kelulusan, yang mana sesuai.

Jawatankuasa Audit bermesyuarat empat (4) kali pada 2008. Jawatankuasa Audit bermesyuarat dengan pengurusan dan dengan juruaudit luar untuk mengkaji keberkesanan kawalan dalaman dan pengurusan risiko perniagaan, dan menerima laporan daripada Jawatankuasa Audit Rantau Kumpulan. Ia mengkaji pematuhan dengan Piawaian dan tatacara yang disediakan dalam Kumpulan untuk menguruskan dasar perniagaannya. Jawatankuasa Audit membuat pertimbangan teliti terhadap risiko perniagaan yang timbul dalam konteks operasi perbendaharaan Kumpulan, sistem teknologi maklumatnya dan ancaman terhadap perniagaan Kumpulan akibat perdagangan haram, serta mengkaji kawalan khusus yang disediakan dalam Kumpulan untuk menangani risiko sedemikian. Melalui langkah-langkah ini, Jawatankuasa Audit telah berpuashati bahawa sistem kawalan dalaman yang wajar dan memuaskan telah tersedia untuk mengenalpasti dan mengimbangi risiko perniagaan, dan bahawa perniagaan Kumpulan dijalankan dengan wajar dan berhemat.

Jawatankuasa Audit bertanggungjawab meluluskan audit, perkhidmatan berkaitan audit dan tidak berkaitan audit berulangan yang dijalankan oleh juruaudit luar. Dalam menjalankan tugas-tugas mereka, Jawatankuasa Audit memastikan supaya kebebasan dan objektif juruaudit luar tidak terjejas.

Tiada ahli Jawatankuasa Audit menerima sebarang bayaran pada 2008 daripada Kumpulan selain daripada imbuhan yang diterima sebagai Pengarah Syarikat. Pada 2008, Jawatankuasa Audit mengesahkan tiada sebarang perkara yang dilaporkan olehnya kepada Lembaga Pengarah yang tidak dilunas dengan teratur yang boleh mengakibatkan pelanggaran Keperluan Penyenaraian.

Jawatankuasa Audit telah mengkaji dan membincangkan Penyata Kewangan Beraudit yang disediakan oleh PricewaterhouseCoopers Malaysia pada 31 Disember 2008 dan mencadangkan kepada Lembaga pada 18 Februari

2009, supaya Penyata Kewangan Beraudit tersebut disertakan bersama Laporan Kewangan Syarikat bagi tahun berakhir 31 Disember 2008 dan difailkan dengan Bursa Malaysia Securities Berhad, Suruhanjaya Sekuriti dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

Pada 19 Februari 2009, Lembaga telah meluluskan Penyata Kewangan Beraudit yang disediakan oleh PricewaterhouseCoopers Malaysia pada 31 Disember 2008 untuk disertakan bersama Laporan Tahunan Syarikat bagi tahun berakhir 31 Disember 2008 dan difailkan dengan Bursa Malaysia Securities Berhad, Suruhanjaya Sekuriti dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

Fungsi, komposisi dan keahlian Jawatankuasa Audit dibentangkan di muka surat 93 hingga 96 dalam Laporan Tahunan ini. Pada tarikh Penyata ini disediakan, Jawatankuasa Audit terdiri daripada empat (4) orang Pengarah, yang mana majoriti daripada mereka adalah bebas.

### 3. Jawatankuasa Ganjaran

Sebahagian besar keahlian Jawatankuasa Ganjaran terdiri daripada Pengarah Bukan Eksekutif. Ahli Jawatankuasa Ganjaran pada 31 Disember 2008 adalah:

**Tan Sri Abu Talib bin Othman**
Pengerusi, Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

**Datuk Oh Chong Peng**
Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

**James Richard Suttie**
Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas

**Jack Marie Henry David Bowles**
Pengarah Eksekutif Bukan Bebas

Jawatankuasa Ganjaran diberi kuasa oleh Lembaga untuk mencadangkan kepada Lembaga lakaran imbuhan bagi Pengarah serta pakej-pakej imbuhan Pengarah Eksekutif dan ahli Kumpulan Pengurusan Kanan. Jika pertimbangan sedang dijalankan berhubung pakej imbuhan seseorang Pengarah, Pengarah tersebut akan mengecualikan diri daripada semua perbincangan mengenai cadangan pakej imbuhan diri beliau. Pengarah Urusan yang merupakan ahli Jawatankuasa Ganjaran, membuat pembentangan kepada Jawatankuasa Ganjaran berhubung imbuhan, bayaran pampasan, bonus tahunan dan kenaikan gaji para Pengarah Eksekutif dan ahli Kumpulan Pengurusan Kanan.

Objektif Jawatankuasa Ganjaran dalam menentukan tahap dan kandungan pakej imbuhan adalah untuk menarik minat, mendorong dan mengekal para Pengarah Eksekutif dan ahli Kumpulan Pengurusan Kanan yang berbakat dan dedikasi. Dalam pertimbangan mereka, Jawatankuasa Ganjaran membuat perbandingan dengan pengurusan kanan utama syarikat-syarikat perbandingan lain. Bagi kakitangan Kumpulan yang lain, Lembaga menugaskan tanggungjawab dan memberi kuasa kepada Jawatankuasa Pampasan Eksekutif untuk memastikan pakej imbuhan yang ditawarkan mampu menarik minat, mendorong dan mengekalkan kakitangan yang berbakat dan dedikasi, sekurang-kurangnya setanding dengan kakitangan dalam syarikat perbandingan lain.

Jawatankuasa Ganjaran bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali setahun dan pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2008, Jawatankuasa Ganjaran telah bermesyuarat tiga (3) kali. Antara perkara yang dibincangkan oleh Jawatankuasa Ganjaran pada 2008 adalah pakej imbuhan Pengarah Kewangan baru, pelarasan gaji Pengarah Hal Ehwal Korporat dan Undang-undang, Pengarah Perkhidmatan Pembangunan Perniagaan, Pengarah Sumber Manusia dan Ketua Perdagangan, Pemasaran dan Pengedaran.

Ketiga-tiga (3) mesyuarat pada 2008 telah dihadiri oleh semua ahli Jawatankuasa Ganjaran.

Kuasa dan terma rujukan Jawatankuasa Ganjaran adalah seperti berikut:

***a. Kuasa***

Jawatankuasa Ganjaran diberi kuasa oleh Lembaga untuk bertindak seperti berikut:

- Mencadangkan kepada Lembaga rangka dasar Syarikat berhubung syarat-syarat pekerjaan para Pengarah Eksekutif dan ahli Kumpulan Pengurusan Kanan;
- Mencadangkan kepada Lembaga berhubung semua unsur pembayaran imbuhan dan ganjaran para Pengarah Eksekutif dan ahli Kumpulan Pengurusan Kanan;
- Mengkaji dan meluluskan bonus tahunan dan kenaikan gaji para Pengarah Eksekutif dan ahli Kumpulan Pengurusan Kanan; dan
- Mengkaji dan mencadangkan imbuhan Pengarah Bukan Eksekutif kepada Lembaga.

***b. Mesyuarat dan Minit***

- Jawatankuasa Ganjaran hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali setiap tahun atau seberapa kerap yang diputuskannya.
- Majoriti ahli yang hadir mestilah terdiri daripada Pengarah Bukan Eksekutif untuk membentuk kuorum mesyuarat.
- Pengarah Eksekutif dan Pengarah Bukan Eksekutif harus mengecualikan diri daripada perbincangan dan pemutusan mengundi imbuhan masing-masing, sama ada di peringkat Jawatankuasa Ganjaran atau Lembaga, yang mana sesuai.

- Jawatankuasa Ganjaran harus berhak untuk mendapatkan nasihat dalaman daripada Jabatan Sumber Manusia atau daripada sumber-sumber luar, apabila perlu.
- Setiausaha Syarikat harus mencatat, menyedia dan mengedarkan minit mesyuarat Jawatankuasa Ganjaran dan memastikan minit tersebut disimpan dengan rapi dan dikemukakan untuk pemeriksaan apabila perlu.
- Jawatankuasa Ganjaran harus melapor kepada Lembaga dan minit Mesyuarat Jawatankuasa Ganjaran akan dibentangkan dan diambil perhatian oleh Lembaga.

## 4. Jawatankuasa Pampasan Eksekutif (ECC)

ECC terdiri daripada ahli Kumpulan Pengurusan Kanan Syarikat. Pengurus Rantau Sumber Manusia atau pencalonan beliau dijemput menghadiri mesyuarat ECC apabila dan sekiranya diperlukan oleh ECC. Pengarah Urusan Syarikat adalah Pengerusi ECC dan Pengarah Sumber Manusia Syarikat bertindak selaku Setiausaha ECC.

ECC melapor kepada Jawatankuasa Ganjaran dan minit mesyuarat ECC dibentangkan kepada Jawatankuasa Ganjaran dan kemudian disampaikan kepada Lembaga.

Ahli ECC pada 31 Disember 2008 adalah:

**Jack Marie Henry David Bowles**
Pengerusi

**Stephen James Rush**
Ahli

**Dato' Chan Choon Ngai**
Ahli

**Rashed Ahmed**
Ahli

**Christine Lee Oi Kuan**
Ahli

**Allen Lim Hun Chye**
Ahli

**Cheryl Ann Wong Wai Leng**
Ahli

Kuasa dan terma rujukan ECC adalah seperti berikut:

***a. Kuasa***

ECC diberi kuasa untuk melaksana, berhubung semua kakitangan Kumpulan (kecuali ahli Kumpulan Pengurusan Kanan) fungsi-fungsi berikut:

- mengkaji dan meluluskan gaji dan bonus tahunan;
- mengkaji dan meluluskan semua unsur lain bagi imbuhan, ganjaran dan manfaat;
- mengkaji dan meluluskan mandat bagi perjanjian kolektif;
- mengkaji, meluluskan dan meminda mengikut kesesuaian, rekabentuk dan syarat-syarat skim saham Eksekutif;
- mengkaji dan meluluskan skim pemisahan sukarela; dan
- meluluskan kenaikan pangkat ke Gred 36 dan 37.

***b. Mesyuarat dan Minit***

- ECC harus bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali setiap tahun atau sekerap mana yang diputuskannya.
- Kuorum bagi ECC harus terdiri daripada kehadiran sekurang-kurangnya lima (5) orang ahli, termasuk Pengerusi.
- Setiausaha harus mencatat dan mengedarkan minit mesyuarat.
- ECC harus melapor kepada Jawatankuasa Ganjaran dan minitnya dibentangkan dan diambil perhatian oleh Lembaga.

Pada 2008, ECC bermesyuarat dua kali untuk membincangkan perkara-perkara seperti kenaikan belanjawan, garis panduan kenaikan, pembayaran bonus 2007 dan sasaran bonus 2008.

## 5. Jawatankuasa Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR)

Jawatankuasa CSR terdiri daripada Kumpulan Pengurusan Kanan Syarikat dengan Pengurus Hal Ehwal Korporat berperanan sebagai Setiausaha Jawatankuasa CSR. Jawatankuasa CSR melapor kepada Lembaga melalui Jawatankuasa Audit.

Ahli Jawatankuasa CSR pada 31 Disember 2008 adalah seperti berikut:

**Jack Marie Henry David Bowles**
Pengerusi

**Stephen James Rush**
Ahli

**Dato' Chan Choon Ngai**
Ahli

**Rashed Ahmed**
Ahli

**Christine Lee Oi Kuan**
Ahli

**Allen Lim Hun Chye**
Ahli

**Cheryl Ann Wong Wai Leng**
Ahli

Terma rujukan Jawatankuasa CSR ditetapkan seperti di bawah:

***a. Tujuan***

Jawatankuasa CSR mengkaji pengurusan rancangan tanggungjawab korporat Syarikat termasuk memantau keselarasan dengan Penyata Prinsip Perniagaan.

Jawatankuasa CSR berusaha untuk menumpu kepada prestasi sosial dan alam sekitar Syarikat yang mana risiko dan isu sosial dan alam sekitar dikenal pasti dan tindakan yang sewajarnya dan tepat pada masanya diambil untuk menangani isu-isu tersebut. Jawatankuasa CSR turut berperanan sebagai sebuah forum yang menunjukkan bahawa prinsip tanggungjawab korporat telah diterapkan dengan berkesan ke seluruh Syarikat.

***b. Kuasa***

Jawatankuasa CSR diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah untuk mengkaji aktiviti dalam Syarikat yang termasuk dalam rangkuman pengurusan tanggungjawab sosial korporat Syarikat. Dalam melaksanakan fungsinya, Jawatankuasa CSR turut diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah untuk mendapatkan nasihat profesional bebas luar dan kehadiran pihak ketiga yang berpengalaman dan berkepakaran yang berkaitan, serta pihak-pihak daripada Syarikat sendiri.

Jawatankuasa CSR bermesyuarat sekurang-kurangnya dua kali setahun.

***c. Objektif***

Objektif khusus Jawatankuasa CSR adalah:

- Mengenalpasti dan menguruskan isu sosial dan alam sekitar utama;
- Mengenalpasti dan pembabitan pihak berkepentingan utama;
- Memantau kecekapan dan keberkesanan sistem pengurusan dan kawalan prestasi sosial dan alam sekitar;
- Memastikan kewibawaan maklumat pengurusan prestasi sosial dan alam sekitar; dan
- Memantau keselarasan dengan Penyata Prinsip Perniagaan Syarikat.

***d. Hubungan dengan Audit Dalaman***

Wakil-wakil audit dalaman dijemput menghadiri mesyuarat Jawatankuasa CSR dan diberi perhatian berhubung hal-hal tanggungjawab korporat yang mengakibatkan Syarikat. Audit dalaman mempunyai akses langsung kepada Pengerusi Jawatankuasa CSR berkaitan semua hal tanggungjawab korporat.

Jawatankuasa CSR bermesyuarat empat (4) kali pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2008 dan telah membincangkan perkara-perkara seperti rancangan tanggungjawab korporat Syarikat yang diselaraskan dengan Rangka Kerja Bursa berhubung Tanggungjawab Sosial Korporat bagi semua syarikat tersenarai awam di Malaysia, dan Laporan Sosial Syarikat 2006 – 2008.

Kajian terhadap perancangan tanggungjawab korporat termasuk cadangan untuk memenuhi hasrat Kerajaan membanteras kemiskinan menjelang 2010, program sukarela kakitangan dan bantuan biasiswa. Syarikat ditarafkan antara sepuluh (10) syarikat dalam Barometer CSR Perniagaan Asia 2008.

Butiran berkenaan aktiviti tanggungjawab korporat dipaparkan di muka surat 58 hingga 65 dalam Laporan Tahunan ini.

## IMBUHAN PENGARAH

Dasar imbuhan Pengarah adalah untuk penyediaan pakej imbuhan yang diperlukan bagi menarik minat, mengekal dan mendorong para Pengarah yang mempunyai kualiti diperlukan untuk mengurus perniagaan Kumpulan. Syarikat menawarkan imbuhan dan manfaat setanding yang wajar untuk menarik hati dan mengekalkan para Pengarah Bukan Eksekutif berkualiti tinggi.

Strategi imbuhan Pengarah Eksekutif Kumpulan adalah untuk membayar imbuhan yang setanding dan, melalui struktur gaji dan manfaat bersepadu, memberi ganjaran prestasi korporat dan individu dengan tujuan menyumbang kepada strategi Organisasi Cemerlang Kumpulan. Strategi imbuhan mencerminkan sifat yang setanding dengan operasi Kumpulan yang menyedari keperluan untuk menarik hati, mendorong dan mengekalkan kakitangan berkualiti dan berketrampilan tinggi. Para Pengarah Eksekutif yang merupakan kakitangan sepenuh masa Syarikat, tidak menerima sebarang ganjaran tambahan bagi khidmat mereka sebagai Pengarah. Jawatankuasa Ganjaran mempertimbangkan daya saing pasaran, prestasi perniagaan, pengalaman dan prestasi individu pada setiap tahun, dalam menilai imbuhan Pengarah Eksekutif.

Dalam menilai imbuhan Pengarah Urusan, Jawatankuasa Ganjaran mengambilkira prestasi kewangan korporat serta prestasi pelbagai faktor bukan kewangan termasuk pencapaian matlamat strategik.

Jawatankuasa Ganjaran mencadangkan pakej imbuhan Pengarah Eksekutif kepada Lembaga dan menjadi tanggungjawab Lembaga secara keseluruhan untuk meluluskan pakej imbuhan Pengarah Eksekutif.

Pakej imbuhan para Pengarah Eksekutif terdiri daripada elemen-elemen berikut:

- **Gaji Pokok**

  Jawatankuasa Ganjaran mencadangkan gaji pokok Pengarah Eksekutif kepada Lembaga untuk kelulusan Lembaga Pengarah.

- **Manfaat Seumpamanya**
  Manfaat lazim seperti bayaran sewa, kenderaan, keahlian kelab dan perbelanjaan peribadi disediakan kepada para Pengarah Eksekutif selaras dengan dasar Kumpulan.

- **Emolumen**
  Emolumen seperti bonus, manfaat persaraan, peruntukan percutian, elaun tetap, caruman berkanun dan insentif dalam bentuk saham/opsyen saham British American Tobacco p.l.c menurut skim saham British American Tobacco p.l.c.

Jumlah imbuhan para Pengarah Bukan Eksekutif berbeza mengikut tahap tanggungjawab yang digalas oleh Pengarah Bukan Eksekutif secara individu.

Yuran yang dibayar kepada setiap Pengarah Bukan Eksekutif ditentukan oleh Lembaga sebagaimana yang dikuatkuasakan oleh pemegang saham Syarikat.

Semua Pengarah Bukan Eksekutif dibayar dengan yuran pengarah tahunan tetap sebagai ahli Lembaga dan Jawatankuasa Lembaga. Selain daripada yuran pengarah tahunan tetap, semua Pengarah Bukan Eksekutif, kecuali Pengerusi Lembaga, dibayar elaun kehadiran mesyuarat bagi setiap mesyuarat Lembaga dan Jawatankuasa yang dihadiri. Pengerusi Jawatankuasa Audit menerima yuran tahunan tetap bagi peranannya sebagai Pengerusi Jawatankuasa Audit.

Pada Mesyuarat Agung Tahunan 2008, para pemegang saham meluluskan kenaikan had yuran Pengarah Bukan Eksekutif daripada RM500,000 kepada RM800,000.

Maklumat yang disediakan oleh perunding bebas dan data kaji selidik berhubung amalan imbuhan syarikat-syarikat yang setanding diambilkira dalam menentukan pakej imbuhan Pengarah Eksekutif dan Bukan Eksekutif.

Maklumat imbuhan para Pengarah Eksekutif dan Bukan Eksekutif bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2008 adalah seperti berikut:

| Pengarah | Yuran (RM) | Gaji (RM) | Emolumen lain* (RM) | Manfaat seumpamanya** (RM) | Jumlah (RM) |
|---|---|---|---|---|---|
| **Bukan Eksekutif** | | | | | |
| Tan Sri Abu Talib bin Othman | 362,000 *** | — | — | 29,524 | 391,524 |
| Tan Sri Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin[1] | 17,835 | — | — | — | 17,835 |
| Datuk Oh Chong Peng | 73,000 | — | — | — | 73,000 |
| James Richard Suttie | 58,000 | — | — | — | 58,000 |
| **Eksekutif** | | | | | |
| Jack Marie Henry David Bowles | — | 2,267,246 | 1,336,520 | 355,079 | 3,958,845 |
| Dato' Chan Choon Ngai | — | 838,500 | 807,016 | 267,908 | 1,913,424 |
| Robert James Clark[2] | — | 342,149 | 677,809 | 264,857 | 1,284,815 |
| Stephen James Rush[3] | — | 943,818 | 499,339 | 220,714 | 1,663,871 |

* *Emolumen lain termasuk bonus, manfaat persaraan, peruntukan percutian, elaun tetap, caruman berkanun dan insentif dalam bentuk saham/opsyen saham British American Tobacco p.l.c. menurut skim saham British American Tobacco p.l.c.*

** *Manfaat seumpamanya termasuk bayaran sewa, kenderaan, keahlian kelab dan perbelanjaan peribadi.*

*** *Yuran sebagai Pengerusi Lembaga, Pengerusi Jawatankuasa Lembaga yang berkaitan dan yuran mesyuarat.*

[1] *bersara pada 17 April 2008*
[2] *meletak jawatan 17 April 2008*
[3] *dilantik pada 20 Mac 2008*

## HUBUNGAN DENGAN PIHAK BERKEPENTINGAN

Lembaga percaya bahawa mereka bukan hanya menggalas kebertanggungjawaban terhadap para pemegang saham, tetapi turut bertanggungjawab mengurus hubungan yang erat dan produktif dengan pihak berkepentingan Syarikat.

## PEMEGANG SAHAM

### Komunikasi dengan para pemegang saham dan pelabur

Kumpulan menyedari kepentingan mengekalkan ketelusan dan kebertanggungjawaban terhadap para pemegang saham dan pelaburnya. Justeru, Lembaga menganjurkan dialog dengan para pemegang saham bertujuan memastikan kesefahaman bersama terhadap objektif Kumpulan. Lembaga memastikan supaya semua pemegang saham Syarikat dilayani sama rata dan hak semua pelabur, termasuk pemegang saham minoriti dilindungi.

Hubungan utama Kumpulan dengan para pemegang sahamnya adalah menerusi Pengerusi, Pengarah Urusan, Pengarah Kewangan dan Setiausaha Syarikat. Pengerusi mengekalkan hubungan dengan pemegang saham bagi memahami isu-isu dan kemusykilan mereka. Semua pertanyaan pemegang saham akan diterima oleh Setiausaha Syarikat. Setiausaha Syarikat menyediakan maklum balas kepada pertanyaan pemegang saham dengan maklumat sedia ada untuk umum.

Carta pembayaran dividen dipaparkan di muka surat 16 dan 19 dalam Laporan Tahunan ini.

### Laporan Tahunan

Saluran penting yang digunakan oleh Lembaga untuk menyampaikan maklumat kepada para pemegang saham dan pelabur berhubung perniagaan, kewangan dan aktiviti penting lain adalah melalui Laporan Tahunan Syarikat dengan kandungannya sentiasa dipertingkatkan untuk mengambilkira perkembangan, antara lain, dalam tadbir urus korporat.

Aspek penting dasar komunikasi yang aktif dan membina adalah ketepatan masa dalam penyebaran maklumat kepada para pemegang saham dan pelabur. Syarikat menghantar Notis Mesyuarat Agung Tahunan dan pekeliling yang berkaitan kepada pemegang saham sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari sebelum mesyuarat mengikut keperluan Akta Syarikat, 1965 dan untuk pemahaman dan penilaian sepenuhnya terhadap isu-isu yang terlibat. Jika Notis Mesyuarat Agung Tahunan mengandungi perkara-perkara urusan khas, satu penerangan lengkap akan disediakan kepada pemegang saham berhubung kesan cadangan resolusi yang timbul daripada perkara urusan khas tersebut.

Pengumuman yang segera dan tepat pada masanya keputusan kewangan pada setiap suku tahun membolehkan para pemegang saham mendapat gambaran menyeluruh prestasi dan operasi Kumpulan, untuk membolehkan mereka membuat pemutusan pelaburan yang bermaklum.

### Pengeluaran Laporan Tahunan

| | Tarikh Penerbitan/ Pengeluaran | Tarikh Akhir Bursa Sekuriti | Bilangan hari selepas akhir tahun |
|---|---|---|---|
| Laporan Tahunan 2008 | 23 Mac 2009 | 30 Jun 2009 | 82 |
| Laporan Tahunan 2007 | 28 Mac 2008 | 30 Jun 2008 | 88 |

## Pengeluaran Keputusan Kewangan Suku Tahun

| | Tarikh Penerbitan/ Pengumuman | Tarikh Akhir Bursa Sekuriti | Bilangan hari selepas akhir Suku Tahun |
|---|---|---|---|
| Suku Tahun Pertama | 22 April 2008 | 31 Mei 2008 | 22 |
| Suku Tahun Kedua | 17 Julai 2008 | 31 Ogos 2008 | 17 |
| Suku Tahun Ketiga | 23 Oktober 2008 | 30 November 2008 | 23 |
| Suku Tahun Keempat | 19 Februari 2009 | 28 Februari 2009 | 50 |

## Hubungan Pelabur

Syarikat mengadakan taklimat suku tahun secara berasingan bagi pengurus dana, pelabur institusi dan penganalisis pelaburan selepas setiap pengumuman keputusan suku tahun kepada Bursa Malaysia Securities Berhad bagi memastikan pencapaian pemahaman bersama terhadap objektif Kumpulan.

Taklimat suku tahun bertujuan bukan hanya untuk menggalakkan penyebaran keputusan kewangan Kumpulan kepada seramai mungkin para pelabur dan pemegang saham, tetapi juga untuk memastikan agar pelabur umum dan pemegang saham sentiasa dikemaskini berhubung perkembangan dan pembangunan perniagaan Kumpulan.

Pada 2008, Syarikat telah mengadakan empat (4) taklimat suku tahun, sebelas (11) mesyuarat langsung satu sama satu, satu (1) persembahan dalam kunjungan dan menganjur enam (6) persidangan menerusi talian dengan para pengurus dana, pelabur institusi dan penganalisis pelabur.

Komunikasi dipertingkatkan lagi melalui pelbagai pengumuman dan pekeliling, apabila perlu, sepanjang tahun dengan mematuhi sepenuhnya keperluan pendedahan pihak penguatkuasa peraturan. Bagi memastikan keketelusan sentiasa berhemah tinggi, Kumpulan mewujudkan laman web di www.batmalaysia.com yang boleh diakses oleh para pemegang saham untuk mendapatkan maklumat termasuk maklumat korporat, pengumuman akhbar, maklumat kewangan, harga saham, hubungan dan taklimat pelabur, tanggungjawab sosial, isu-isu berkaitan tembakau, bahkan peluang-peluang kerjaya.

Lembaga mengalu-alukan ulasan dan cadangan para pemegang sahamnya dan lain-lain pihak berkepentingan.

Pemegang saham dan lain-lain pihak berkepentingan boleh menghubungi Pengarah Bebas Kanan yang dilantik Syarikat, Datuk Oh Chong Peng, untuk menjawab sebarang kemusykilan secara tulisan atau menerusi telefon, faks atau e-mel ke nombor dan alamat berikut:

Tel: +60 (3)7956 6899
Faks: +60 (3)7491 3772
E-mel: batmalaysia@bat.com
Alamat Pos: Virginia Park,
Jalan Universiti, 46200 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan Malaysia

Pengawai hubungan utama bagi hal-hal hubungan pelabur:

**Stephen James Rush**
***Pengarah Kewangan***
Stephen James Rush merupakan seorang akauntan dan dilantik sebagai Pengarah Kewangan British American Tobacco (Malaysia) Berhad pada 20 Mac 2008.

<u>Maklumat Perhubungan</u>
Nombot telefon: +60 (3)7491 7328
E-mel: fdoffice_malaysia@bat.com
Alamat Pos: Virginia Park, Jalan Universiti, 46200 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Setiap surat atau e-mel yang diterima, sekiranya memerlukan perhatian Lembaga Pengarah, akan dikaji oleh Jabatan Undang-undang dan Kesetiausahaan sebelum memaklumkan Lembaga untuk mempertimbangkan surat atau e-mel tersebut, mengikut keadaan.

Walaupun Syarikat berusaha untuk menyediakan sebanyak mungkin maklumat kepada para pemegang saham dan pihak berkepentingannya, namun Syarikat menyedari rangka undang-undang dan penguatkuasaan peraturan yang mentadbir pengumuman bahan dan maklumat sensitif harga. Sebarang maklumat yang mungkin dianggap sebagai bahan maklumat yang tidak boleh disiarkan mengenai Kumpulan tidak akan didedahkan kepada umum.

## Mesyuarat Agung Tahunan (AGM)

AGM adalah peluang penting bagi Lembaga untuk bertemu dengan para pemegang saham Syarikat dan bagi Pengerusi menerangkan perkembangan Syarikat serta melayani pertanyaan daripada pemegang saham. Semasa AGM, para pemegang saham turut

sama membincang resolusi yang dicadangkan atau mengenai operasi Kumpulan secara umum. AGM 2008 diadakan pada 17 April 2008 di Hilton Petaling Jaya di Petaling Jaya, Selangor. Bilangan pemegang saham yang hadir di AGM 2008 telah meningkat dan ini jelas menunjukkan tahap hubungan yang tinggi dengan pemegang saham. Semua resolusi telah diluluskan dan semua Pengarah termasuk Setiausaha Syarikat telah menghadiri mesyuarat tersebut. Lembaga Pengarah, pengurusan kanan dan penasihat undang-undang dan juruaudit luar Syarikat iaitu PricewaterhouseCoopers Malaysia turut hadir untuk menjawab soalan yang dibangkitkan dan memberi penjelasan yang diperlukan pemegang saham. Di setiap AGM, kami wujudkan meja bantuan sebagai saluran hubungan bagi pemegang saham. Sidang akhbar diadakan sebaik sahaja AGM tamat yang mana Pengerusi, Pengarah Urusan dan Pengarah Kewangan akan memberi maklumat terkini kepada wakil-wakil media berhubung resolusi yang telah diluluskan dan menjawab pertanyaan berhubung perkara-perkara berkaitan Kumpulan.

AGM 2009 akan diadakan pada 20 April 2009 di Hilton Petaling Jaya, Petaling Jaya, Selangor. Notis AGM disertakan dalam Laporan Tahunan ini. Keputusan semua resolusi yang dicadangkan tersebut boleh didapati di laman web Bursa Malaysia Securities Berhad pada 20 April 2009.

## TENAGA KERJA

Syarikat percaya bahawa perniagaannya perlu mengekalkan tahap yang berhemah tinggi dalam tatacara dan kewibawaan. Dalam usaha menggalakkan tahap tatacara yang tinggi dan memastikan semua kakitangan terus mengamalkan tahap tatacara yang berhemah dalam melaksanakan tugas mereka, Syarikat dipandu oleh empat (4) sistem nilai, iaitu Prinsip Panduan, Prinsip Pekerjaan, Prinsip Perniagaan dan Piawaian Perlakuan Perniagaan (Sistem Nilai).

Prinsip Panduan menghuraikan budaya Syarikat, keperibadian organisasi kami dan memberi panduan bagi perlakuan kakitangan Syarikat. Rangka kerja Prinsip Pekerjaan tertumpu kepada amalan tempat kerja, hubungan kakitangan dan hak kemanusiaan pekerja. Prinsip Perniagaan menggariskan bagaimana Syarikat sepatutnya dikendalikan dari segi tanggungjawab, manakala Piawaian Perlakuan Perniagaan pula menyatakan tahap kewibawaan perniagaan berhemah yang membimbing perlakuan kakitangan.

Bagi memastikan pematuhan, semua kakitangan termasuk para Pengarah dan pegawai dikehendaki mengisytiharkan pematuhan mereka kepada Piawaian Perlakuan Perniagaan dan mendedahkan sebarang keadaan percanggahan pada setiap tahun. Satu daftar pengisytiharan kepentingan disimpan oleh Setiausaha Syarikat. Semua pengisytiharkan kepentingan dibentangkan kepada Lembaga untuk dipertimbangkan. Pada 2008, terdapat enam (6) pengisytiharan kepentingan daripada kakitangan Syarikat.

Syarikat turut menjalankan Bengkel Kesedaran Risiko yang bertujuan untuk memberi pemahaman berhubung kepentingan pengurusan risiko dan kawalan dalaman serta kesannya terhadap aktiviti harian.

Butiran mengenai Sistem Nilai Syarikat boleh didapati di laman web Syarikat di www.batmalaysia.com.

## PENGGUNA

Berpandukan Prinsip Kepimpinan Produk Bertanggungjawab, produk dan jenama Syarikat dirumus, dikilang dan dipasarkan dengan bertanggungjawab. Bagi Dunhill mencapai wawasannya untuk kualiti yang tiada tandingan pada 2008, Syarikat telah melancar talian khidmat pelanggan bertujuan menerima aduan dan maklum balas pengguna serta mengambil tindakan terhadap aduan dengan segera.

## PEMBEKAL DAN PENYEDIA PERKHIDMATAN

Syarikat telah mewujudkan Dasar Kontrak untuk mentadbir pengendalian kontrak dengan semua pihak yang berkaitan. Piawaian yang berkaitan dengan para pembekal dan penyedia perkhidmatan Syarikat adalah bertujuan untuk memastikan piawaian etika perniagaan yang berhemah yang diharapkan daripada semua pembekal dan penyedia perkhidmatan Syarikat termasuk syarikat-syarikat yang berkaitan dengannya, turut disertakan dalam kontrak dengan pembekal dan penyedia perkhidmatan tersebut. Turut dijelaskan dalam semua perjanjian dengan para pembekal dan penyedia perkhidmatan bahawa pelanggaran mana-mana peruntukan dalam Piawaian yang berkaitan yang mana pembekal atau penyedia perkhidmatan sudah termaklum, boleh mengakibatkan penamatan serta-merta kontrak dengan pembekal atau penyedia perkhidmatan terbabit.

## KEBERTANGGUNGJAWABAN DAN AUDIT

### Pelaporan Kewangan

Lembaga berhasrat untuk menyedia dan membentangkan penilaian yang jelas, seimbang dan lengkap berhubung prestasi dan prospek kewangan Kumpulan pada akhir tahun kewangan, terutamanya melalui penyata kewangan tahunan, pengumuman keputusan suku tahun dan setengah tahun kepada pemegang saham serta penyata Pengerusi dan tinjauan operasi dalam laporan tahunan. Lembaga dibantu oleh Jawatankuasa Audit untuk

mengawasi proses laporan kewangan Kumpulan dan kualiti laporan kewangannya.

**Penyata tanggungjawab Pengarah berhubung penyediaan Penyata Kewangan Beraudit**

Lembaga bertanggungjawab memastikan supaya penyata kewangan memberi gambaran yang sebenar dan saksama terhadap keadaan hal ehwal Kumpulan dan Syarikat pada akhir tempoh perakaunan dan keuntungan atau kerugian dan aliran tunai bagi tempoh yang berakhir pada tarikh tersebut. Dalam menyediakan penyata kewangan, para Pengarah telah memastikan supaya piawaian perakaunan yang diluluskan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) di Malaysia dan peruntukan Akta Syarikat, 1965 dipatuhi dan petimbangan serta anggaran yang munasabah dan berhemat telah dibuat. Para Pengarah juga bertanggungjawab secara keseluruhan untuk mengambil langkah-langkah yang terbuka dengan sewajarnya kepada mereka untuk melindungi aset Kumpulan dan untuk melaksana dan terus mengurus sistem perakaunan dan kawalan dalaman yang mantap bagi mencegah dan mengesan penipuan serta perkara-perkara luar biasa lain.

Lembaga berpuashati bahawa ia telah memenuhi tanggungjawabnya untuk membentangkan penilaian yang seimbang dan boleh difahami berhubung kedudukan dan prospek Syarikat dalam Laporan Pengarah di muka surat 109 hingga 113 dan Penyata Kewangan daripada muka surat 109 hingga 166 dalam Laporan Tahunan ini.

**Pemberitahuan Maklumat**

Satu daripada peruntukan penting dalam Piawaian adalah pemberitahuan maklumat. Kumpulan mengakui bahawa salah laku dalam mana-mana syarikat seperti pelanggaran undang-undang, peraturan penguatkuasaan, kesilapan pengeluaran, penipuan, pelanggaran kesihatan dan keselamatan atau rasuah biasanya diketahui lebih awal oleh individu yang bekerja di dalam atau dengan syarikat berkenaan. Satu sistem amaran awal seperti prosedur pemberitahuan maklumat boleh membantu Kumpulan mengesan pesalah dan memaklumkan Kumpulan untuk mengambil tindakan sewajarnya sebelum masalah tersebut melarat menjadi krisis. Sistem pemberitahuan maklumat mengukuhkan dan menyokong pengurusan yang baik dan pada masa yang sama, menampilkan kebertanggungjawaban, pengurusan risiko yang berkesan dan amalan tadbir urus korporat yang kukuh. Lembaga percaya bahawa, dengan penyediaan sistem pemberitahuan maklumat, keyakinan pelabur terhadap Kumpulan akan dapat dipertingkatkan, justeru, sistem pemberitahuan maklumat telah diwujudkan sejak 2004.

Sejajar dengan amalan tadbir urus korporat Kumpulan yang kukuh, kakitangan Kumpulan amat digalakkan untuk bersuara dan membangkitkan sebarang syak wasangka terhadap salahlaku, penyelewengan atau ketidakwajaran dalam pengurusan perniagaan Kumpulan melalui tatacara pemberitahuan maklumat dalaman yang diwujudkan mengikut Piawaian. Syarikat mewujudkan satu rangka kerja tersusun yang menggariskan bila, bagaimana dan kepada sesiapa sesuatu kemusykilan boleh dibangkitkan dengan sewajarnya, membezakan kemusykilan dengan rasa tidak puas hati yang peribadi, memberi peluang kepada pemberitahu maklumat untuk membangkitkan kemusykilan di luar garisan pengurusan mereka dan dengan penuh keyakinan. Tatacara dan borang boleh didapati dengan mudah oleh kakitangan Kumpulan melalui portal kakitangan. Identiti pemberitahu maklumat akan dirahsiakan dan perlindungan akan diberi kepada pemberitahu maklumat daripada sebarang ancaman tindak balas atau hukuman. Tatacara ini membolehkan kakitangan mengutarakan kemusykilan mereka tanpa rasa takut terhadap tindakan balas dan dengan mengetahui bahawa aduan mereka adalah mengikut prosedur yang tersedia. Sebarang kemusykilan yang dibangkitkan akan disiasat dan laporan serta kemaskini disediakan kepada Lembaga Pengarah, melalui Jawatankuasa Audit.

Pada 2008, lapan (8) pemberitahuan maklumat / insiden pelanggaran Piawaian telah dilaporkan yang meliputi perdagangan haram, penyalahgunaan aset Syarikat, penipuan dan percanggahan kepentingan. Semua insiden yang dilaporkan telah disiasat dengan tindakan yang sewajarnya diambil yang mana perlu dan melapor kepada Jawatankuasa Audit.

**Kawalan dalaman**

Perlu ditekankan bahawa tanggungjawab muktamad bagi memastikan sistem kawalan dalaman yang kukuh dan mengkaji keberkesanannya terletak di tangan Lembaga. Lembaga menetapkan dasar dan tatacara bagi kawalan dalaman dan memastikan pelaksanaan sistem kawalan dalaman dijalankan dengan sewajarnya oleh pengurusan eksekutif. Syarikat juga mewujudkan proses untuk mengawasi dan menguruskan risiko.

Maklumat berkenaan proses tersebut dipaparkan di muka surat 91 hingga 92 dalam Laporan Tahunan ini.

Syarikat menyediakan Dasar Teknologi Maklumat yang menggariskan proses yang perlu diikuti untuk membentuk dasar, amalan terbaik, piawaian dan penggunaan teknologi maklumat sokongan. Syarikat menyedari wujudnya risiko tindakan undang-undang jika sistem atau maklumat teknologi disalahgunakan yang melanggar undang-undang. Oleh itu, Syarikat

memastikan supaya semua perisian yang digunakan oleh Kumpulan adalah salinan berlesen.

Selaras dengan Panduan bagi Pengarah Syarikat Tersenarai Awam, kajian dijalankan oleh Lembaga sekurang-kurangnya sekali setahun yang meliputi semua kawalan penting termasuk kawalan kewangan, operasi dan pematuhan dan sistem pengurusan risiko. Lembaga mendapat jaminan yang sewajarnya daripada laporan yang dikemukakan oleh jawatankuasa berkaitan mengenai pengurusan risiko dan kawalan dalaman.

Maklumat fungsi audit dalaman dipaparkan di muka surat 96 Laporan Tahunan ini.

## Penyata Kawalan Dalaman

Penyata Kawalan Dalaman yang dipaparkan di muka surat 91 hingga 92 Laporan Tahunan ini memberi pandangan menyeluruh berkenaan keadaan kawalan dalaman Kumpulan.

## Urusniaga Pihak Berkaitan

Satu rangka kerja pematuhan dalaman diwujudkan bagi memastikan supaya Kumpulan melunaskan tanggungjawabnya di bawah Keperluan Penyenaraian termasuk tanggungjawab berhubung urus niaga pihak berkaitan. Lembaga, melalui Jawatankuasa Audit, mengkaji semua urus niaga pihak berkaitan yang terlibat. Pengarah yang mempunyai kepentingan dalam mana-mana urus niaga harus mengecualikan diri daripada perbincangan dan pengundian resolusi yang berkaitan dengan urusniaga tersebut semasa mesyuarat Lembaga atau sebarang mesyuarat agung yang diadakan untuk mempertimbangkan perkara tersebut.

Urus niaga Pihak Berkaitan Berulang yang dimeterai oleh Kumpulan dengan pihak-pihak yang berkaitan dengan pada tahun 2008 adalah dalam urus niaga jual beli rokok dan produk tembakau, pembelian daun tembakau, bahan pembungkusan rokok dan produk tembakau, pemerolehan perkhidmatan teknologi maklumat, pembayaran royalti, pembayaran yuran bagi perkhidmatan sokongan teknikal dan nasihat, peruntukan perkhidmatan sokongan teknikal dan nasihat serta peralatan jual beli.

Maklumat berkenaan urus niaga tersebut boleh dirujuk di muka surat 155 hingga 158 Laporan Tahunan ini.

## Hubungan dengan Juruaudit Luar

Jawatankuasa Audit berbincang dengan juruaudit luar mengenai bentuk dan skop audit dan obligasi laporan sebelum audit dimulakan. Jawatankuasa Audit memastikan supaya pengurusan menyediakan maklum balas tepat pada masanya bagi sebarang pertanyaan penting yang dibangkitkan juruaudit luar kepada pengurusan selepas audit rekod perakaunan, akaun kewangan atau sistem kawalan.

Jawatankuasa Audit bekerjasama rapat dengan rakan kongsi audit kanan yang ditugaskan oleh PricewaterhouseCoopers Malaysia untuk Syarikat yang bertindak sebagai wakil utama bagi mengawasi hubungan Syarikat dengan juruaudit luar. Dengan mematuhi Institut Akauntan Malaysia, Syarikat menggilirkan rakan auditnya setiap lima (5) tahun bagi memastikan objektiviti, kebebasan dan kewibawaan pendapat audit.

Jawatankuasa Audit turut bermesyuarat dengan juruaudit luar bagi mengkaji kemunasabahan pertimbangan utama, prinsip perakaunan juruaudit luar dan keberkesanan operasi kawalan dalaman dan pengurusan risiko perniagaan.

Jawatankuasa Audit bermesyuarat dengan juruaudit sebanyak dua kali pada 2008 tanpa kehadiran Pengarah Eksekutif atau pengurusan. Jawatankuasa Audit diamanahkan dengan kuasa oleh Lembaga untuk mengkaji sebarang perkara berkaitan pelantikan dan pelantikan semula, yuran audit, peletakan jawatan atau pemecatan juruaudit luar dan kajian serta penilaian faktor-faktor berkaitan dengan kebebasan juruaudit luar dan membantu memelihara kebebasan mereka.

Jumlah yuran yang dibayar kepada PricewaterhouseCoopers Malaysia pada 2008 berjumlah RM317,000.00. Ringkasan pecahan yuran yang dibayar kepada PricewaterhouseCoopers Malaysia adalah seperti berikut:

| Jenis Khidmat | Yuran (RM) |
|---|---|
| Khidmat Audit | 205,000 |
| Khidmat Bukan Audit | 112,000 |

## Pematuhan dengan Kod

Lembaga telah membincang, mengkaji dan meluluskan Penyata Tadbir Urus Korporat ini. Lembaga berpendapat bahawa Penyata Tadbir Urus Korporat ini menyediakan maklumat yang perlu bagi membolehkan para pemegang saham menilai bagaimana Kod Malaysia digunapakai. Lembaga berpendapat dan berpuashati bahawa Syarikat telah melunaskan kewajipannya di bawah Kod BATM, Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia, Keperluan Penyenaraian dan setiap undang-undang serta peraturan yang diterimapakai sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2008.

**Penyata ini disediakan selaras dengan resolusi pekeliling Lembaga Pengarah bertarikh 5 Mac 2009.**

**Tan Sri Abu Talib bin Othman**
Pengerusi

# PENYATA KAWALAN DALAMAN

## TANGGUNGJAWAB

**Lembaga Pengarah menyedari kepentingan amalan kawalan dalaman dan pengurusan risiko yang mantap sehingga ke tadbir urus korporat yang berhemah. Lembaga menegaskan tanggungjawabnya secara keseluruhan ke atas sistem kawalan dalaman Kumpulan dengan mewujudkan persekitaran dan rangka kerja kawalan yang sesuai serta mengkaji sama ada memadai dan kewibawaannya. Disebabkan keterbatasan yang sememangnya wujud dalam mana-mana sistem kawalan dalaman, sistem ini dirangka untuk mengurus risiko dan bukan menyisihkannya yang boleh menjejaskan pencapaian objektif perniagaan Kumpulan. Justeru, ia hanya dapat menyediakan jaminan yang munasabah, bukan mutlak, terhadap salah nyata atau kerugian ketara. Sistem kawalan dalaman meliputi, antara lain, kawalan kewangan, operasi dan pematuhan serta tatacara pengurusan risiko.**

Kumpulan mempunyai satu proses yang sedang langsung untuk mengenal pasti, menilai, memantau dan mengurus risiko utama yang dihadapi oleh Kumpulan. Proses tersebut termasuk mengkaji dan mengemaskini sistem kawalan dalaman dengan mengambilkira perubahan suasana penguatkuasaan peraturan dan perniagaan. Proses ini sentiasa dikaji oleh Lembaga melalui Jawatankuasa Audit dan mematuhi Penyata Kawalan Dalaman: Panduan untuk Para Pengarah Syarikat Tersenarai Awam.

Lembaga memastikan supaya pengurusan mengambil tindakan yang perlu dalam melaksanakan dasar dan tatacara berhubung risiko serta kawalan yang telah diluluskan oleh Lembaga yang mana pengurusan mengenal pasti dan menilai risiko yang dihadapi, dan sejurusnya merangka, melaksana dan memantau kawalan dalaman yang bersesuaian untuk mengurangkan dan mengawal risiko tersebut.

### PENGURUSAN RISIKO

Pengurusan risiko telah bersebati di dalam sistem pengurusan Kumpulan dan merupakan tanggungjawab setiap kakitangan kerana Kumpulan sesungguhnya percaya bahawa pengurusan risiko adalah penting bagi kesinambungan keuntungan Kumpulan dan peningkatan nilai pemegang saham.

Pasukan Pengurusan Risiko yang diketuai oleh Pengarah Kewangan dan diwakili oleh para pengurus kanan daripada semua fungsi Kumpulan, mengadakan mesyuarat setiap suku tahun untuk mengemaskini daftar risiko dan rancangan tindakan pengurangan risiko.

Rancangan kesinambungan perniagaan tertentu (atau rancangan luar jangka) telah dikaji, dikemaskini dan/atau diuji pada tahun yang ditinjau. Pengurusan sentiasa merangka rancangan kesinambungan perniagaan baru untuk menampung perubahan dalam suasana perniagaan. Para pengurus kanan yang bertanggungjawab ke atas rancangan kesinambungan perniagaan masing-masing telah membuat pembentangan formal kepada Kumpulan Pengurusan Kanan tahap kesediaan krisis mereka.

Jawatankuasa Audit diberikan taklimat oleh Pengurus Risiko Perniagaan berhubung Program Pengurusan Risiko Kumpulan pada bulan April dan Oktober 2008. Antara isu-isu penting yang diketengahkan kepada Jawatankuasa Audit adalah aktiviti yang dijalankan oleh Pasukan Pengurusan Risiko pada 2008, garis panduan dan peningkatan proses Kumpulan, dua puluh (20) risiko tertinggi Kumpulan, rancangan tindak balas risiko dan tahap kesediaan krisis berhubung rancangan kesinambungan perniagaan.

### PROSES KAWALAN DALAMAN UTAMA

Perkara yang diutamakan dalam kawalan dalaman dan sistem pengurusan risiko Kumpulan adalah proses Kawalan Penilaian Sendiri ("CSA") yang dibentuk dan kini kian bertambah baik. Satu senarai semak kawalan utama telah dirangka yang menggariskan beberapa kawalan serta keperluan proses utama merentasi semua fungsi dalam Kumpulan. Senarai semak tersebut dikemaskini setiap tahun dengan mengambilkira perubahan profil risiko yang dipengaruhi oleh perubahan suasana perniagaan dan penguatkuasaan peraturan, strategi dan aktiviti fungsian dari semasa ke semasa. Semua unit perniagaan dikehendaki mendokumenkan kawalan dan proses untuk mengurus risiko dan menilai keberkesanannya pada setiap tahun. Senarai semak kawalan utama dan analisis arah aliran dilaporkan kepada Jawatankuasa Audit. Pada 2008, empat (4) laporan dibentangkan kepada Jawatankuasa Audit.

### UNSUR-UNSUR PENTING LAIN SISTEM KAWALAN DALAMAN

Selain daripada yang dinyatakan di atas, unsur-unsur penting lain dalam sistem kawalan dalaman Kumpulan yang telah dikaji dan diluluskan oleh Lembaga adalah seperti berikut:

**(a) Dasar, tatacara dan had kuasa**

- Penyampaian tanggungjawab yang ditakrif dengan jelas kepada jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga dan pengurusan termasuk struktur organisasi dan bidang kuasa sewajarnya, disediakan;
- Dasar dalaman, piawaian dan prosedur yang didokumenkan dengan jelas disediakan dan sentiasa dikemaskini untuk menunjukkan perubahan risiko atau mengatasi kelemahan operasi. Semua dasar dan piawaian Kumpulan diluluskan oleh Lembaga dan kes-kes ketidakpatuhan dilaporkan kepada Lembaga. Ini juga bergantung kepada Audit Dalaman Kumpulan serta kaedah CSA yang dinyatakan di atas.

**(b) Perancangan, perniagaan strategik, belanjawan dan laporan**

- Ketetapan saluran maklumat yang lengkap yang disediakan pengurusan bagi pemantauan prestasi berlandaskan rancangan strategik yang meliputi semua petunjuk kewangan dan operasi utama. Setiap suku tahun Pengarah Urusan mengkaji bersama Lembaga berhubung semua isu yang meliputi, tidak hanya terhad kepada, strategi, prestasi, sumber dan piawaian perlakuan perniagaan;
- Proses belanjawan terperinci diwujudkan yang memerlukan semua unit perniagaan menyediakan belanjawan tahunan yang dibincang dan diluluskan oleh Lembaga; dan
- Sistem laporan yang berkesan berupaya mendedahkan perbezaan ketara berbanding belanjawan dan rancangan untuk memantau prestasi akan disediakan. Perbezaan ketara disiasat oleh pengurusan dan dilaporkan kepada Lembaga.

**(c) Insurans dan perlindungan fizikal**

- Insurans dan perlindungan fizikal yang mencukupi bagi aset-aset utama disediakan untuk memastikan aset Kumpulan dilindungi sewajarnya daripada sebarang masalah yang akan mengakibatkan kerugian ketara kepada Kumpulan.

**(d) Mesyuarat Kumpulan Pengurusan Kanan**

- Mesyuarat Kumpulan Pengurusan Kanan iaitu mesyuarat tertinggi pengurusan, kerap diadakan untuk mengkaji, mengenalpasti, membincang dan menangani isu-isu strategik, operasi, kewangan dan pengurusan utama.

**(e) Bengkel risiko dan kawalan**

- Bagi mencapai sistem kawalan dalaman yang kukuh, sikap kakitangan terhadap risiko dan pemahaman berkenaan proses pengurusan risiko Kumpulan adalah sama pentingnya dengan wujudnya sistem dan dasar yang mantap. Untuk mencapainya, bengkel-bengkel kesedaran risiko dan latihan diadakan bagi kakitangan untuk memahami kepentingan pengurusan risiko dan kawalan dalaman, dan kesannya terhadap aktiviti harian. Bengkel berkenaan meliputi tinjauan menyeluruh terhadap rangka kerja dan proses pengurusan risiko organisasi, kepentingan kawalan dalaman, jenis-jenis kawalan, rekabentuk dan penilaian keberkesanan kawalan dalaman.

**(f) Lain-lain hal**

- Mesyuarat kerap diadakan antara Pengarah Kewangan dan penganalisis yang mana pembentangan formal dilakukan pada hari keputusan kewangan disiarkan selepas kelulusan Lembaga bagi memastikan hubungan telus dan wujud dialog terbuka dengan para pelabur dan pemegang saham;
- Perisytiharan bertulis daripada semua kakitangan pengurusan bagi mengesahkan pematuhan mereka dengan Piawaian Perlakuan Perniagaan Kumpulan dan sebarang percanggahan kepentingan didedahkan.

Pada tahun 2008, sistem kawalan dalaman adalah memuaskan dan tidak mengakibatkan sebarang kerugian, luar jangkaan atau ketidakpastian ketara yang memerlukan pendedahan dalam Laporan Tahunan 2008 Kumpulan.

**Penyata ini disediakan selaras dengan resolusi Lembaga Pengarah bertarikh 19 Februari 2009.**

## ULASAN TERHADAP PENYATA JURUAUDIT LUAR

Seperti yang diperlukan dalam perenggan 15.24 Keperluan Penyenaraian Bursa Malaysia Securities Berhad, juruaudit luar telah mengkaji Penyata Kawalan Dalaman ini. Kajian dilaksanakan menurut Panduan Amalan yang Dicadangkan (RPG) 5 yang dikeluarkan oleh Institut Perakaunan Malaysia. Berdasarkan kajian mereka, juruaudit luar melaporkan kepada Lembaga bahawa tidak terdapat apa-apa perkara yang boleh menimbulkan keraguan bahawa Penyata ini adalah tidak konsisten dengan pemahaman mereka tentang proses yang telah diguna pakai oleh Lembaga dalam kajian mereka tentang kelengkapan dan integriti kawalan dalaman Kumpulan. RPG 5 tidak memerlukan juruaudit luar untuk dan mereka tidak menimbang sama ada Penyata ini merangkumi semua risiko dan kawalan, atau membentuk pendapat tentang keberkesanan tatacara risiko dan kawalan Kumpulan.

# LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT



**Datuk Oh Chong Peng**
Pengerusi



**Tan Sri Abu Talib bin Othman**
Ahli



**James Richard Suttie**
Ahli



**Dato' Ahmad Johari bin Tun Abdul Razak**
Ahli

## KEAHLIAN DAN KEHADIRAN

Senarai ahli Jawatankuasa Audit dan maklumat kehadiran setiap ahli di mesyuarat Jawatankuasa Audit pada 2008 adalah seperti berikut:

| Komposisi Jawatankuasa Audit | Bilangan Mesyuarat Jawatankuasa Audit | | % |
|---|---|---|---|
| | Diadakan | Kehadiran | |
| **Datuk Oh Chong Peng**<br>Pengerusi<br>*(Pengarah Bukan Eksekutif Bebas)* | 4 | 4 | 100 |
| **Tan Sri Abu Talib bin Othman**<br>*(Pengarah Bukan Eksekutif Bebas)* | 4 | 4 | 100 |
| **James Richard Suttie**<br>*(Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas)* | 4 | 4 | 100 |
| **Tan Sri Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin***<br>*(Pengarah Bukan Eksekutif Bebas)* | 1 | 1 | 100 |

* *Tan Sri Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin bersara pada 17 April 2008.*

Jawatankuasa Audit mengadakan empat (4) mesyuarat pada tahun ini yang dihadiri oleh semua ahli kecuali Tan Sri Kamarul Ariffin yang menghadiri satu (1) mesyuarat pada Februari 2008 kerana telah bersara pada 17 April 2008. Pengarah Urusan, Pengarah Kewangan, wakil juruaudit luar dan Ketua Audit Dalaman menghadiri semua mesyuarat jemputan Jawatankuasa Audit. Dari masa ke semasa ahli-ahli pengurusan kanan lain termasuk Pengarah Perkhidmatan Pembangunan Perniagaan dan Ketua Kewangan Korporat turut dijemput menghadiri mesyuarat Jawatankuasa Audit pada 2008.

Pada 5 Mac 2009, Lembaga melantik Dato' Ahmad Johari bin Tun Abdul Razak sebagai ahli Jawatankuasa Audit Syarikat. Dato' Ahmad Johari mempunyai lebih dua puluh (20) tahun pengalaman sebagai Penguamcara dan Peguambela dalam bidang undang-undang korporat dan komersial serta turut menganggotai jawatankuasa audit beberapa syarikat tersenarai awam.

Semua ahli Jawatankuasa Audit mahir dalam hal ehwal kewangan dan berkebolehan menganalisis serta mentakrif penyata kewangan untuk menunaikan kewajipan dan tanggungjawab mereka dengan berkesan sebagai ahli Jawatankuasa Audit.

## KOMPOSISI DAN TERMA RUJUKAN

**(a) Komposisi**

Jawatankuasa Audit harus terdiri daripada sekurang-kurangnya tiga (3) orang Pengarah yang mana majoriti daripada mereka adalah bebas. Ahli Jawatankuasa Audit harus dilantik oleh Lembaga Pengarah dan semua ahli Jawatankuasa Audit termasuk Pengerusi adalah Pengarah Bukan Eksekutif.

Sekurang-kurangnya seorang (1) ahli Jawatankuasa Audit harus menganggotai Institut Akauntan Malaysia atau jika bukan anggota Institut Akauntan Malaysia, mesti mempunyai sekurang-kurangnya tiga (3) tahun pengalaman bekerja dan lulus peperiksaan yang dinyatakan dalam Bahagian 1 Jadual Pertama Akta Akauntan, 1967 atau menganggotai salah

satu pertubuhan akauntan yang dinyatakan dalam Bahagian II jadual tersebut atau mempunyai ijazah sarjana muda/sarjana/doktor falsafah dalam perakaunan atau kewangan dan sekurang-kurangnya pengalaman bekerja selama tiga (3) tahun selepas tamat pengajian dalam perakaunan atau kewangan atau menganggotai organisasi perakaunan profesional yang diterima sebagai ahli penuh International Federation of Accountants dan sekurang-kurangnya pengalaman bekerja selama tiga (3) tahun selepas tamat pengajian dalam bidang perakaunan atau kewangan atau sekurang-kurangnya tujuh (7) tahun pengalaman bertugas sebagai ketua pegawai kewangan sesebuah syarikat atau memegang jawatan yang bertanggungjawab terutamanya dalam pengurusan hal ehwal kewangan sesebuah syarikat.

Pengarah silih ganti tidak akan dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Audit. Lembaga harus mengkaji tempoh perjawatan dan prestasi ahli Jawatankuasa Audit sekurang-kurangnya sekali setiap tiga (3) tahun bagi menentukan sama ada mereka menjalankan tugas selaras dengan terma rujukan mereka.

Jika berlaku sebarang kekosongan dalam Jawatankuasa Audit sehingga mengakibatkan ketidakpatuhan pada perenggan kecil 15.10(1) Keperluan Penyenaraian Bursa Malaysia Securities Berhad, Lembaga harus memenuhi kekosongan tersebut dalam tempoh tiga (3) bulan daripada tarikh kekosongan tersebut.

**(b) Pengerusi**

Pengerusi Jawatankuasa Audit harus merupakan Pengarah Bukan Eksekutif Bebas.

**(c) Mesyuarat dan Minit**

Jawatankuasa Audit harus bermesyuarat sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun. Walau bagaimanapun, Jawatankuasa Audit harus bermesyuarat dengan juruaudit luar sekurang-kurangnya sekali setahun, tanpa kehadiran para Pengarah Eksekutif. Pada tahun ini, Jawatankuasa Audit bermesyuarat dua kali dengan juruaudit luar tanpa kehadiran para Pengarah Eksekutif dan pengurusan.

Pengarah Kewangan dan Ketua Audit Dalaman serta wakil juruaudit luar menghadiri semua mesyuarat Jawatankuasa Audit untuk mengemukakan pandangan mereka berhubung sebarang perkara yang sedang dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Audit, atau pada pandangan mereka, perlu diambil perhatian Jawatankuasa Audit, kecuali sekiranya dianggap tidak wajar oleh Pengerusi.

Jawatankuasa Audit boleh, apabila dan bila perlu, menjemput ahli-ahli Lembaga Pengarah yang lain dan Pengurusan Kanan untuk menghadiri mesyuarat.

Setiausaha Syarikat harus bertindak sebagai Setiausaha Jawatankuasa Audit dan akan mencatat, menyedia dan mengedar minit mesyuarat Jawatankuasa Audit serta memastikan supaya minit mesyuarat disimpan rapi dan menyerahkannya untuk pemeriksaan jika perlu. Jawatankuasa Audit harus melapor kepada Lembaga dan minit mesyuaratnya dibentangkan untuk perhatian Lembaga.

**(d) Kuorum**

Bagi membentuk kuorum mesyuarat, majoriti ahli yang hadir harus terdiri daripada para Pengarah Bebas.

**(e) Kuasa**

Jawatankuasa Audit diberi kuasa oleh Lembaga untuk mengkaji sebarang aktiviti yang merangkumi terma rujukan mereka. Jawatankuasa Audit diberi kuasa untuk mendapatkan sebarang maklumat yang diperlukan olehnya daripada mana-mana Pengarah atau ahli pengurusan dan mempunyai akses penuh serta tidak terhad kepada sebarang maklumat berhubung Kumpulan dan pengurusan, dan semua kakitangan Kumpulan dikehendaki mematuhi permintaan yang dibuat oleh Jawatankuasa Audit.

Jawatankuasa Audit diberi kuasa oleh Lembaga untuk mendapatkan nasihat profesional bebas dan kehadiran pihak luar yang mempunyai pengalaman dan kepakaran yang berkaitan jika dianggap perlu, perbelanjaan biayaan Syarikat.

Jika mana-mana ahli Jawatankuasa Audit perlu mendapatkan nasihat profesional luar dalam melaksanakan tugas, harus baginya berbincang dan mendapatkan kelulusan Pengerusi Jawatankuasa Audit terlebih dahulu.

Jawatankuasa Audit harus mempunyai saluran komunikasi secara langsung dan boleh memanggil mesyuarat dengan juruaudit luar tanpa kehadiran ahli-ahli bukan bebas Jawatankuasa Audit, apabila difikirkan perlu.

## TANGGUNGJAWAB DAN TUGAS

Tanggungjawab dan tugas Jawatankuasa Audit adalah:

**(a) Laporan Kewangan**

- Mengkaji penyata kewangan suku tahunan dan tahunan Syarikat, dengan tumpuan khusus kepada:

- sebarang perubahan penting dalam dasar dan amalan perakaunan;
- pelarasan penting yang timbul daripada audit;
- pematuhan dengan piawaian perakaunan dan lain-lain keperluan perundangan;
- andaian hal sudah berlangsung.

**(b) Urusniaga Pihak Berkaitan**

- Mengkaji sebarang urusniaga pihak berkaitan dan percanggahan kepentingan yang mungkin timbul dalam Kumpulan termasuk sebarang urusniaga, prosedur atau tatacara yang membangkitkan persoalan terhadap kewibawaan pengurusan.

**(c) Laporan Audit**

- Menyediakan laporan Jawatankuasa Audit tahunan kepada Lembaga yang meliputi komposisi Jawatankuasa Audit, terma rujukannya, bilangan mesyuarat yang diadakan, ringkasan aktiviti dan kewujudan unit Audit Dalaman dan ringkasan aktivitinya untuk dimuatkan dalam Laporan Tahunan; dan
- Mengkaji penyata Lembaga berhubung pematuhan dengan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia untuk dimuatkan dalam Laporan Tahunan.

**(d) Kawalan Dalaman**

- Mempertimbangkan setiap tahun Rangka Kerja Pengurusan Risiko Perniagaan yang diterimapakai dalam Kumpulan dan berpuashati kaedah yang diguna membolehkan pengenalpastian, analisis, penilaian, pemantauan dan penyampaian maklumat berhubung risiko secara kerap dan tepat yang membolehkan Kumpulan meminimumkan kerugian dan memaksimumkan peluang;
- Memastikan supaya sistem kawalan dalaman dirangka rapi dan tersedia, ditadbir dengan berkesan dan sentiasa dipantau;
- Menganjurkan kajian dibuat berhubung tahap pematuhan dengan dasar-dasar, piawaian, rancangan dan prosedur dalaman yang diwujudkan termasuk contohnya, Piawaian Perlakuan Perniagaan Kumpulan;
- Jaminan bahawa rancangan kawalan yang sewajarnya dirangkakan sebelum bermula perubahan terhadap aspek-aspek utama dalam Kumpulan; dan
- Mencadangkan kepada Lembaga langkah-langkah untuk mempertingkatkan sistem kawalan dalaman berasaskan penemuan juruaudit dalaman dan luar serta usul perbincangan ahli Jawatankuasa Audit itu sendiri.

**(e) Audit Dalaman**

- Berpuashati bahawa strategi, rancangan, pengendalian dan penyediaan organisasi bagi menjalankan audit dalaman dimaklumkan hingga ke peringkat bawahan segenap Kumpulan. Khususnya untuk:
  - mengkaji rancangan audit dalaman dan berpuashati terhadap keseragaman Rangka Kerja Pengurusan Risiko Perniagaan yang digunakan tersebut dan keluasan liputannya;
  - berpuashati bahawa unit Audit Dalaman Kumpulan mempunyai sumber dan kedudukan yang sewajarnya yang membolehkan mereka menyempurnakan mandat dan rancangan audit mereka yang diluluskan;
  - mengkaji laporan status Audit Dalaman dan memastikan tindakan sewajarnya diambil untuk melaksanakan cadangan-cadangan audit;
  - mencadangkan sebarang kajian yang lebih meluas yang dianggap perlu angkara isu atau perkara yang dikenal pasti.
  - memastikan Audit Dalaman mempunyai akses penuh, bebas dan tidak terhad kepada semua aktiviti, rekod, hartanah dan kakitangan yang dikira perlu untuk melaksanakan tugasnya; dan
  - meminta dan mengkaji mengadakan audit khas yang difikirkan perlu.

**(f) Audit Luar**

- Mengkaji rancangan, bentuk dan skop rancangan audit, laporan audit dan kawalan dalaman yang dinilai oleh juruaudit luar serta penyelarasan juruaudit luar. Jawatankuasa Audit akan mempertimbangkan gabungan pendapat berhubung kualiti pengauditan luar pada salah satu (1) daripada mesyuaratnya;
- Mengkaji Penyata Kawalan Dalaman Kumpulan bersama juruaudit luar untuk dimuatkan dalam Laporan Tahunan;
- Mengkaji hal-hal berkaitan dengan pelantikan dan pelantikan semula, yuran audit serta sebarang persoalan berkaitan peletakan jawatan atau pemecatan juruaudit luar;
- Mengkaji dan menilai faktor-faktor berkaitan kebebasan juruaudit luar dan membantu mengekalkan kebebasan mereka;
- Dimaklumkan berhubung penggunaan perkhidmatan juruaudit luar dalam menjalankan khidmat bukan audit yang ketara dalam Kumpulan, memandangkan kedua-dua khidmat yang dilaksanakan dan yuran, agar kedudukan mereka sebagai juruaudit tidak dianggap terjejas; dan

- Mengkaji penemuan juruaudit luar yang timbul daripada audit, khususnya sebarang ulasan dan maklum balas daripada surat pengurusan serta kerjasama yang diberikan oleh kakitangan Kumpulan sehingga berpuashati tindakan sewajarnya telah diambil.

**(g) Lain-lain hal**

- Bertindak terhadap sebarang perkara sebagaimana yang diarahkan oleh Lembaga.

## RINGKASAN AKTIVITI

Pada 2008, Jawatankuasa Audit menjalankan tugas selaras dengan terma rujukan mereka.

Aktiviti-aktiviti Jawatankuasa Audit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2008 adalah diringkaskan seperti berikut:

- Mengkaji penyata kewangan suku tahunan dan tahunan Syarikat dan Kumpulan, dengan memfokus khususnya kepada perubahan besar dasar dan amalan perakaunan, pelarasan yang timbul daripada audit, pematuhan dengan piawaian perakaunan dan lain-lain keperluan perundangan;
- Mengkaji urusniaga pihak berkaitan yang dimeterai oleh Syarikat, syarikat-syarikat subsidiarinya dan Kumpulan British American Tobacco;
- Mengkaji rancangan audit dalaman dan berpuashati dengan keseragaman rancangan tersebut dengan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Perniagaan yang digunakan dan keluasan liputannya;
- Mengkaji laporan status daripada audit dalaman bagi memastikan tindakan sewajarnya diambil untuk melaksanakan cadangan-cadangan audit;
- Mengkaji Program Pengurusan Risiko Kumpulan, termasuk program insurans, sekuriti dan hal-hal keselamatan;
- Memastikan pematuhan dengan Piawaian Perlakuan Perniagaan Kumpulan dan menerima hal-hal penyampaian maklumat dan pelanggaran Piawaian Perlakuan Perniagaan terkini;
- Mengkaji Penyata Prinsip Perniagaan Kumpulan Berperingkat terkini;
- Mengkaji rancangan, bentuk dan skop rancangan audit, laporan audit dan kawalan dalaman yang dinilai juruaudit luar serta penyelarasan juruaudit luar; dan
- Mengkaji penemuan juruaudit luar yang timbul daripada audit, khususnya ulasan dan maklum balas daripada surat pengurusan serta kerjasama kakitangan Kumpulan sehingga berpuashati tindakan sewajarnya telah diambil.

## FUNGSI AUDIT DALAMAN

Kumpulan mempunyai unit audit dalaman yang kukuh yang melapor kepada Jawatankuasa Audit dan membantu Jawatankuasa Audit mengkaji keberkesanan sistem kawalan dalaman di samping memastikan wujud keseimbangan kawalan dan risiko yang sewajarnya di segenap Kumpulan dalam mencapai objektif perniagaannya.

Audit dalaman menyediakan penilaian bebas berhubung keberkesanan dan kecekapan kawalan dalaman dengan menggunakan kaedah dan kemudahan audit global untuk menyokong rangka kerja tadbir urus korporat dan rangka kerja pengurusan risiko global yang cekap dan berkesan bagi memberi jaminan terhadap inisiatif Kumpulan dalam pengurusan strategi dan penyampaian pengubahan.

Ketua Audit Dalaman melapor terus kepada Jawatankuasa Audit dan mempunyai akses terus kepada Pengerusi Jawatankuasa Audit berhubung semua perkara kawalan dan audit. Semua cadangan pengurusan berhubung pelantikan, pemindahan dan pemecatan Ketua Audit Dalaman Kumpulan hendaklah mendapat kelulusan Jawatankuasa Audit. Sebarang sekatan yang tidak wajar berhubung skop audit harus dilaporkan kepada Jawatankuasa Audit.

Jawatankuasa Audit meluluskan rancangan audit dalaman dalam mesyuarat Jawatankuasa Audit pertama setiap tahun. Sebarang perubahan seterusnya terhadap rancangan audit dalaman mendapat kelulusan Jawatankuasa Audit. Skop audit dalaman meliputi audit semua unit dan operasi, termasuk subsidiari.

Fungsi audit dalaman menerimapakai pendekatan berasaskan risiko dalam merancang dan melaksanakan audit. Pendekatan tersebut selaras dengan rangka kerja Kumpulan sedia ada dalam membentuk, melaksana dan memantau sistem kawalannya.

Aktiviti utama lain yang dilaksana audit dalaman adalah seperti berikut:

- mengkaji prosedur kelulusan berhubung urusniaga pihak berkaitan; dan
- melaksana kajian khas yang diminta oleh Jawatankuasa Audit dan/atau pengurusan.

Pada 2008, sistem kawalan dalaman adalah memuaskan dan tidak mengalami sebarang kerugian, luar jangkaan atau ketidakpastian yang ketara yang memerlukan pendedahan dalam Laporan Tahunan 2008 Kumpulan.

Pada bulan Oktober 2008, kajian keberkesanan Jawatankuasa Audit dijalankan yang mana keputusannya menunjukkan peningkatan dalam semua peringkat keberkesanan.

Laporan Jawatankuasa Audit ini disediakan selaras dengan resolusi pekeliling Pengarah bertarikh 5 Mac 2009.

# LAPORAN PENGURUSAN RISIKO KORPORAT

**Pengurusan risiko yang berkesan merangkumi semua aspek perniagaan Kumpulan penting bagi pertumbuhan kukuh dan kesinambungan peningkatan nilai pemegang saham.**

Risiko perniagaan Kumpulan diakibatkan oleh beberapa faktor yang tidak semuanya, dalam kawalan Kumpulan. Cabaran pengaruh luaran ini, berserta dengan pendedahan risiko perniagaan umum seperti nama baik korporat, isu keselamatan, persekitaran, kesihatan dan kesejahteraan, kualiti produk dan teknologi maklumat sentiasa dikaji sebagai sebahagian daripada program Pengurusan Risiko Perniagaan Kumpulan.

Kumpulan menerimapakai program Pengurusan Risiko Perniagaan yang proaktif dengan objektif-objektif berikut:

- memastikan kesinambungan bekalannya kepada pengguna sepanjang masa
- melindungi aset dan nama baiknya
- mengekalkan keselamatan dan kesihatan kakitangannya
- memastikan operasi Kumpulan tidak memberi kesan negatif kepada penghuni dan persekitarannya
- melindungi kepentingan semua pihak berkepentingan
- memastikan pematuhan dengan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia, garis panduan British American Tobacco p.l.c dan semua undang-undang Malaysia yang berkaitan
- menggalakkan budaya kesedaran risiko berkesan yang mana pengurusan risiko merupakan aspek penting dalam sistem pengurusan Kumpulan

Pasukan Pengurusan Risiko yang diketuai oleh Pengarah Kewangan dan terdiri daripada pengurus kanan semua fungsi dalam Kumpulan diberi kepercayaan untuk melaksanakan program Pengurusan Risiko Perniagaan. Tanggungjawab pasukan tersebut adalah untuk:

- menentukan hala tuju program Pengurusan Risiko Perniagaan Kumpulan
- menggalakkan budaya kesedaran risiko yang proaktif dalam Kumpulan
- menjalankan kajian suku tahunan ke atas risiko perniagaan
- menyelaras perangkaan rancangan tindakan pengurangan risiko
- membangun dan mengemaskini rancangan kesinambungan perniagaan bagi risiko-risiko utama perniagaan
- merancang dan menyelaras ujian ke atas rancangan kesinambungan perniagaan
- menyusun program latihan dan pembelajaran untuk kakitangan berhubung pengurusan risiko
- memantau keputusan petunjuk prestasi penting
- memastikan tadbir urus korporat yang berhemah

Pengurusan Risiko telah bersebati di dalam sistem pengurusan Kumpulan dan merupakan tanggungjawab setiap kakitangan.

Proses Pengurusan Risiko Perniagaan Kumpulan meliputi lima fasa, iaitu:




Dalam proses mengenalpasti risiko, semua kemungkinan risiko perniagaan dikenalpasti.

Risiko perniagaan yang dikenalpasti kemudian dinilai berdasarkan matriks di bawah:

- KEMUNGKINAN risiko berlaku
- KETERUKAN akibatnya
- Tahap kesediaan kawalan dalaman dan langkah-langkah pengurusan risiko

| KETERUKAN \ KEMUNGKINAN | Rendah | Sederhana Rendah | Sederhana Tinggi | Tinggi |
|---|---|---|---|---|
| Tinggi | TINGGI | TINGGI | TINGGI | TINGGI |
| Sederhana Rendah | SEDERHANA | SEDERHANA | TINGGI | TINGGI |
| Sederhana Tinggi | RENDAH | RENDAH | SEDERHANA | SEDERHANA |
| Rendah | RENDAH | RENDAH | RENDAH | SEDERHANA |

Daftar risiko adalah hasil daripada proses mengenalpasti dan penilaian risiko yang mendokumen semua risiko perniagaan yang telah dikenalpasti, tahap risikonya serta rancangan tindakan mengurus risiko perniagaan tersebut.

Mengkategorikan risiko perniagaan membolehkan Kumpulan memperuntukkan sumbernya dengan lebih berkesan bagi menangani tahap risiko perniagaan yang berbeza-beza. Gabungan langkah pengurusan risiko kemudian dipilih untuk mengurus risiko perniagaan berkenaan:

| LANGKAH-LANGKAH PENGURUSAN RISIKO | SUB-KATEGORI | CONTOH |
|---|---|---|
| **TERIMA** | **Penerimaan** | Terima risiko mengikut penarafannya, tanpa tindakan lanjut, mengekalkan prosedur kawalan yang sedia ada. |
| **MENGEKAL** | **Mencegah Kerugian** | Laksanakan pengurangan risiko proaktif (langkah kawalan untuk mengurangkan kemungkinan risiko berlaku. Risiko harus kekal tidak berubah sehingga kawalan baru disediakan.<br><br>*Tindakan seharusnya:*<br>• Jaminan kualiti<br>• Persekitaran, kesihatan & keselamatan<br>• Penyelenggaraan pencegahan<br>• Keselamatan<br>• Kawalan kewangan<br>• Pengurusan projek<br>• Latihan dan pendidikan<br>• Penyeliaan<br>• Penyelidikan dan pembangunan |
| | **Mengurangkan Kerugian** | Laksanakan pengurangan risiko aktif (langkah kawalan) untuk mengurangkan akibat lebih teruk, jika ada.<br><br>*Tindakan seharusnya:*<br>• Perancangan kesinambungan perniagaan<br>• Perancangan tindak balas kecemasan<br>• Pengasingan pendedahan<br>• Persamaan pendedahan<br>• Pempelbagaian<br>• Perancangan portfolio |
| **PINDAH** | **Insurans** | Pembelian insurans untuk risiko yang boleh diinsurans, contohnya: kebakaran, nyawa, kecurian dan sebagainya |
| | **Kontrak** | Fasal-fasal perlindungan dalam kontrak, contoh: fasal ganti rugi dan sebagainya |
| | **Perkongsian risiko** | Usaha sama atau perkongsian |
| | **Sumber luar** | Pihak ketiga yang menanggung risiko |

Pemantauan risiko sedang langsung dijalankan untuk mengkaji keberkesanan langkah-langkah pengurangan risiko yang disediakan bagi semua risiko perniagaan yang dikenalpasti dan tindakan pembetulan diambil, jika perlu.

Program Pengurusan Risiko Perniagaan Kumpulan tertakluk kepada kajian berkala bagi memastikan dasar dan objektif program masih terlaksana dan berkesan dalam perubahan keadaan pasaran dan penguatkuasaan peraturan. Program disokong oleh amalan kawalan dalaman seperti penyata pematuhan dengan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia dan senarai semak kawalan utama British American Tobacco p.l.c.

## PENGGALAKAN KESEDARAN RISIKO

Penyampaian maklumat risiko juga amat penting dan membentuk sebahagian aktiviti pengurusan risiko kerana ia tertumpu kepada penyebaran maklumat risiko kepada peringkat kakitangan dan pihak berkepentingan yang patut. Saluran yang sesuai disediakan untuk kakitangan bagi memberi maklum balas berhubung isu-isu pengurusan risiko dan cadangan untuk peningkatan.

Pada 2008, dua bengkel tambahan dijalankan oleh Pasukan Pengurusan Risiko untuk mempertingkatkan kesedaran pengurusan risiko sebagai tambahan kepada program induksi pengurusan risiko biasa bagi kakitangan baru. Bengkel bertajuk "Pastikah Anda Boleh Mengawal" bertujuan mendidik kakitangan pengurusan berhubung pendekatan pengurusan risiko dan kawalan dalaman Kumpulan, dan mengadakan forum untuk mengingatkan para peserta berhubung pengurusan risiko dan peranan mereka dalam persekitaran kawalan. Bengkel "Keselamatan Maklumat Perniagaan" juga diadakan untuk mengetengahkan pelbagai risiko berkaitan keselamatan maklumat.

## KAJIAN PROGRAM PENGURUSAN RISIKO PERNIAGAAN KUMPULAN

Pasukan Pengurusan Risiko bermesyuarat empat kali pada tahun ini, pada bulan Januari, Ogos, September dan Disember 2008 untuk mengkaji profil risiko dan perkembangan kesinambungan rancangan perniagaan Kumpulan.

Pada tahun ini, rancangan kesinambungan perniagaan yang diuji adalah sumber luar jangkaan perkilangan, rancangan bekalan bahan mentah, rancangan tindak balas kecemasan kilang, rancangan pemulihan gencatan IT dan rancangan pemulihan gencatan pusat pengedaran. Rancangan kesinambungan perniagaan lain seperti pemanggilan semula produk, pemulauan produk, ancaman bom dan hubungan industri turut dikaji dan dikemaskini.

Pada bulan Oktober 2008, Pasukan Pengurusan Risiko bersama pengurusan kanan mengemaskini daftar risiko dan rancangan tindakan pengurangan risiko. Kumpulan Pengurusan Kanan dan Jawatankuasa Audit diberi taklimat oleh Pengurus Risiko Perniagaan berhubung status program Pengurusan Risiko Perniagaan Kumpulan pada bulan April dan Oktober 2008. Taklimat tersebut menggariskan status ujian rancangan kesinambungan perniagaan, kemaskini daftar risiko dan rancangan pengurangan risiko.

## PASUKAN PENGURUSAN KRISIS

Selain daripada Pasukan Pengurusan Risiko, Kumpulan turut menubuhkan Pasukan Pengurusan Krisis bagi memupuk kepemimpinan dan pemutusan tepat pada masanya jika berlaku krisis. Pasukan Pengurusan Krisis ini disokong oleh Pasukan Tindak Balas Krisis yang dipertanggungjawabkan untuk tindakan segera mengatasi krisis serta Pasukan Perhubungan untuk menyelaras strategi komunikasi dengan pihak berkepentingan utama.




PIMPINAN
PRODUKTIVITI
PERTUMBUHAN
TANGGUNGJAWAB
ORGANISASI CEMERLANG

# organisasi



# cemerlang

Aspirasi kami untuk menjadi majikan ukur rujuk di Malaysia telah mendorong kami menyalur pelaburan ke dalam pengambilan, latihan dan usaha pengekalan tenaga manusia menjangkau apa yang kami pernah lakukan sebelumnya.

# MEMBINA ORGANISASI CEMERLANG MENJANGKAU TANDA ARAS PASARAN

**Tenaga manusia kami kini diberi lebih keupayaan dan kuasa untuk memacu prestasi perniagaan. Kami memupuk semangat yang membara dalam sanubari mereka supaya bekerja sebagai satu pasukan untuk melonjakkan prestasi dan menjangkaui jangkaan.**



**Cheryl Ann Wong Wai Leng**
Pengarah Sumber Manusia

British American Tobacco Malaysia bertekad untuk mewujud saluran bakat yang mampan. Kami meneruskan pelaburan dalam pengambilan, latihan dan pengekalan tenaga kerja berbakat tinggi sementara menyediakan pelbagai peluang kepada kakitangan kami memacu kerjaya mereka bersama Syarikat. Segala usaha kami mensasarkan Syarikat menjadi Majikan Terbaik di Malaysia.

## PENCARIAN BAKAT

Sesebuah organisasi itu adalah sebaik warga kerjanya. Berpandukan pandangan tersebut, Syarikat bertekad untuk menggaji kakitangan yang berbakat luarbiasa yang akan memacu kami menjangkau matlamat.

Bersandarkan kejayaan yang dicapai pada tahun sebelumnya, Syarikat telah menyertai beberapa pameran kerjaya pada 2008 untuk mempromosi sasaran nama nilai majikan yang unik. Hubungan baru dijalinkan dengan United Kingdom Alumni Network (UKAN) dan Jabatan Pelajar Malaysia (MSD) di beberapa kotaraya Amerika Syarikat bagi mewujud lebih kesedaran mengenai apa yang British American Tobacco Malaysia dapat menawar graduan yang berminat memulakan kerjaya mereka bersama kami apabila kembali ke tanah air.

Selain pameran kerjaya tempatan, satu inisiatif penting syarikat pada 2008 adalah penyertaannya dalam Langkah Pengambilan GRADUAN Australia yang diadakan di Melbourne dan Sydney. Dengan pelaksanaan penilaian secara online dan pusat penilaian pada hari yang sama membolehkan kami memberi tawaran bersyarat kepada 12 orang graduan sarjana muda yang cemerlang; dengan demikian, kami membuat pengambilan bakal Pelatih Pengurusan sebelum mereka menamatkan pengajian lagi.

Syarikat juga menyedari keperluan meningkatkan kecemerlangan operasi pencarian bakat dan telah melakukan beberapa penambahbaikan kepada aktiviti pencarian bakat secara harian, termasuk penyelarasan dengan agensi pengambilan luar, mengubahsuai insentif Program Rujukan Pekerja dan pelancaran ujian pertimbangan secara lisan dan perangkaan.

## SUARA ANDA PENTING

British American Tobacco Malaysia sentiasa aktif mencari jalan dan bertindak terhadap maklum balas rasmi kakitangan. Suara Anda 2008 membuktikan usaha iltizam kami untuk mencapai matlamat menjadi Majikan Terbaik di negara ini kerana berjaya meraih 100% penyertaan dengan pandangan kakitangan berkaitan kepimpinan strategik dan pembangunan bakat meningkat bertambah baik.

Syarikat juga telah menunjukkan inovasi dalam penjenamaan semula Suara Anda 2008. Penerangan bergerak Suara Anda dilancarkan dan Syarikat menyumbang kepada kebajikan dengan penyertaan kakitangan dalam Suara Anda dan pelan tindakan berhubungnya akan diumumkan pada 2009.

## PEMBANGUNAN BAKAT

British American Tobacco Malaysia tegas dalam meneruskan hasratnya untuk membangunkan kakitangannya benar-benar bertaraf dunia. Syarikat telah melabur sebanyak 3.85% daripada jumlah penggajian untuk tujuan program pembelajaran dan pembangunan dan ini jauh melangkaui syarikat-syarikat yang ditanda araskan sebagai Majikan Terbaik oleh American Society of Training and Development (ASTD), yang memperuntuk hanya 3% daripada jumlah penggajian. Berbanding peruntukan 2007, terdapat pertambahan perbelanjaan ke atas pembelajaran dan pembangunan sebanyak 55% pada 2008 dengan pelbagai program pembelajaran tempatan, serantau dan antarabangsa diperkenalkan.

## SUARA ANDA PENTING



Bengkel Suara Anda untuk kakitangan



Sumbangan kepada kebajikan bagi setiap penyertaan kakitangan

## KESEJAHTERAAN KAKITANGAN

*Menyuntik tenaga kakitangan melalui aktiviti kelab sukan*



Liga Futsal 2008




Meraikan Hari Keluarga



Bengkel merokok dan kesihatan untuk kakitangan kami




Menawani Gunung Tahan

## GANJARAN KAKITANGAN




Penyata Jumlah Ganjaran memaparkan struktur ganjaran untuk makluman kakitangan



Malam Anugerah Khidmat Cemerlang

- **Akademi Mencapai Kecemerlangan Berterusan (ACE)**
  Bagi membuktikan kesungguhannya, Syarikat telah melancarkan Akademi ACE pada November, merupakan program pembangunan bertujuan memajukan kerjaya kakitangan bukan pengurusan.

  Program baru ini dilakarkan untuk menyediakan rumusan pengetahuan mengenai organisasi serta kemahiran pengurusan diri yang penting bagi melengkapkan diri kakitangan bukan pengurusan dengan pengetahuan mengenai teras strategi Syarikat serta berkeupayaan memainkan peranan penting untuk mara ke hadapan.

  Melalui inisiatif ini, pelaburan pembelajaran kami meningkat sebanyak 40% bagi kakitangan bukan pengurusan.

- **Akademi Kepimpinan dan Pengurusan INSEAD (ILMA)**
  Akademi Kepimpinan dan Pengurusan INSEAD (ILMA) dilancarkan sebagai usaha berterusan Syarikat menunjukkan iltizamnya menjadi Majikan Terbaik di Malaysia. Permuafakatan perintis antara British American Tobacco Malaysia dan INSEAD Business School yang terkenal sedunia untuk pembangunan para eksekutif yang disediakan khusus untuk bakat yang mencatatkan prestasi mengagumkan, ketekunan dan mempunyai kekuatan semangat dan berkeupayaan untuk memainkan peranan sebagai pemimpin cemerlang dalam organisasi.

  Calon yang layak akan dimasukkan ke dalam program pembangunan sepanjang tempoh lima tahun di Singapura dan Fontainebleu, Perancis. Graduan akademi ini akan mendapat persijilan Program Eksekutif Antarabangsa yang eksklusif. Mereka juga akan menjadi sebahagian daripada Alumni INSEAD yang berprestij yang mana terdapat para cendekiawan sedunia berkongsi pendapat dan pengalaman kerja.

  Pelaburan dalam program ini merupakan satu lagi mercu tanda dalam iltizam British American Tobacco Malaysia membina kumpulan bakat dan barisan penggantian yang mantap.

- **Program Pelatih Pengurusan Global**
  Sejajar dengan wawasan kami untuk menjadi Majikan Terbaik di Malaysia, Syarikat turut melancarkan Program Pelatih Pengurusan Global yang dipertingkatkan pada bulan Ogos.

  Penempatan silang fungsian diterapkan dalam program ini untuk menyediakan pelatih pengurusan peluang pertukaran fungsian supaya dapat meningkatkan pendedahan mereka kepada pelbagai bidang perniagaan. Selain itu, tugasan silang pasaran yang serba baru ini akan memberikan peluang kepada pelatih pengurusan pergi ke pasaran British American Tobacco seluruh dunia untuk tempoh perkhidmatan selama 3 bulan sebagai sebahagian daripada orientasi antarabangsa merentas sempadan.

  Program yang dipertingkatkan ini menampilkan satu lagi ciri menarik yang mana pelatih pengurusan akan dibezakan berasaskan prestasi individu masing-masing. Ini akan meningkatkan dorongan untuk mereka terus berusaha mencapai prestasi cemerlang.

  Selepas tamat program ini, pelatih pengurusan berpeluang membangunkan haluan kerjayanya yang berpotensi tinggi, diikuti dengan pembelajaran, pembangunan dan pelbagai peluang untuk terus berjaya.

## PROGRAM RUJUKAN PEKERJA

Sebagai mengiktiraf pemahaman kakitangan tentang budaya dan faktor-faktor terpenting kejayaan, Program Rujukan Pekerja dilancarkan pada 2006 untuk memanfaatkan rangkaian pekerja bagi memenuhi kekosongan jawatan pengurusan. Kami percaya bahawa kakitangan kami yang lebih arif mengenai budaya dan persekitaran kami.

Berasaskan kejayaan sejak pelancarannya, Syarikat menggandakan insentif yang diberikan bagi kejayaan mendapat kemasukan untuk meningkatkan lagi Program Rujukan Pekerja ini. Pada masa yang sama, kami pula berjaya menambahkan bilangan rujukan kakitangan pada tahun ini berbanding 2007.

## GANJARAN KAKITANGAN

Mengiktiraf dan memberi ganjaran kepada kakitangan diberi keutamaan khusus dalam usaha kami menarik dan mengekal bakat terbaik, mendorong mewujudkan budaya prestasi cemerlang melalui tanda aras yang setanding, komunikasi yang menepati masa dan ketelusan dalam inisiatif pemberian ganjaran. Pelbagai program strategik di bawah empat dasar utama ini dilaksanakan sepanjang 2008 seperti berikut:

- **Tandingan pasaran – Tanda aras luaran bagi amalan terbaik**
  Kami melakukan tanda aras bandingan pasaran luar untuk menentukan jumlah ganjaran kami yang merangkumi pampasan, manfaat, pengiktirafan prestasi, pembangunan dan peluang kerjaya serta unsur keseimbangan kerja-kehidupan dalam satu pakej.

- **Ganjaran terhadap prestasi – Budaya ganjaran untuk yang berprestasi**
  Kami telah menambahbaik bahagian dasar gaji dan bonus prestasi bagi memastikan bakat utama kami dan mereka yang berprestasi cemerlang diberikan ganjaran yang setanding.

- **Manfaat fleksibel – Pilihan untuk kakitangan**
  Program manfaat fleksi seperti manfaat optik dan pergigian untuk semua kakitangan dan manfaat fleksi kereta atau elaun untuk pengurus diperkenalkan pada tahun 2008 untuk menambah tawaran nilai kakitangan.

- **Pendidikan dan penjenamaan – Penglibatan proaktif dan telus**
  Satu siri sesi komunikasi dianjurkan untuk kakitangan bagi memaklumkan tentang struktur ganjaran dan mercu tanda utama kami. Pada 2008, kami melancarkan Penyata Jumlah Ganjaran untuk dikongsi sama unsur jumlah ganjaran yang dilabur Syarikat untuk setiap kakitangan. Penyata peribadi ini bertujuan supaya setiap kakitangan memahami nilai dan struktur pakej ganjaran keseluruhan mereka daripada Syarikat.

## PINJAMAN TUGASAN UNTUK KAKITANGAN KAMI

Sebagai sebuah organisasi yang bertaraf global, British American Tobacco Malaysia menawarkan beberapa peluang merentas sempadan untuk bakat kami melalui program pinjaman tugasan negara. Program ini diwujudkan dengan tujuan yang berlipat ganda untuk meningkatkan pengetahuan kakitangan kami dengan pendedahan kepada amalan terbaik di pasaran luar yang lain, dan menyumbang kepada pasaran luar melalui kepakaran kakitangan kami.

Syarikat menyokong kuat dengan memberi peluang kepada lebih ramai warga kerja Malaysia menimba pengalaman antarabangsa yang manfaat dan sekembali ke tanah air, akan membantu memacu perniagaan kami.

## PINJAMAN TUGASAN BAGI KAKITANGAN DARIPADA PASARAN LAIN

Selain menyediakan kakitangan dengan peluang pinjaman tugasan ke luar negara di pasaran lain, Syarikat turut melatih dan membangunkan bakat daripada pasaran luar dipinjamkan kepada Syarikat. Ini merupakan satu inisiatif yang saling bermanfaat kerana kakitangan yang terlibat dapat sama-sama berkongsi pengalaman dan kepakaran mereka dengan kakitangan kami di sini.

## KESEJAHTERAAN KAKITANGAN

British American Tobacco Malaysia menyokong akan keseimbangan kerja dan kehidupan untuk kakitangannya dan memanfaatkan semua pihak apabila kakitangannya sentiasa bersemangat. Justeru, Kelab Sukan kami yang dikendalikan oleh dua orang kakitangan sepenuh masa telah menganjurkan pelbagai acara sepanjang tahun antara lain, termasuk kejuaraan sukan, ekspedisi memancing dan mencari harta karun.

Untuk memperkukuhkan lagi iltizam Syarikat terhadap kesihatan kakitangannya, pemeriksaan perubatan ditawarkan kepada kakitangan berusia 35 tahun ke atas. Syarikat juga melancarkan beberapa inisiatif pada 2008 seperti CPR dan Latihan Bantuan Kecemasan serta Program Kesihatan Wanita.

Sebagai sebuah syarikat yang beroperasi dalam industri yang berkontroversi, British American Tobacco Malaysia tetap yakin dengan keperluan bersikap terbuka dengan kakitangannya mengenai perkara berkaitan merokok dan kesihatan. Satu siri bengkel telah dianjurkan pada 2008 yang dihadiri oleh kira-kira 230 orang kakitangan Pemasaran Perdagangan untuk melengkapkan mereka dengan perkembangan terkini mengenai risiko menghisap rokok dan pendirian Syarikat mengenai merokok.

## ANUGERAH KAKITANGAN KHIDMAT LAMA

Syarikat menghargai dedikasi kakitangannya yang menyumbang kerjaya mereka untuk berkembang dan maju bersama Syarikat. Pada tahun 2008, seramai 91 orang kakitangan khidmat lama telah menerima Anugerah Khidmat Lama. Sepuluh daripada mereka telah berkhidmat selama 30 tahun, enam selama 20 tahun, 63 selama 10 tahun dan 12 orang daripada mereka adalah pesara.

# TENAGA KERJA KAMI DI MERATA DUNIA

Di bawah ini disenaraikan kakitangan kami yang ditugaskan ke luar Malaysia di sekitar operasi British American Tobacco seluruh dunia pada 2008.

**Alison Yeap**
Juruanalisis Kanan Pelaksanaan Strategi
*United Kingdom*

**Anand Panchalingam**
Arkitek Penyelesaian Global
*United Kingdom*

**Andrew Yeo**
Ketua Sumber Manusia
*Kemboja*

**Anthony Yong**
Ketua Kewangan
*Switzerland*

**Bruce Jalleh**
Pengarah Kewangan
*Sri Lanka*

**Chin Lai Heng**
Pengurus Pembangunan Kepimpinan dan Bakat Kumpulan
*United Kingdom*

**Chong Choon Hung**
Pengurus Jabatan Perkilangan Menengah
*Korea*

**Claire Chan**
Pengurus Kajian dan Pemahaman Pasaran dan Pandangan Dalaman
*Hong Kong*

**Lim Peng Hui**
Pengurus Program Budaya Cemerlang
*Hong Kong*

**Lim Suat Kim**
Ketua Pengeluaran
*Singapura*

**Mohd Azraai**
Pengurus Pelanggan Rangkaian Pembekalan Serantau, Rantau Eropah
*United Kingdom*

**Ng Shu Teng**
Pengurus Pembangunan Kewangan Pemasaran
*United Kingdom*

**Nicholas Soon**
Pengurus Perbendaharaan Serantau
*Singapura*

**Nick Lee**
Pengurus Pembangunan Perniagaan, Kawasan Asia Timur
*Vietnam*

**Ong Hean Boon**
Pengurus Pembangunan Perkilangan Serantau
*Singapura*

**Shaiful Bahari**
Ketua Hal Ehwal Korporat dan Peraturan
*Bangladesh*

**Tang Chung Leong**
Pengarah Operasi
*Vietnam*

**William Toh**
Pengurus Projek Serantau
*Hong Kong*



# PELUANG BERNILAI MENIMBA PENGALAMAN

**Andrew Yeo**
*Ketua Sumber Manusia*
British American Tobacco Cambodia

Pinjaman tugasan saya ke Kemboja merupakan satu pengalaman hebat yang membuka peluang kepada saya untuk berperanan lebih besar pada masa hadapan. Saya dapati British American Tobacco di Kemboja merupakan sebuah organisasi yang dinamik dan maju kerana mempunyai potensi pertumbuhan yang besar.

Peranan saya kini memberikan pendedahan sepenuhnya dalam perniagaan ini sebagai sebahagian daripada Kumpulan Pengurusan Kanan sebuah organisasi yang mempunyai 500 kakitangan termasuk Daun, Perkilangan, Pemasaran dan Jualan. Tugas ini juga memerlukan saya menggalakkan keharmonian industri serta mencapai matlamat menang-menang-menang di antara tiga pihak iaitu Syarikat, kesatuan sekerjanya dan Kerajaan. Ini satu cabaran buat saya, bukan sahaja untuk menjadi pemimpin sebuah fungsian yang berkesan, tetapi turut juga menyumbang dan mendorong pencapaian prestasi perniagaan serta berfikir mendahului pasaran.

Kerjaya saya bersama Syarikat bermula semasa saya menyertai British American Tobacco Malaysia pada 2001 di bawah Program Pelatih Pengurusan selama 2 tahun dan selepas tamat pengajian daripada program tersebut pada 2003, saya menjadi Eksekutif Pencarian Sumber. Kemudian, saya dinaikkan pangkat pada 2004 untuk menjadi Pengurus Pengambilan dan selepas itu, beralih ke beberapa penjawatan lain seperti Pengurus Latihan dan Pembangunan dan Pengurus Sumber Manusia bagi fungsi Pemasaran sebelum menyandang jawatan Pengurus Pembangunan Organisasi Pemasaran pada 2007. Saya telah memainkan peranan penting bagi menyokong fungsi pemasaran yang melalui pengubah organisasinya dan dalam pengurusan perubahan bagi program Pemasaran Perdagangan dan Pengedaran. Pada pertengahan 2008, saya ditugaskan ke Kemboja untuk mengambil tugasan ini yang mana saya mengetuai fungsi Sumber Manusia bagi pasaran ini sebagai ahli Kumpulan Pengurusan Kanan, Pasukan Kepimpinan HR Vietnam dan memberi sokongan interim kepada British American Tobacco Thailand.

Saya percaya bahawa pinjaman tugasan ini merupakan satu peluang berharga untuk menimba pengalaman belajar seseorang dan British American Tobacco merupakan syarikat contoh yang hebat yang benar-benar beriltizam untuk memupuk tenaga kerja dengan membuka peluang pendedahan di peringkat global. Ini benar-benar sebuah multinasional Organisasi Cemerlang; yang melambangkan kejayaan!



**Lee Seong Kwon**
*Pengurus Jabatan Perkilangan Menengah (SMD), Operasi*
British American Tobacco Malaysia

Saya dipinjam untuk bertugas di British American Tobacco Malaysia pada Januari 2008 sebagai Pengurus Jabatan Perkilangan Utama (PMD). Peranan saya di Malaysia memberikan saya peluang untuk terlibat dalam inisiatif mencapai kecemerlangan operasi melalui penyertaan dalam program Breakthrough Syarikat. Saya turut terlibat dalam inovasi pengeluaran yang mendokong inisiatif ini. Ini memberikan saya pengalaman yang menyeronokkan kerana dapat menjadi sebahagian daripada pasukan ini dan pengalaman di sini telah memperluaskan pandangan saya mengenai strategi operasi, memberikan saya peluang memahami kerumitan di pasaran Malaysia serta pengetahuan mendalam mengenai penetapan matlamat bagi memaksimum peluang di persekitaran yang mencabar.

Kini, saya bekerja sebagai seorang Pengurus SMD di mana saya dapat merasakan tenaga pergerakan pasarannya dinamik. Saya percaya cabaran baru ini akan benar-benar menyumbang kepada pembangunan diri saya di masa depan menyempurnakan kitaran pembangunan keupayaan kepimpinan.

Saya berpendapat bahawa Malaysia merupakan salah satu pasaran terbaik untuk menjalani penugasan luar negara kerana wujud kepelbagaiannya. Mengalami dan bekerja di persekitaran yang berpelbagai di mana memerlukan pemikiran dan fokus yang seimbang dan pembelajaran yang timbul daripada pemahaman mengenai budaya dan sejarah organisasi ini adalah sesuatu yang jarang saya peroleh di Korea. Minda baru yang diperoleh ini adalah sesuatu yang amat bernilai yang saya akan bawa balik bersama dan saya juga percaya bahawa ini merupakan kunci untuk membina sebuah pasukan yang sepadu dalam organisasi berbilang bangsa.

British American Tobacco Malaysia benar-benar merupakan tempat di mana anda boleh membina wawasan dan menawar peluang untuk merealisasi wawasan tersebut.



# Penyata Kewangan


109 Laporan Pengarah

114 Pernyataan oleh Pengarah

114 Akuan Berkanun

115 Laporan Juruaudit Bebas

117 Penyata Pendapatan

118 Kunci Kira-Kira

119 Penyata Perubahan dalam Ekuiti Disatukan

120 Penyata Perubahan dalam Ekuiti Syarikat

121 Penyata Aliran Tunai

122 Ringkasan Dasar-Dasar Perakaunan Penting

130 Nota-Nota kepada Penyata Kewangan

# LAPORAN PENGARAH

Para Pengarah dengan sukacitanya menyerahkan laporan tahunan mereka kepada ahli-ahli berserta dengan penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2008.

## AKTIVITI UTAMA

Syarikat menyediakan perkhidmatan pengurusan dan pentadbiran harian kepada subsidiarinya yang terlibat terutamanya dalam aktiviti perkilangan, pengimportan dan penjualan rokok, tembakau paip dan cerut.

Tiada perubahan ketara yang berlaku dalam bentuk aktiviti Kumpulan dan Syarikat pada tahun kewangan.

## KEPUTUSAN KEWANGAN

| | Kumpulan RM'000 | Syarikat RM'000 |
|---|---|---|
| Keuntungan bagi tahun kewangan | 811,683 | 748,881 |

## DIVIDEN

| | RM'000 |
|---|---|
| Dividen yang telah dibayar atau diisytiharkan oleh Syarikat sejak 31 Disember 2007 adalah seperti berikut: | |
| Berhubung tahun kewangan berakhir 31 Disember 2007, seperti yang ditunjukkan dalam laporan Pengarah tahun tersebut: | |
| Dividen akhir 15.00 sen sesaham kasar, tolak cukai 26%, yang dibayar pada 16 Mei 2008 | 31,694 |
| Dividen akhir 62.90 sen sesaham kasar, dikecualikan cukai menurut sistem satu peringkat, dibayar pada 16 Mei 2008 | 179,598 |
| | 211,292 |
| Berhubung tahun kewangan berakhir 31 Disember 2008: | |
| Dividen interim pertama 113.00 sen sesaham, dikecualikan cukai menurut sistem satu peringkat, dibayar pada 20 Ogos 2008 | 322,649 |
| Dividen interim 76.00 sen sesaham, dikecualikan cukai menurut sistem satu peringkat, dibayar pada 17 November 2008 | 217,003 |
| | 539,652 |

Kini, para Pengarah mengesyorkan pengisytiharan dividen akhir sebanyak 76.00 sen sesaham, dikecualikan cukai menurut sistem satu peringkat, berjumlah RM217,002,800 bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2008 yang tertakluk kepada kelulusan ahli di Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat yang datang. Dividen tersebut akan dibayar pada 8 Mei 2009 kepada para pemegang saham yang berdaftar dalam Daftar Ahli Syarikat semasa penutupan perniagaan pada 24 April 2009.

## RIZAB DAN PERUNTUKAN

Semua pindahan penting kepada dan daripada rizab dan peruntukan pada tahun kewangan ini ditunjukkan dalam penyata kewangan.

# LAPORAN PENGARAH

## PENGARAH

Para Pengarah yang memegang jawatan pada tempoh sejak tarikh laporan terakhir terdiri daripada:

Tan Sri Abu Talib bin Othman (Pengerusi)
Jack Marie Henry David Bowles
Tan Sri Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin *(bersara pada 17 April 2008)*
Robert James Clark *(meletak jawatan pada 17 April 2008)*
Stephen James Rush *(dilantik pada 20 Mac 2008)*
Datuk Oh Chong Peng
James Richard Suttie
Dato' Chan Choon Ngai

Menurut Artikel 97(1) dan (2) Tataurusan Pertubuhan Syarikat, Datuk Oh Chong Peng dan Jack Marie Henry David Bowles akan bersara mengikut giliran daripada Lembaga Pengarah di Mesyuarat Agung Tahunan akan datang, dan oleh kerana layak, mereka menawarkan diri untuk pemilihan semula.

Tan Sri Abu Talib bin Othman, yang telah mencapai usia tujuh puluh tahun, akan bersara menurut Seksyen 129(2) Akta Syarikat, 1965 di Mesyuarat Agung Tahunan akan datang. Lembaga Pengarah mengesyorkan supaya Tan Sri Abu Talib bin Othman dipilih semula menurut Seksyen 129(6) Akta Syarikat, 1965 untuk memegang jawatan sehingga tamat Mesyuarat Agung Tahunan berikutnya.

Menurut Artikel 103 Tataurusan Pertubuhan Syarikat, mana-mana Pengarah yang dilantik untuk mengisi kekosongan biasa dan memegang jawatan sehingga Mesyuarat Agung Tahunan selepas, akan layak untuk pemilihan semula.

## MANFAAT PENGARAH

Sepanjang dan pada akhir tahun kewangan, tidak wujud sebarang pengaturan yang mana Syarikat merupakan satu pihak, iaitu pengaturan dengan tujuan atau tujuan-tujuan bagi membolehkan para Pengarah Syarikat mendapat ganjaran melalui pengambilan saham, atau debentur Syarikat atau mana-mana badan korporat lain menurut peruntukan di bawah Akta Syarikat, 1965 selain daripada yang mungkin wujud daripada pelan pampasan berdasarkan saham penyelesaian ekuiti yang ditawar oleh British American Tobacco p.l.c. (British American Tobacco p.l.c. dianggap sebagai syarikat induk muktamad) seperti yang dibentangkan dalam Nota 28 kepada penyata kewangan.

Sejak akhir tahun kewangan lepas, tiada Pengarah yang menerima atau layak untuk menerima sebarang ganjaran (selain daripada ganjaran yang dinyatakan dalam Nota 4 kepada penyata kewangan) disebabkan oleh kontrak yang dibuat oleh Syarikat atau syarikat yang berkaitan dengan Pengarah tersebut atau dengan firma yang mana Pengarah berkenaan merupakan ahlinya, atau dengan syarikat di mana Pengarah mempunyai kepentingan kewangan yang besar, selain daripada urus niaga yang dijalankan berdasarkan urusan perniagaan biasa seperti yang didedahkan dalam Nota 25 kepada penyata kewangan.

## KEAHLIAN JAWATANKUASA IMBUHAN

Majoriti ahli Jawatankuasa Imbuhan adalah Pengarah Bukan Eksekutif dan ahli Jawatankuasa Imbuhan pada 31 Disember 2008 terdiri daripada:

Tan Sri Abu Talib bin Othman (Pengerusi, Pengarah Bukan Eksekutif Bebas)
Tan Sri Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin (Pengarah Bukan Eksekutif Bebas) *(bersara pada 17 April 2008)*
Datuk Oh Chong Peng (Pengarah Bukan Eksekutif Bebas)
James Richard Suttie (Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas)
Jack Marie Henry David Bowles (Pengarah Eksekutif Bukan Bebas)

## KEPENTINGAN PENGARAH DALAM SAHAM

Menurut Daftar Pegangan Saham Pengarah, butir kepentingan Pengarah yang memegang jawatan pada akhir tahun kewangan dalam saham dan opsyen saham dalam Syarikat dan syarikat-syarikat berkaitan dengannya adalah seperti berikut:

| Syarikat | Bilangan saham biasa bernilai 50 sen sesaham dalam Syarikat | | | |
|---|---|---|---|---|
| | Pada 1.1.08 | Dibeli | Dijual | Pada 31.12.08 |
| **Pegangan saham atas nama Pengarah:** | | | | |
| Tan Sri Abu Talib bin Othman | 81,000 | — | — | 81,000 |
| Datuk Oh Chong Peng | 1,000 | — | — | 1,000 |
| James Richard Suttie | 1,500 | — | — | 1,500 |
| Dato' Chan Choon Ngai | 1,000 | — | — | 1,000 |
| **Pegangan saham di mana Pengarah dianggap mempunyai kepentingan:** | | | | |
| James Richard Suttie | 3,000 | — | — | 3,000 |
| Dato' Chan Choon Ngai | 6,000 | — | — | 6,000 |

| Syarikat induk muktamad – British American Tobacco p.l.c. | Bilangan saham biasa bernilai 25p sesaham dalam British American Tobacco p.l.c. | | | |
|---|---|---|---|---|
| | Pada 1.1.08/ Tarikh pelantikan | Dibeli/ Diberi | Dijual | Pada 31.12.08 |
| **Pegangan saham atas nama Pengarah:** | | | | |
| James Richard Suttie | 7,154 | — | — | 7,154 |
| Dato' Chan Choon Ngai | 23,483 | 2,101 | 2,101 | 23,483 |
| Stephen James Rush | — | 4,540 | 2,254 | 2,286 |
| Jack Marie Henry David Bowles | — | 4,422 | — | 4,422 |
| **Pegangan saham di mana Pengarah dianggap mempunyai kepentingan:** | | | | |
| James Richard Suttie | 7,073 | — | — | 7,073 |

| Syarikat induk muktamad – British American Tobacco p.l.c. | Bilangan saham biasa bernilai 25p sesaham dalam British American Tobacco p.l.c. | | | |
|---|---|---|---|---|
| | Pada 1.1.08/ Tarikh pelantikan | Diberi | Diletakhak | Pada 31.12.08 |
| **Skim Bonus Saham Tertunda & Skim Ganjaran Saha Antarabangsa:** | | | | |
| **Pegangan saham atas nama Pengarah:** | | | | |
| Dato' Chan Choon Ngai | 5,585 | 1,346 | 2,101 | 4,830 |
| Stephen James Rush | 7,112 | 1,592 | 2,396 | 6,308 |
| Jack Marie Henry David Bowles | 11,557 | 2,932 | 4,422 | 10,067 |

# LAPORAN PENGARAH

## KEPENTINGAN PENGARAH DALAM SAHAM (sambungan)

| Syarikat induk muktamad – British American Tobacco p.l.c. | Bilangan opsyen dalam saham biasa bernilai 25p sesaham dalam British American Tobacco p.l.c. | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | Pada 1.1.08/ Tarikh pelantikan | Diberi | Dilaksana | Luput | Pada 31.12.08 |
| **Pegangan saham atas nama Pengarah, Harga Pelaksanaan & Tarikh Tamat:** | | | | | |
| Dato' Chan Choon Ngai | | | | | |
| £5.98 (19 Mac 2013) | 7,392 | — | — | — | 7,392 |
| £8.09 (17 Mac 2014) | 5,163 | — | — | — | 5,163 |
| Tiada (17 Mei 2015) | 6,857 | — | — | — | 6,857 |
| Tiada (15 Mac 2016) | 5,418 | — | — | — | 5,418 |
| Tiada (13 Mac 2017) | 5,178 | — | — | — | 5,178 |
| Tiada (13 Mac 2018) | — | 4,811 | — | — | 4,811 |
| Stephen James Rush | | | | | |
| £5.98 (19 Mac 2013) | 6,020 | — | — | — | 6,020 |
| £8.09 (17 Mac 2014) | 4,630 | — | 4,630 | — | — |
| Tiada (15 Mac 2016) | 1,664 | — | — | — | 1,664 |
| Tiada (13 Mac 2017) | 1,673 | — | — | — | 1,673 |
| Tiada (13 Mac 2018) | 2,145 | 5,478 | 2,145 | — | 5,478 |
| Jack Marie Henry David Bowles | | | | | |
| Tiada (17 Mac 2014) | 15,150 | — | — | — | 15,150 |
| Tiada (17 Mei 2015) | 12,910 | — | — | — | 12,910 |
| Tiada (15 Mac 2016) | 9,922 | — | — | — | 9,922 |
| Tiada (13 Mac 2017) | 9,618 | — | — | — | 9,618 |
| Tiada (13 Mac 2018) | — | 10,167 | — | — | 10,167 |

Sebahagian saham dan opsyen dalam syarikat induk muktamad yang dipegang oleh para Pengarah wujud berikutan penyertaan para Pengarah dalam skim saham pekerja yang ditawarkan oleh British American Tobacco p.l.c. (British American Tobacco p.l.c. secara tidak langsung melalui British American Tobacco Holdings (Malaysia) B.V., memiliki lima puluh peratus (50%) kepentingan ekuiti dalam Syarikat dan dianggap sebagai syarikat induk muktamad Syarikat). Butir lanjut tentang skim saham pekerja yang ditawarkan oleh British American Tobacco p.l.c. terkandung dalam Nota 28 kepada penyata kewangan.

## MAKLUMAT BERKANUN MENGENAI PENYATA KEWANGAN

Sebelum penyata kewangan dan kunci kira-kira disediakan, para Pengarah telah mengambil langkah sewajarnya:

a) untuk memastikan bahawa tindakan yang sesuai telah diambil berhubung dengan menghapus kira hutang lapuk dan menyediakan peruntukan bagi hutang ragu dan mereka berpuas hati bahawa semua hutang lapuk yang diketahui telah dihapus kira serta peruntukan yang secukupnya telah dibuat untuk hutang ragu; dan

b) untuk memastikan bahawa sebarang aset semasa, selain daripada hutang yang mungkin tidak dapat direalisasi dalam urusan biasa perniagaan yang nilainya ditunjukkan dalam rekod perakaunan Kumpulan dan Syarikat telah diturunkan kepada amaun yang dijangka boleh direalisasi.

## MAKLUMAT BERKANUN MENGENAI PENYATA KEWANGAN (sambungan)

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak menyedari sebarang keadaan:

a) yang boleh menyebabkan jumlah yang dihapus kira bagi hutang lapuk dan jumlah peruntukan bagi hutang ragu di dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat tidak mencukupi dengan ketara; atau
b) yang boleh menyebabkan nilai aset semasa dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat mengelirukan; atau
c) yang timbul dan boleh menyebabkan pematuhan terhadap kaedah semasa penilaian aset atau liabiliti Kumpulan dan Syarikat mengelirukan atau tidak sesuai.

Tiada liabiliti luarjangka atau liabiliti lain yang berkuat kuasa atau berkemungkinan dikuatkuasakan dalam tempoh 12 bulan selepas tarikh tahun kewangan berakhir yang mana pada pendapat para Pengarah, akan atau boleh menjejaskan kemampuan Kumpulan atau Syarikat untuk memenuhi tanggungjawab mereka apabila tiba masanya.

Pada tarikh laporan ini, tidak wujud:

a) sebarang cagaran ke atas aset Kumpulan atau Syarikat yang timbul sejak berakhirnya tahun kewangan ini yang menjamin liabiliti mana-mana pihak lain; atau
b) sebarang liabiliti luarjangka Kumpulan yang timbul sejak akhir tahun kewangan ini.

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak mengetahui sebarang keadaan yang tidak diliputi di dalam laporan atau penyata kewangan ini boleh menyebabkan sebarang amaun yang dinyatakan dalam penyata kewangan mengelirukan.

Pada pendapat para Pengarah:

a) keputusan operasi Kumpulan dan Syarikat sepanjang tahun kewangan tidak terjejas dengan ketara oleh sebarang perkara, urus niaga atau peristiwa penting dan luar biasa; dan
b) sepanjang tempoh antara akhir tahun kewangan dan tarikh laporan ini, tidak timbul sebarang perkara, urus niaga atau peristiwa penting dan luar biasa yang berkemungkinan boleh menjejaskan dengan ketara keputusan operasi Kumpulan atau Syarikat bagi tahun kewangan laporan ini dibuat.

## SYARIKAT INDUK MUKTAMAD

Para Pengarah menganggap British American Tobacco p.l.c., yang diperbadankan di England dan Wales, sebagai syarikat induk muktamad bagi Syarikat.

## JURUAUDIT

Juuruaudit, PricewaterhouseCoopers, telah menyatakan kesediaan mereka untuk meneruskan perkhidmatan.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah menurut resolusi bertarikh 19 Februari 2009.

**Jack Marie Henry David Bowles**
*Pengarah Urusan*

**Stephen James Rush**
*Pengarah Kewangan*

Petaling Jaya

# PERNYATAAN OLEH PENGARAH
## MENURUT SEKSYEN 169(15) AKTA SYARIKAT, 1965

Kami, JACK MARIE HENRY DAVID BOWLES dan STEPHEN JAMES RUSH, dua orang daripada Pengarah British American Tobacco (Malaysia) Berhad, menyatakan bahawa, pada pendapat para Pengarah, penyata kewangan yang dibentangkan di muka surat 117 hingga 166 disediakan untuk memberi pandangan yang benar dan saksama berhubung kedudukan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Disember 2008 dan keputusan dan aliran tunai Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan yang berakhir pada tarikh tersebut adalah menurut Piawaian Laporan Kewangan, Piawaian Perakaunan Yang Diluluskan MASB di Malaysia bagi Entiti Selain daripada Entiti Swasta dan peruntukan Akta Syarikat, 1965.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah menurut resolusi bertarikh 19 Februari 2009.

**Jack Marie Henry David Bowles**
*Pengarah Urusan*

**Stephen James Rush**
*Pengarah Kewangan*

# AKUAN BERKANUN
## MENURUT SEKSYEN 69(16) AKTA SYARIKAT, 1965

Saya, STEPHEN JAMES RUSH, Pengarah yang terutamanya bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan British American Tobacco (Malaysia) Berhad, dengan sesungguhnya dan seikhlasnya mengaku bahawa penyata kewangan yang dibentangkan di muka surat 117 hingga 166 adalah, pada pendapat saya, betul, dan saya membuat pengakuan ini dengan penuh kepercayaan bahawa ia adalah benar, dan disediakan menurut peruntukan Akta Akuan Berkanun, 1960.

**Stephen James Rush**
*Pengarah Kewangan*

Ditandatangani dan diakui oleh penama di atas Stephen James Rush di Petaling Jaya dalam negeri Selangor pada 19 Februari 2009.

Di hadapan saya:

PESURUHJAYA SUMPAH
NO. B 158
SOONG FOONG CHEE
MALAYSIA

**Soong Foong Chee**
*Pesuruhjaya Sumpah*
Petaling Jaya

# LAPORAN JURUAUDIT BEBAS

## KEPADA AHLI-AHLI BRITISH AMERICAN TOBACCO (MALAYSIA) BERHAD
## (Diperbadankan Di Malaysia)
## (No. Syarikat 4372-M)

LAPORAN MENGENAI PENYATA KEWANGAN

Kami telah mengaudit penyata kewangan British American Tobacco (Malaysia) Berhad yang mengandungi kunci kira-kira Kumpulan dan Syarikat pada 31 Disember 2008, penyata pendapatan, penyata perubahan ekuiti dan penyata aliran tunai Kumpulan dan Syarikat untuk tahun berakhir pada tarikh tersebut, dan ringkasan dasar perakaunan yang penting dan nota-nota lain, seperti yang dibentangkan pada muka surat 117 hingga 166.

Tanggungjawab Pengarah kepada Penyata Kewangan

Para pengarah syarikat adalah bertanggungjawab di dalam penyediaan dan pembentangan yang saksama penyata kewangan menurut (Piawaian Pelaporan Kewangan di Malaysia/Piawaian Perakaunan diluluskan MASB di Malaysia untuk Entiti-entiti Selain Daripada Entiti-entiti Persendirian) dan Akta Syarikat 1965. Tanggungjawab ini termasuk; merangka, melaksana dan memastikan kawalan dalaman yang bersesuaian dalam penyediaan dan pembentangan penyata kewangan yang saksama yang bebas daripada kenyataan-kenyataan salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan; memilih dan menggunapakai dasar perakaunan yang bersesuaian; dan dalam keadaan tertentu membuat anggaran perakaunan yang munasabah.

Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab kami adalah untuk menyatakan pendapat ke atas penyata kewangan berdasarkan audit kami. Kami telah melaksanakan audit kami menurut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian-piawaian tersebut memerlukan kami mematuhi tuntutan etika dan merancang dan melaksanakan audit untuk memperoleh keyakinan yang munasabah mengenai sama ada penyata kewangan tersebut bebas daripada kenyataan-kenyataan salah nyata yang ketara.

Sesuatu audit melibatkan prosedur untuk memperoleh bukti audit mengenai amaun dan pendedahan di dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung kepada pertimbangan kami, termasuk penilaian risiko kenyataan-kenyataan salah nyata yang ketara pada penyata kewangan, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko, kami mengambilkira kawalan dalaman yang bersesuaian untuk Syarikat dalam penyediaan dan pembentangan penyata kewangan yang saksama untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman pihak Syarikat. Sesuatu audit juga termasuk penilaian kesesuaian prinsip-prinsip perakaunan yang digunapakai dan kemunasabahan anggaran-anggaran perakaunan penting yang dibuat oleh para pengarah, serta penilaian pembentangan penyata kewangan secara keseluruhan.

Kami percaya bahawa bukti audit yang kami peroleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk memberi asas yang munasabah untuk pendapat kami.

Pendapat

Pada pendapat kami, penyata kewangan tersebut telah disediakan selaras dengan (Piawaian Pelaporan Kewangan di Malaysia/ Piawaian Perakaunan diluluskan MASB di Malaysia untuk Entiti-entiti Selain Daripada Entiti-entiti Persendirian) dan Akta Syarikat 1965 untuk memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Disember 2008 dan prestasi kewangan dan aliran tunai untuk tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut.

# LAPORAN JURUAUDIT BEBAS
## KEPADA AHLI-AHLI BRITISH AMERICAN TOBACCO (MALAYSIA) BERHAD
## (Diperbadankan Di Malaysia)
## (No. Syarikat 4372-M)

LAPORAN MENGENAI LAIN-LAIN KEPERLUAN PERUNDANGAN DAN BADAN PENGAWASAN

Menurut keperluan dalam Akta Syarikat 1965 di Malaysia, kami juga melaporkan yang berikut:

(a) Pada pendapat kami, rekod perakaunan dan rekod-rekod lain, serta daftar-daftar yang wajib disimpan di bawah Akta oleh Syarikat dan subsidiari-subsidiarinya, yang mana kami bertindak sebagai juruaudit telah disimpan dengan sempurna selaras dengan peruntukan-peruntukan Akta tersebut.

(b) Kami telah mempertimbangkan penyata kewangan dan laporan juruaudit subsidiari-subsidiari yang tidak diaudit oleh kami seperti yang dinyatakan dalam Nota 13 dalam penyata kewangan.

(c) Kami berpuas hati bahawa penyata kewangan subsidiari-subsidiari yang telah disatukan dengan penyata kewangan Syarikat adalah dalam bentuk dan kandungan yang bersesuaian dan teratur untuk tujuan penyediaan penyata kewangan Kumpulan, dan kami telah menerima maklumat yang memuaskan dan keterangan-keterangan yang diperlukan untuk tujuan tersebut.

(d) Laporan-laporan juruaudit ke atas penyata kewangan subsidiari-subsidiari yang telah disatukan tidak mengandungi sebarang pengecualian atau teguran di bawah Seksyen 174(3) Akta tersebut.

LAIN-LAIN HAL

Laporan ini disediakan khas untuk pemegang-pemegang saham Syarikat, sebagai satu badan, selaras dengan peruntukan Seksyen 174 Akta Syarikat 1965 di Malaysia dan bukan untuk sebarang tujuan yang lain. Kami tidak akan bertanggungjawab kepada lain-lain pihak untuk kandungan laporan ini.

**PricewaterhouseCoopers**
(No. AF: 1146)
*Akauntan Bertauliah*

**Jayarajan A/L Rathinasamy**
(2095/06/10(J))
*Akauntan Berkanun Bertauliah*

Kuala Lumpur
19 Februari 2009

*Ini adalah terjemahan Bahasa Malaysia untuk penyata kewangan British American Tobacco (Malaysia) Berhad yang telah diaudit, yang pada asalnya telah disediakan dalam Bahasa Inggeris. Terjemahan ini telah dibuat untuk membolehkan ahli-ahli British American Tobacco (Malaysia) Berhad yang fasih dalam Bahasa Malaysia untuk memahami sepenuhnya penyata kewangan berkenaan. Para pembaca dinasihatkan supaya merujuk kepada versi Bahasa Inggeris untuk penyata kewangan dan pendapat juruaudit yang telah disahkan.*

# PENYATA PENDAPATAN
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008

| | | Kumpulan | | Syarikat | |
|---|---|---|---|---|---|
| | Nota | Tahun berakhir 31.12.08 RM'000 | Tahun berakhir 31.12.07 RM'000 | Tahun berakhir 31.12.08 RM'000 | Tahun berakhir 31.12.07 RM'000 |
| Hasil | 2 | **4,135,220** | 3,830,869 | **832,650** | 1,030,092 |
| Kos jualan | | **(2,465,472)** | (2,262,781) | **—** | — |
| Keuntungan kasar | | **1,669,748** | 1,568,088 | **832,650** | 1,030,092 |
| Pendapatan operasi lain | | **12,915** | 10,766 | **937** | 358 |
| Kos pengedaran dan pemasaran | | **(400,212)** | (361,986) | **—** | — |
| Perbelanjaan pentadbiran | | **(144,015)** | (138,357) | **(10,971)** | (22,506) |
| Perbelanjaan operasi lain | | **(29,139)** | (29,095) | **(1,611)** | (11,350) |
| Keuntungan daripada operasi | 3 | **1,109,297** | 1,049,416 | **821,005** | 996,594 |
| Kos kewangan | | **(28,131)** | (46,515) | **(28,048)** | (46,515) |
| Keuntungan sebelum cukai | | **1,081,166** | 1,002,901 | **792,957** | 950,079 |
| Perbelanjaan cukai | 6 | **(269,483)** | (270,970) | **(44,076)** | (256,580) |
| Keuntungan bagi tahun kewangan | | **811,683** | 731,931 | **748,881** | 693,499 |
| Pendapatan sesaham (sen) | 7 | **284.3** | 256.3 | **—** | — |
| Dividen bersih sesaham (sen) | 8 | **265.0** | 256.5 | **265.0** | 256.5 |

*Dasar perakaunan di muka surat 123 hingga 129 serta nota di muka surat 130 hingga 166 adalah sebahagian penting penyata kewangan ini.*

# KUNCI KIRA-KIRA
## pada 31 DISEMBER 2008

| | | Kumpulan | | Syarikat | |
|---|---|---|---|---|---|
| | Nota | 2008<br>RM'000 | 2007<br>RM'000 | 2008<br>RM'000 | 2007<br>RM'000 |
| **Aset bukan semasa** | | | | | |
| Hartanah, loji dan peralatan | 9 | **438,624** | 439,959 | **24,297** | 25,403 |
| Tanah pegangan pajakan | 10 | **20,455** | 20,826 | **1,109** | 1,132 |
| Perisian komputer | 11 | **15,232** | 21,091 | **15,086** | 21,091 |
| Muhibah | 12 | **411,618** | 411,618 | **—** | — |
| Subsidiari | 13 | **—** | — | **1,022,889** | 1,022,889 |
| Aset cukai tertunda | 14 | **4,978** | 4,978 | **4,978** | 4,978 |
| | | **890,907** | 898,472 | **1,068,359** | 1,075,493 |
| **Aset semasa** | | | | | |
| Aset dipegang untuk jualan | 15 | **20,638** | 20,638 | **—** | — |
| Inventori | 16 | **224,958** | 243,988 | **—** | — |
| Akaun belum terima | 17 | **257,818** | 186,490 | **283,944** | 289,465 |
| Cukai boleh dikutip semula | | **33,604** | 26,754 | **33,604** | 26,754 |
| Deposit, tunai dan baki bank | 18 | **59,387** | 70,666 | **1,129** | 1,619 |
| | | **596,405** | 548,536 | **318,677** | 317,838 |
| **Liabiliti semasa** | | | | | |
| Akaun akan dibayar | 19 | **285,737** | 231,036 | **406,003** | 310,250 |
| Pinjaman | 20 | **250,000** | 100,000 | **250,000** | 100,000 |
| Liabiliti cukai semasa | | **96,512** | 56,493 | **—** | — |
| | | **632,249** | 387,529 | **656,003** | 410,250 |
| **(Liabiliti)/aset semasa bersih** | | **(35,844)** | 161,007 | **(337,326)** | (92,412) |
| | | **855,063** | 1,059,479 | **731,033** | 983,081 |
| **Modal dan rizab** | | | | | |
| Modal saham | 21 | **142,765** | 142,765 | **142,765** | 142,765 |
| Pendapatan tertahan | | **264,009** | 203,147 | **188,205** | 190,268 |
| **Dana pemegang saham** | | **406,774** | 345,912 | **330,970** | 333,033 |
| **Liabiliti bukan semasa** | | | | | |
| Pinjaman | 20 | **400,000** | 650,000 | **400,000** | 650,000 |
| Obligasi manfaat selepas perkhidmatan | 22 | **5,002** | 4,982 | **63** | 48 |
| Liabiliti cukai tertunda | 14 | **43,287** | 58,585 | **—** | — |
| | | **855,063** | 1,059,479 | **731,033** | 983,081 |

*Dasar perakaunan di muka surat 123 hingga 129 serta nota di muka surat 130 hingga 166 adalah sebahagian penting penyata kewangan ini.*

# PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI DISATUKAN
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008

| | | Saham biasa diterbit dan dibayar penuh bernilai 50 sen sesaham | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | **Nota** | **Bilangan saham '000** | **Nilai saham RM'000** | **Pendapatan tertahan RM'000** | **Jumlah RM'000** |
| Pada 1 Januari 2008 | | **285,530** | **142,765** | **203,147** | **345,912** |
| Keuntungan bagi tahun kewangan | | — | — | **811,683** | **811,683** |
| Cukai tertunda atas tanah dan bangunan dinilai semula | 14 | — | — | **123** | **123** |
| Dividen bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2007 | | | | | |
| – akhir | 8 | — | — | **(31,694)** | **(31,694)** |
| – akhir, dikecualikan cukai | 8 | — | — | **(179,598)** | **(179,598)** |
| Dividen bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2008 | | | | | |
| – interim pertama | 8 | — | — | **(322,649)** | **(322,649)** |
| – interim kedua | 8 | — | — | **(217,003)** | **(217,003)** |
| Pada 31 Disember 2008 | | **285,530** | **142,765** | **264,009** | **406,774** |
| Pada 1 Januari 2007 | | 285,530 | 142,765 | 409,059 | 551,824 |
| Keuntungan bagi tahun kewangan | | — | — | 731,931 | 731,931 |
| Cukai tertunda atas tanah dan bangunan dinilai semula | 14 | — | — | 123 | 123 |
| Dividen bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2006 | | | | | |
| – khas | | — | — | (62,531) | (62,531) |
| – akhir | | — | — | (354,343) | (354,343) |
| Dividen bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2007 | | | | | |
| – interim pertama | 8 | — | — | (312,655) | (312,655) |
| – interim kedua | 8 | — | — | (208,437) | (208,437) |
| Pada 31 Disember 2007 | | 285,530 | 142,765 | 203,147 | 345,912 |

*Dasar perakaunan di muka surat 123 hingga 129 serta nota di muka surat 130 hingga 166 adalah sebahagian penting penyata kewangan ini.*

# PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI SYARIKAT
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008

| | | Saham biasa diterbit dan dibayar penuh bernilai 50 sen sesaham | | Boleh diagih | |
|---|---|---|---|---|---|
| | Nota | Bilangan saham '000 | Nilai nominal RM'000 | Pendapatan tertahan RM'000 | Jumlah RM'000 |
| **Pada 1 Januari 2008** | | **285,530** | **142,765** | **190,268** | **333,033** |
| Keuntungan bagi tahun kewangan | | — | — | **748,881** | **748,881** |
| Dividen bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2007 | | | | | |
| – akhir | 8 | — | — | **(31,694)** | **(31,694)** |
| – akhir, dikecualikan cukai | 8 | — | — | **(179,598)** | **(179,598)** |
| Dividen bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2008 | | | | | |
| – interim pertama | 8 | — | — | **(322,649)** | **(322,649)** |
| – interim kedua | 8 | — | — | **(217,003)** | **(217,003)** |
| Pada 31 Disember 2008 | | **285,530** | **142,765** | **188,205** | **330,970** |
| Pada 1 Januari 2007 | | 285,530 | 142,765 | 434,735 | 577,500 |
| Keuntungan bagi tahun kewangan | | — | — | 693,499 | 693,499 |
| Dividen bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2006 | | | | | |
| – khas | | — | — | (62,531) | (62,531) |
| – akhir | | — | — | (354,343) | (354,343) |
| Dividen bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2007 | | | | | |
| – interim pertama | 8 | — | — | (312,655) | (312,655) |
| – interim kedua | 8 | — | — | (208,437) | (208,437) |
| Pada 31 Disember 2007 | | 285,530 | 142,765 | 190,268 | 333,033 |

*Dasar perakaunan di muka surat 123 hingga 129 serta nota di muka surat 130 hingga 166 adalah sebahagian penting penyata kewangan ini.*

# PENYATA ALIRAN TUNAI
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008

| | | Kumpulan | | Syarikat | |
|---|---|---|---|---|---|
| | Nota | Tahun berakhir 31.12.08 RM'000 | Tahun berakhir 31.12.07 RM'000 | Tahun berakhir 31.12.08 RM'000 | Tahun berakhir 31.12.07 RM'000 |
| **Aktiviti operasi** | | | | | |
| Tunai diterima daripada pelanggan | | **4,071,077** | 3,794,460 | **6,035** | 3,444 |
| Tunai dibayar kepada pembekal dan kakitangan | | **(2,864,838)** | (2,656,406) | **—** | — |
| Tunai daripada operasi | 23 | **1,206,239** | 1,138,054 | **6,035** | 3,444 |
| Cukai pendapatan (dibayar)/dikembalikan | | **(251,489)** | (300,723) | **—** | 13,620 |
| Aliran tunai bersih daripada aktiviti operasi | | **954,750** | 837,331 | **6,035** | 17,064 |
| **Aktiviti pelaburan** | | | | | |
| Hartanah, loji dan pelaburan | | | | | |
| – tambahan | | **(101,536)** | (55,163) | **(7,295)** | (9,243) |
| – penjualan | | **9,132** | 37,982 | **1,795** | 490 |
| Perisian komputer | | | | | |
| – tambahan | | **(2,172)** | (11,508) | **(2,026)** | (11,508) |
| – penjualan | | **3** | — | **3** | — |
| Pendapatan faedah diterima | | **7,619** | 10,702 | **79** | 182 |
| Dividen diterima daripada subsidiari | | **—** | — | **752,083** | 963,963 |
| Bayaran balik daripada/(pendahuluan kepada) subsidiari | | **—** | — | **127,828** | (23,659) |
| Aliran tunai bersih (digunakan dalam)/daripada aktiviti pelaburan | | **(86,954)** | (17,987) | **872,467** | 920,225 |
| **Aktiviti kewangan** | | | | | |
| Dividen dibayar kepada pemegang saham | | **(750,944)** | (937,966) | **(750,944)** | (937,966) |
| Bayaran balik kertas komersial | | **(100,000)** | (450,000) | **(100,000)** | (450,000) |
| Kutipan daripada terbitan nota jangka sederhana | | **—** | 400,000 | **—** | 400,000 |
| Kutipan daripada terbitan kertas komersial | | **—** | 100,000 | **—** | 100,000 |
| Perbelanjaan faedah dibayar | | **(28,131)** | (48,001) | **(28,048)** | (48,001) |
| Aliran tunai bersih digunakan dalam aktiviti kewangan | | **(879,075)** | (935,967) | **(878,992)** | (935,967) |
| **(Kurangan)/tambahan dalam tunai dan bersamaan tunai** | | **(11,279)** | (116,623) | **(490)** | 1,322 |
| **Tunai dan bersamaan tunai pada 1 Januari** | | **70,666** | 187,289 | **1,619** | 297 |
| **Tunai dan bersamaan tunai pada 31 Disember** | 18 | **59,387** | 70,666 | **1,129** | 1,619 |

*Dasar perakaunan di muka surat 123 hingga 129 serta nota di muka surat 130 hingga 166 adalah sebahagian penting penyata kewangan ini.*

# RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008


| INDEKS | | MUKA SURAT |
|---|---|---|
| A. | Asas penyediaan | 123 |
| B. | Perubahan dasar perakaunan | 123 – 124 |
| C. | Pengiktirafan hasil | 124 |
| D. | Hartanah, loji dan peralatan | 125 |
| E. | Pajakan | 125 – 126 |
| F. | Aset dipegang untuk jualan | 126 |
| G. | Aset tidak ketara | 126 |
| H. | Pelaburan | 126 |
| I. | Inventori | 127 |
| J. | Perdagangan akan diterima | 127 |
| K. | Tunai dan bersamaan tunai | 127 |
| L. | Manfaat kakitangan | 127 – 128 |
| M. | Perbelanjaan cukai | 128 |
| N. | Matawang asing | 128 – 129 |
| O. | Instrumen kewangan | 129 |
| P. | Pinjaman | 129 |

## A. ASAS PENYEDIAAN

Penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat disediakan mengikut peruntukan Akta Syarikat, 1965 dan Piawaian Laporan Kewangan, Piawaian Perakaunan Diluluskan MASB di Malaysia bagi Entiti Selain daripada Entiti Swasta.

Penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat telah disediakan di bawah konvensyen kos sejarah, kecuali dinyatakan sebaliknya dalam ringkasan dasar perakaunan penting.

Penyediaan penyata kewangan adalah bersesuaian dengan peruntukan Akta Syarikat, 1965 dan Piawaian Laporan Kewangan, Piawaian Perakaunan Diluluskan MASB di Malaysia bagi Entiti Selain Daripada Entiti Swasta yang memerlukan penggunaan anggaran dan andaian perakaunan tertentu yang kritikal dan memberi kesan terhadap amaun aset dan liabiliti yang dilaporkan serta pendedahan aset dan liabiliti bersyarat pada tarikh penyata kewangan serta amaun hasil dan perbelanjaan yang dilaporkan sepanjang tahun kewangan. Sungguhpun anggaran dan pertimbangan ini adalah berdasarkan pengetahuan terbaik para Pengarah berhubung peristiwa dan tindakan semasa, keputusan sebenar mungkin berbeza.

### ASAS PENYATUAN

Penyata kewangan yang disatukan meliputi penyata kewangan Syarikat dan semua subsidiarinya yang disediakan sehingga akhir tahun kewangan. Subsidiari merangkumi syarikat-syarikat yang mana Kumpulan mempunyai kuasa untuk mengawal dasar kewangan serta operasi bertujuan mendapatkan faedah daripada aktiviti mereka.

Subsidiari disatukan bermula dari tarikh kawalan dipindahkan kepada Kumpulan dan tidak lagi disatukan dari tarikh kawalan tersebut tamat. Subsidiari disatu menggunakan kaedah perakaunan pembelian.

Kos pengambilalihan sesebuah pengambilalihan diukur mengikut nilai saksama aset yang diberikan, instrumen ekuiti yang diterbitkan serta liabiliti yang terlibat atau tertanggung pada tarikh pertukaran. Lebihan kos pengambilalihan berbanding nilai saksama bahagian aset bersih yang boleh dikenal pasti dimiliki oleh Kumpulan pada tarikh pengambilalihan, ditunjukkan sebagai muhibah. Jika kos pengambilalihan adalah kurang daripada nilai saksama aset bersih subsidiari yang dimiliki, perbezaannya diiktiraf terus dalam penyata pendapatan.

Urus niaga dalam kumpulan, baki dan keuntungan tidak direalisasi daripada urus niaga antara syarikat Kumpulan dihapuskan. Kerugian tidak direalisasi juga dihapuskan tetapi dianggap sebagai petunjuk kemerosotan nilai aset yang dipindahkan. Jika sesuai, dasar perakaunan subsidiari diubah bagi memastikan keseragaman dengan dasar yang digunapakai oleh Kumpulan.

## B. PERUBAHAN DASAR PERAKAUNAN

(i) Piawaian perakaunan baru/disemak dan pindaan kepada piawaian yang diterbitkan berkuat kuasa dan digunapakai bagi tahun kewangan Kumpulan dan Syarikat bermula 1 Januari 2008 adalah seperti berikut:

- FRS 112 Cukai Pendapatan
- FRS 118 Hasil
- FRS 137 Peruntukan, Liabiliti Luarjangka dan Aset Luarjangka
- Pindaan kepada FRS 121 Kesan Perubahan Kesan Tukaran Matawang Asing
- Interpretasi IC 8 Skop FRS 2

Tidak ada kesan ketara terhadap penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat daripada penggunaan piawaian baru/disemak di atas dan pindaan kepada piawaian di atas.

# RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008

**B. PERUBAHAN DALAM DASAR PERAKAUNAN (sambungan)**

(i) Piawaian baru/disemak, pindaan kepada piawaian yang diterbitkan dan interpretasi kepada piawaian yang diterbitkan dan telah dikeluarkan oleh MASB tetapi masih belum berkuat kuasa, adalah seperti berikut:

(a) FRS 8 Segmen Operasi (berkuat kuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Julai 2009). FRS 8 menggantikan FRS 114[2004] Laporan Segmen. Piawaian baru ini memerlukan satu 'pendekatan pengurusan', di mana maklumat segmen dibentangkan pada asas yang sama seperti yang digunakan bagi tujuan laporan dalaman. Kumpulan akan menggunakan piawaian ini dari tempoh kewangan bermula pada 1 Januari 2010.

(b) Interpretasi 9 IC Penaksiran Semula Derivatif Ditetapkan (berkuat kuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2010). Interpretasi 9 IC memerlukan sesebuah entiti menaksir sama ada derivatif yang ditetapkan perlu diasingkan daripada kontrak utama dan diambilkira sebagai derivatif apabila entiti tersebut mula menjadi salah satu pihak daripada kontrak. Taksiran semula berikutnya tidak dibenarkan kecuali terdapat perubahan dalam terma kontrak yang mengubahsuai dengan ketara aliran tunai yang sebaliknya mungkin diperlukan di bawah kontrak tersebut, yang mana pada masa itu taksiran semula diperlukan. Kumpulan akan menggunakan piawaian ini dari tempoh kewangan bermula pada 1 Januari 2010.

(c) Interpretasi 10 IC Laporan Kewangan Interim dan Kemerosotan Nilai (berkuat kuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2010). Interpretasi 10 IC tidak membenarkan kerugian kemerosotan nilai diiktiraf dalam suatu tempoh interim ke atas muhibah dan pelaburan dalam instrumen ekuiti dan aset kewangan dibawa pada kos pada tarikh kunci kira-kira berikutnya. Kumpulan akan menggunakan piawaian ini dari tempoh kewangan bermula pada 1 Januari 2010.

(d) FRS 139 Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran (berkuat kuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2010). Piawaian baru ini menggariskan prinsip bagi pengiktirafan dan pengukuran aset kewangan, liabiliti kewangan dan sesetengah kontrak untuk membeli dan menjual butiran bukan kewangan. Perakaunan lindung nilai dibenarkan hanya di bawah keadaan yang ketat. Kumpulan akan menggunakan piawaian ini dari tempoh kewangan bermula dari 1 Januari 2010. Seperti yang dibenarkan di bawah peruntukan peralihan FRS 139, Kumpulan dikecualikan daripada perlu mendedahkan kesan kemungkinan daripada penggunaan piawaian ini terhadap penyata kewangan Kumpulan pada peringkat awal penggunaannya.

(e) FRS 7 Instrumen Kewangan: Pendedahan (berkuat kuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2010). Piawaian ini hanya memberi kesan terhadap tahap pendedahan dalam penyata kewangan. Justeru, tiada kesan ketara ke atas penyata kewangan dijangka apabila Kumpulan menggunakan piawaian ini. Kumpulan akan menggunakan piawaian ini dari tempoh kewangan bermula pada 1 Januari 2010.

**C. PENGIKTIRAFAN HASIL**

Hasil yang diperoleh daripada jualan produk Kumpulan diiktiraf apabila haknya diserahkan kepada pelanggan, yang secara umumnya serentak dengan penghantaran dan penerimaannya dan selepas penghapusan jualan dalam Kumpulan.

Hasil meliputi nilai barangan yang dijual dan perkhidmatan yang ditender, termasuk semua duti kerajaan dan tidak termasuk cukai jualan dan diskaun perdagangan.

Hasil lain yang diperolehi oleh Kumpulan diiktiraf pada asas berikut:

- Pendapatan faedah diiktiraf mengikut asas nisbah masa, dengan mengambilkira kadar prinsipal tertunggak dan kadar berkesan sepanjang tempoh sehingga matang, apabila ditentukan bahawa pendapatan tersebut akan terakru kepada Kumpulan.
- Pendapatan dividen diiktiraf apabila hak Kumpulan untuk menerima bayaran dividen ditentukan.
- Hasil daripada perkhidmatan yang diberi diiktiraf apabila perkhidmatan dijalankan.

## D. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

Hartanah, loji dan peralatan pada peringkat permulaan dinyatakan pada kos. Tanah milik bebas dinyatakan pada penilaian tahun 1983 dan bangunan dinyatakan pada penilaian tahun 1983 ditolak susut nilai kerana para Pengarah menggunakan peruntukan peralihan Piawaian Perakaunan Diluluskan MASB No. 16 (Disemak) Hartanah, Loji dan Peralatan. Sehubungan itu, penilaian ini tidak dikemaskini. Semua hartanah, loji dan peralatan lain dinyatakan pada kos tolak susut nilai terkumpul dan kerugian kemerosotan nilai. Kos meliputi perbelanjaan yang berkaitan secara langsung dengan pengambilalihan butiran tersebut.

Kos berikutnya dimasukkan dalam amaun bawa aset atau diiktiraf sebagai aset berasingan, mengikut kesesuaian, hanya apabila manfaat eknomi masa hadapan berkaitan dengan butiran tersebut mungkin akan mengalir masuk kepada Kumpulan dan kos butiran tersebut boleh diukur dengan meyakinkan. Semua baikpulih dan penyenggaraan dicaj kepada penyata pendapatan pada tahun kewangan ia ditanggung.

Tanah milik bebas tidak disusut nilai kerana ia mempunyai hayat tidak terhad. Susut nilai ke atas modal kerja dalam pelaksanaan bermula apabila aset sedia untuk digunakan. Susut nilai diperuntukkan kepada nilai sisanya atas semua hartanah, loji dan peralatan lain mengikut asas garis lurus sepanjang tempoh hayat bergunanya, seperti berikut:

| | | |
|---|---|---|
| Bangunan | – | 35 hingga 40 tahun |
| Jentera dan peralatan | – | 10 hingga 14 tahun |
| Perabot dan kelengkapan (termasuk peralatan pembarangan, peralatan perkakasan dan alatan sokongan komputer) | – | pelbagai tempoh tidak lebih 10 tahun |
| Kenderaan bermotor | – | 5 tahun |

Butiran bernilai kecil disusut nilai sepenuhnya pada tahun pembelian.

Pada setiap tarikh kunci kira-kira, nilai sisa dan hayat berguna aset disemak dan dilaras mengikut kesesuaian. Jika nilai sisa sesebuah aset meningkat kepada amaun yang sama atau lebih tinggi daripada amaun bawa aset tersebut, caj susut nilai aset berkenaan adalah sifar melainkan dan sehingga nilai sisanya berkurangan kepada amaun yang lebih rendah daripada amaun bawa aset berkenaan selepas itu.

Pada setiap tarikh kunci kira-kira, Kumpulan menilai sama ada terdapat sebarang tanda kemerosotan nilai. Jika terdapat tanda sedemikian, satu analisis dijalankan bagi menilai sama ada amaun bawa aset berkenaan boleh dikutip semula sepenuhnya. Penurunan nilai akan dibuat jika amaun bawa melebihi amaun boleh dikutip semula. Sebaliknya, apabila keadaan kemerosotan nilai tiada selepas mempertimbangkan tanda daripada sumber dalaman dan luaran, satu penilaian semula amaun boleh dikutip semula akan dijalankan, dan kemasukan semula diiktiraf, jika perlu.

Keuntungan dan kerugian daripada pelupusan ditentukan dengan membandingkan kutipan dengan amaun bawa dan dimasukkan dalam penyata pendapatan.

## E. PAJAKAN

Pajakan di mana sebahagian besar risiko dan ganjaran pemilikan dikekalkan dengan pemilik pajakan dikelaskan sebagai pajakan operasi. Bayaran dibuat di bawah pajakan operasi (ditolak sebarang insentif yang diterima daripada pemilik pajakan) dicaj kepada penyata pendapatan berasaskan garis lurus sepanjang tempoh pajakan.

Pajakan di mana Kumpulan memikul sebahagian besar semua risiko dan ganjaran pemilikan dikelaskan sebagai pajakan kewangan. Pajakan kewangan dipermodalkan pada permulaan pajakan pada yang lebih rendah antara nilai saksama hartanah pajakan dan nilai semasa bayaran pajakan minimum.

Tanah pegangan pajakan yang dipegang untuk kegunaan sendiri dikelaskan sebagai pajakan operasi dan bayaran pendahuluan mewakili bayaran pajakan terdahulu dikelaskan sebagai tanah Pegangan Pajakan (bukan aset semasa). Bayaran muka ini dilunaskan kepada penyata pendapatan berasaskan garis lurus sepanjang tempoh pajakan.

# RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008

**E. PAJAKAN (sambungan)**

Bangunan pegangan pajakan yang dipegang untuk kegunaan sendiri terus dikelaskan dalam hartanah, loji dan peralatan kerana ia adalah pajakan kewangan, di mana sebahagian besar risiko dan ganjaran berkaitan dengan pemilikannya dipindahkan kepada Kumpulan.

**F. ASET DIPEGANG UNTUK JUALAN**

Hartanah, loji dan peralatan yang dikelaskan sebagai aset yang dipegang untuk jualan dan dinyatakan pada nilai saksama tolak kos dijual jika amaun bawanya dijangka akan dikutip semula terutamanya melalui urus niaga jualan dan bukannya penggunaan berterusan. Aset tersebut dipegang untuk jualan tidak lagi disusut nilai kerana manfaat ekonominya tidak lagi digunakan.

Semasa penjualan sesebuah aset yang dipegang untuk jualan, perbezaan antara kutipan penjualan bersih dan amaun bawa diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian pada tempoh penjualan.

Jika terdapat perubahan dalam rancangan penjualan, aset yang dipegang untuk jualan akan dikelaskan semula sebagai hartanah, loji dan peralatan dengan jumlaah bawanya dinyatakan pada kadar lebih rendah daripada amaun bawanya sebelum aset tersebut dikelaskan sebagai dipegang untuk jualan, dilaraskan bagi sebarang susut nilai yang mungkin diiktiraf jika aset tersebut tidak dikelaskan sebagai dipegang untuk jualan dan amaun bawanya pada tarikh perubahan rancangan jualan tersebut.

**G. ASET TIDAK KETARA**

**(i) Muhibah**

Muhibah mewakili lebihan daripada kos pengambilalihan subsidiari berbanding nilai saksama bahagian Kumpulan daripada aset bersih boleh dikenalpasti pada tarikh pengambilalihan.

Amaun bawa muhibah disemak semula bagi kemerosotan nilai, setiap tahun serta lebih kerap jika peristiwa atau perubahan keadaan menunjukkan bahawa nilai bawanya mungkin merosot. Kemerosotan nilai ditentukan bagi muhibah dengan menilai amaun boleh dikutip semula unit penjanaan tunai, yang mana berkaitan dengan muhibah tersebut. Jika amaun boleh dikutip semula unit penjanaan tunai adalah kurang daripada amaun bawa unit penjanaan tunai yang diperuntukkan kepada muhibah, kerugian kemerosotan nilai diiktiraf. Kerugian kemerosotan nilai berkaitan dengan muhibah tidak boleh dibalikkan pada tempoh masa hadapan.

**(ii) Perisian Komputer**

Kos yang berkaitan secara langsung dengan produk perisian komputer yang boleh dikenal pasti dan unik dikawal oleh Kumpulan, dan berkemungkinan akan menjana manfaat ekonomi melebihi kos lebih dari satu tahun dan bukan merupakan bahagian penting hartanah, loji dan peralatan, diiktiraf sebagai aset tidak ketara. Kos ini meliputi kos kakitangan pembangunan perisian sebagai aset dilunaskan selepas produk perisian komputer siap mengikut asas garis lurus sepanjang anggaran hayat selama 3 tahun.

Kos yang berkaitan dengan penyenggaraan program perisian komputer diiktiraf sebagai perbelanjaan apabila ditanggung.

**H. PELABURAN**

Pelaburan dalam subsidiari ditunjukkan pada kos. Jika terdapat tanda kemerosotan nilai, amaun bawa pelaburan ditaksir dan diturunkan dengan segera kepada amaun boleh dikutip semula.

Semasa penjualan pelaburan, perbezaan antara kutipan bersih dan amaun bawa dicaj atau dikredit kepada penyata pendapatan.

## I. INVENTORI

Inventori dinyatakan pada yang lebih rendah antara kos dan nilai boleh realisasi bersih. Kos ditentukan terutamanya mengikut asas masuk-dahulu-keluar-dahulu dan dalam hal rokok yang telah dikilang, meliputi kos bahan, buruh dan overhed perkilangan. Nilai boleh realisasi bersih adalah anggaran harga jualan dalam urusan biasa perniagaan, tolak kos penyiapan dan perbelanjaan jualan.

## J. PERDAGANGAN AKAN DITERIMA

Perdagangan akan diterima dibawa pada amaun diinvois tolak anggaran yang dibuat bagi hutang ragu berasaskan kepada semakan amaun tertunggak pada akhir tahun. Peruntukan ditentukan apabila terdapat bukti nyata bahawa Kumpulan tidak mampu memungut semua amaun terhutang menurut terma asal penerimaan. Hutang lapuk dihapuskira apabila dikenalpasti.

Pra bayaran meliputi perbelanjaan ditanggung untuk perkhidmatan masa hadapan yang akan diberi selepas tarikh kunci kira-kira. Bayaran tersebut meliputi projek pembangunan penanaman hutan, di mana amaun dibawa pada kos dan dibelanjakan kepada penyata pendapatan bagi dipadankan dengan perkhidmatan yang diterima.

## K. TUNAI DAN BERSAMAAN TUNAI

Tunai dan bersamaan tunai meliputi tunai dalam tangan, baki dengan institusi kewangan berlesen, overdraf bank dan pelaburan jangka pendek berkecairan tinggi dengan tempoh matang asal tiga bulan atau kurang.

## L. MANFAAT KAKITANGAN

### (i) Manfaat jangka pendek

Upah, gaji, bonus dan perbelanjaan berkaitan kakitangan lain diiktiraf sebagai perbelanjaan pada tahun di mana perkhidmatan berkaitan diberi oleh kakitangan Kumpulan.

### (ii) Pelan caruman bertakrif

Caruman Kumpulan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan apabila ditanggung. Apabila caruman dibayar, Kumpulan tidak mempunyai obligasi bayaran selanjutnya.

### (iii) Pelan manfaat bertakrif

Kumpulan mengendalikan pelan manfaat bertakrif untuk kakitangan yang menyertai Kumpulan sebelum 1 Januari 2006, yang mana asetnya disimpan di dalam sebuah tabung yang ditadbir oleh pemegang amanah secara berasingan. Tabung ini dibiayai melalui bayaran daripada syarikat-syarikat dalam Kumpulan. Obligasi persaraan Kumpulan ditentu berasaskan kepada penilaian aktuari tiga tahun sekali (dikemas kini setiap tahun) di mana amaun manfaat yang diperoleh oleh kakitangan layak berdasarkan kepada anggaran imbalan perkhidmatan mereka pada tahun semasa dan tahun-tahun sebelumnya.

Liabiliti berhubung pelan manfaat bertakrif ini adalah nilai saksama obligasi manfaat bertakrif pada tarikh kunci kira-kira, dilaraskan untuk keuntungan dan kerugian aktuari tidak diiktiraf, dan dikurangkan oleh nilai saksama aset pelan.

Obligasi manfaat bertakrif, dikira menggunakan Kaedah Unjuran Kredit Unit, ditentukan oleh sebuah badan aktuari bebas, dengan mempertimbangkan anggaran aliran keluar tunai masa hadapan.

Keuntungan dan kerugian aktuari yang timbul daripada pelarasan pengalaman dan perubahan dalam andaian aktuari. Keuntungan dan kerugian aktuari diiktiraf sebagai pendapatan atau perbelanjaan sepanjang jangkaan baki hayat perkhidmatan kakitangan yang mengambil bahagian apabila keuntungan atau kerugian aktuari tidak diiktiraf terkumpul bagi pelan manfaat bertakrif melebihi 10% lebih tinggi daripada nilai semasa obligasi manfaat bertakrif dan nilai saksama aset pelan pada awal tahun kewangan.

# RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008

### L. MANFAAT KAKITANGAN (sambungan)

#### (iv) Manfaat pemberhentian

Manfaat pemberhentian akan dibayar apabila pekerjaan seorang kakitangan ditamatkan sebelum tarikh persaraan biasa atau apabila seseorang kakitangan menerima pemberhentian sukarela untuk mendapatkan manfaat tersebut. Kumpulan mengiktiraf manfaat pemberhentian sebagai liabiliti dan perbelanjaan apabila ia komited untuk menyediakan manfaat pemberhentian berikutan tawaran yang dibuat bagi menggalakkan pemberhentian sukarela dan tidak berkemungkinan akan ditarik balik.

#### (v) Bayaran berasaskan saham

Sebilangan kakitangan Kumpulan menyertai pampasan berdasarkan saham yang dijelaskan secara ekuiti yang ditawarkan oleh British American Tobacco Holdings (Malaysia) B.V., yang memiliki lima puluh peratus (50%) kepentingan ekuiti dalam Syarikat dan dianggap sebagai syarikat induk muktamad Syarikat.

Pembayaran berdasarkan saham penyelesaian ekuiti diukur pada nilai saksama pada tarikh pemberian dan dibelanjakan sepanjang tempoh pemberian, berasaskan kepada anggaran pemberian British American Tobacco p.l.c. yang akan diletakhak kemudiannya. Nilai saksama diukur dengan menggunakan model peletakan harga Black-Scholes dan Monte-Carlo. Jangkaan hayat yang digunakan dalam model yang dilaraskan, berasaskan anggaran terbaik pengurusan, bagi kesan yang tidak boleh dipindahkan, halangan yang dilaksanakan dan pertimbangan berkaitan tabiat, dilepaskan dan pengalaman masa lampau.

### M. PERBELANJAAN CUKAI

Perbelanjaan cukai semasa ditentukan menurut undang-undang cukai wilayah di mana Kumpulan beroperasi dan merangkumi semua cukai berasaskan kepada keuntungan yang boleh dicukai. Perbelanjaan cukai adalah amaun agregat yang termasuk dalam penentuan keuntungan bagi tempoh berhubung dengan cukai semasa dan cukai tertunda.

Aset dan liabiliti cukai tertunda diperuntukkan sepenuhnya, menggunakan kaedah liabiliti, berhubung perbezaan sementara yang timbul antara aset cukai aset dan liabiliti dan amaun bawanya dalam penyata kewangan. Aset cukai tertunda diiktiraf setakat mana keuntungan masa hadapan yang boleh dicukai mungkin tersedia untuk yang mana perbezaan sementara boleh dikurangkan boleh digunakan.

Cukai tertunda ditentu menggunakan kadar cukai yang berkuat kuasa atau sebahagian besarnya dikuat kuasa pada tarikh kunci kira-kira yang dijangka akan diterima pakai apabila aset cukai tertunda berkaitan direalisasi atau liabiliti cukai tertunda dijelaskan.

### N. MATAWANG ASING

#### (i) Matawang fungsi dan pembentangan

Penyata kewangan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia yang merupakan matawang fungsi dan pembentangan Kumpulan dan Syarikat.

#### (ii) Urus niaga dan baki matawang asing

Urus niaga matawang asing dalam Kumpulan diambilkira pada kadar pertukaran yang berkuat kuasa pada tarikh urus niaga. Aset dan liabiliti kewangan matawang asing ditukar pada kadar yang berkuat kuasa pada tarikh kunci kira-kira. Perbezaan pertukaran yang timbul daripada penjelasan urus niaga matawang asing dan daripada pertukaran aset dan liabiliti kewangan matawang asing dimasukkan dalam penyata pendapatan.

## N. MATAWANG ASING (sambungan)

### (iii) Entiti asing

Aset dan liabiliti subsidiari asing ditukar pada kadar penutup untuk tujuan penyatuan. Butiran penyata pendapatan ditukar pada kadar purata pada tahun kewangan dan perbezaan pertukaran yang terhasil diuruskan dalam ekuiti bagi tahun kewangan.

## O. INSTRUMEN KEWANGAN

Instrumen kewangan dibawa dalam kunci kira-kira meliputi tunai dan baki bank, bayaran akan diterima, pembayaran dan pinjaman. Kaedah pengiktirafan yang khusus diterima pakai didedahkan dalam penyata kewangan berasingan yang berkaitan dengan setiap butiran.

### Instrumen kewangan tidak diiktiraf dalam kunci kira-kira

### Kontrak hadapan matawang asing

Kontrak hadapan matawang asing melindungi Kumpulan daripada perubahan dalam kadar pertukaran dengan mewujudkan kadar aset atau liabiliti matawang asing akan dijelaskan.

Keuntungan dan kerugian pertukaran yang timbul daripada kontrak yang dimeterai sebagai perlindungan nilai urus niaga masa hadapan yang dijangka ditunda sehingga ke tarikh urus niaga berkenaan, yang mana pada masa itu ia akan dimasukkan ke dalam pengukuran urus niaga tersebut.

Semua keuntungan dan kerugian pertukaran lain yang berkaitan dengan instrumen lindung nilai diiktiraf dalam penyata pendapatan pada tempoh yang sama dengan perbezaan pertukaran atas butiran asas yang dilindung nilai. Keuntungan dan kerugian daripada kontrak yang tidak lagi ditetapkan sebagai lindung nilai, dimasukkan dalam penyata pendapatan.

### Anggaran nilai saksama bagi tujuan pendedahan

Nilai saksama hutang jangka panjang adalah berasaskan kepada harga pasaran tercatat pada tarikh kunci kira-kira atau sebut harga wakil penjual bagi instrumen tertentu atau yang sama.

Nilai saksama kontrak pertukaran hadapan ditentu menggunakan kadar pasaran pertukaran hadapan pada tarikh kunci kira-kira.

Dalam menaksir nilai saksama derivatif dan instrumen kewangan tidak didagang, Kumpulan menggunakan pelbagai kaedah dan membuat andaian yang berasaskan kepada keadaan pasaran semasa pada tarikh kunci kira-kira. Model penentuan harga opsyen dan nilai diskaun yang dianggarkan bagi aliran tunai masa hadapan digunakan untuk menentukan nilai saksama instrumen kewangan. Khususnya, nilai saksama liabiliti kewangan dianggarkan dengan mendiskaun aliran tunai masa hadapan pada kadar faedah pasaran semasa yang tersedia untuk Kumpulan bagi instrumen kewangan yang serupa.

Nilai muka, tolak sebarang anggaran pelarasan kredit, bagi aset dan liabiliti kewangan dengan kematangan kurang daripada satu tahun diandaikan hampir dengan nilai saksamanya.

## P. PINJAMAN

Pinjaman dicatatkan pada amaun kutipan diterima, selepas ditolak kos urus niaga.

Perbelanjaan faedah berkaitan dengan pinjaman dilaporkan dalam kewangan dalam penyata pendapatan

Pinjaman dikelaskan sebagai liabiliti semasa melainkan jika Kumpulan mempunyai hak tidak bersyarat untuk menunda penyelesaian liabiliti sekurang-kurangnya selama 12 bulan selepas tarikh kunci kira-kira.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

## 1. MAKLUMAT AM

Syarikat menyediakan perkhidmatan pengurusan dan pentadbiran harian kepada subsidiarinya yang terlibat terutamanya dalam perkilangan, pengimportan dan penjualan rokok, tembakau paip dan cerut.

Syarikat merupakan sebuah syarikat liabiliti terhad awam, yang diperbadankan dan bermastautin di Malaysia, serta tersenarai di Papan Utama Bursa Malaysia Securities Berhad.

Syarikat menganggap British American Tobacco p.l.c., yang diperbadankan di England dan Wales sebagai syarikat induk muktamad.

Alamat pejabat berdaftar dan tempat utama perniagaan Syarikat adalah seperti berikut:

Virginia Park, Jalan Universiti
46200 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan

## 2. HASIL

| | Kumpulan | | Syarikat | |
|---|---|---|---|---|
| | **Tahun berakhir 31.12.08 RM'000** | **Tahun berakhir 31.12.07 RM'000** | **Tahun berakhir 31.12.08 RM'000** | **Tahun berakhir 31.12.07 RM'000** |
| Jualan rokok, tembakau paip dan cerut | **4,135,220** | 3,830,869 | **—** | — |
| Pendapatan dividen daripada subsidiari tidak tercatat | **—** | — | **819,513** | 1,014,009 |
| Yuran pengurusan diterima daripada subsidiari | **—** | — | **6,579** | 6,008 |
| Yuran untuk kegunaan hartanah, loji dan peralatan diterima daripada subsidiari | **—** | — | **6,558** | 10,075 |
| | **4,135,220** | 3,830,869 | **832,650** | 1,030,092 |

## 3. KEUNTUNGAN DARIPADA OPERASI

| | Kumpulan | | Syarikat | |
|---|---|---|---|---|
| | Tahun berakhir 31.12.08 RM'000 | Tahun berakhir 31.12.07 RM'000 | Tahun berakhir 31.12.08 RM'000 | Tahun berakhir 31.12.07 RM'000 |
| Keuntungan daripada operasi diperolehi: | | | | |
| Selepas mengecaj: | | | | |
| Bahan mentah dan barang gunaan | **354,217** | 373,420 | **—** | — |
| Imbuhan juruaudit: | | | | |
| – audit berkanun | **205** | 184 | **60** | 54 |
| – yuran bukan audit | **112** | 174 | **84** | 148 |
| Hartanah, loji dan peralatan (Nota 9): | | | | |
| – susut nilai | **72,152** | 74,884 | **7,093** | 6,064 |
| – kemerosotan nilai | **20,599** | — | **—** | — |
| – kerugian daripada penjualan | **988** | 692 | **—** | 570 |
| – hapuskira | **—** | 13,402 | **—** | — |
| Hartanah pelaburan – susut nilai | **—** | 190 | **—** | — |
| Palunasan tanah pegangan pajakan (Nota 10) | **371** | 1,774 | **23** | 23 |
| Pelunasan perisian komputer (Nota 11) | **8,028** | 4,517 | **8,028** | 4,517 |
| Kerugian kerosotan nilai pelaburan | **—** | — | **—** | 2,067 |
| Sewa tanah dan bangunan | **6,752** | 4,563 | **—** | — |
| Inventori dihapuskira | **2,269** | 93 | **—** | — |
| Peruntukan bagi hutang ragu | **1,609** | 4,958 | **—** | — |
| Kerugian tukaran asing bersih | **362** | 2,729 | **—** | 4,941 |
| Kos kakitangan (Nota 5) | **134,924** | 101,453 | **33,098** | 26,744 |
| Dan mengkredit: | | | | |
| Hartanah, loji dan peralatan: | | | | |
| – keuntungan daripada penjualan | **—** | — | **487** | — |
| Pendapatan faedah | **7,619** | 9,965 | **79** | 182 |
| Keuntungan tukaran asing bersih | **—** | — | **2,899** | — |

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

## 4. IMBUHAN PENGARAH

| | Kumpulan | | Syarikat | |
|---|---|---|---|---|
| | Tahun berakhir 31.12.08 RM'000 | Tahun berakhir 31.12.07 RM'000 | Tahun berakhir 31.12.08 RM'000 | Tahun berakhir 31.12.07 RM'000 |
| Yuran | **511** | 488 | **511** | 463 |
| Emolumen lain | **7,712** | 6,586 | **6,067** | 5,009 |
| | **8,223** | 7,074 | **6,578** | 5,472 |

Anggaran nilai kewangan manfaat yang diperuntukkan kepada Pengarah Kumpulan dan Syarikat pada tahun kewangan masing-masing berjumlah RM1,138,082 (2007: RM1,050,286) dan RM870,174 (2007: RM904,638).

Bayaran berasaskan saham yang dibuat kepada Pengarah Kumpulan dan Syarikat (sepanjang perkhidmatan mereka dengan Kumpulan) pada tahun kewangan melalui penyertaan mereka dalam skim saham pekerja (Nota 28) yang ditawarkan oleh British American Tobacco p.l.c.

Butiran mengenai perubahan pengaturan bayaran berdasarkan saham penyelesaian ekuiti pada tahun berakhir 31 Disember 2008, meliputi Skim Bonus Saham Tertunda dan Skim Ganjaran Saham Antarabangsa adalah seperti berikut:

| | Bilangan saham biasa bernilai 25p sesaham dalam British American Tobacco p.l.c. | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | Pada 1.1.08/ Tarikh pelantikan | Diberi pada 2008 | Letakhak pada 2008 | Pergerakan lain* | Pada 31.12.08 |
| **Pengarah Eksekutif** | | | | | |
| Skim Bonus Saham Tertunda | 18,006 | 4,278 | (4,942) | (9,580) | 7,762 |
| Skim Ganjaran Saham Antarabangsa | 861 | — | — | (861) | — |
| | 18,867 | 4,278 | (4,942) | (10,441) | 7,762 |

** Pergerakan lain berkaitan dengan perubahan Pengarah pada tahun kewangan.*

## 4. IMBUHAN PENGARAH (sambungan)

Butiran mengenai pergerakan penyertaan para Pengarah dalam Insentif Jangka Panjang penyelesaian ekuiti dan Skim Opsyen Saham adalah seperti berikut:

| | Bilangan opsyen saham biasa bernilai 25p sesaham dalam British American Tobacco p.l.c. | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | Pada 1.1.08/ Tarikh pelantikan | Diberi pada 2008 | Dilaksana pada 2008 | Pergerakan lain* | Pada 31.12.08 |
| **Harga pemberian** | | | | | |
| £5.98 | 7,392 | — | — | — | 7,392 |
| £8.09 | 5,163 | — | — | — | 5,163 |
| £10.37 | 15,535 | — | (8,678) | — | 6,857 |
| £14.34 | 19,460 | — | — | (14,042) | 5,418 |
| £15.41 | 20,609 | — | — | (15,431) | 5,178 |
| £19.03 | — | 14,978 | — | — | 14,978 |
| | 68,159 | 14,978 | (8,678) | (29,473) | 44,986 |

** Pergerakan lain berkaitan dengan perubahan berikutan pertukaran para Pengarah pada tahun kewangan.*

## 5. KOS KAKITANGAN

| | Kumpulan | | Syarikat | |
|---|---|---|---|---|
| | Tahun berakhir 31.12.08 RM'000 | Tahun berakhir 31.12.07 RM'000 | Tahun berakhir 31.12.08 RM'000 | Tahun berakhir 31.12.07 RM'000 |
| Upah, gaji dan bonus | **104,301** | 78,927 | **23,519** | 17,761 |
| Pelan caruman bertakrif | **19,442** | 14,055 | **3,576** | 2,098 |
| Ganjaran pemberhentian | **5,913** | — | **2,598** | — |
| Perbelanjaan berkaitan kakitangan lain | **5,268** | 8,471 | **3,405** | 6,885 |
| | **134,924** | 101,453 | **33,098** | 26,744 |

Kumpulan dengan sukarela menyediakan caruman tambahan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) melebihi keperluan berkanun untuk sebilangan besar kakitangan sekarang yang menyertai skim caruman bertakrif yang ditawarkan oleh Kumpulan.

Kos kakitangan meliputi amaun untuk emolumen lain sebagai sebahagian daripada imbuhan Pengarah seperti dinyatakan dalam Nota 4 kepada penyata kewangan.

Kos kakitangan yang dicaj semula oleh Syarikat kepada subsidiari berjumlah RM30,652,928 (2007: RM26,388,056).

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

## 6. PERBELANJAAN CUKAI

Caj cukai atas keuntungan bagi tahun kewangan meliputi berikut:

| | Kumpulan | | Syarikat | |
|---|---|---|---|---|
| | Tahun berakhir 31.12.08 RM'000 | Tahun berakhir 31.12.07 RM'000 | Tahun berakhir 31.12.08 RM'000 | Tahun berakhir 31.12.07 RM'000 |
| **Berhubung tahun kewangan semasa** | | | | |
| Cukai semasa | | | | |
| – Cukai pendapatan Malaysia | **284,614** | 269,316 | **44,076** | 257,538 |
| – Cukai asing | **44** | 42 | **—** | — |
| Cukai tertunda (Nota 14) | **(15,175)** | 1,612 | **—** | (958) |
| | **269,483** | 270,970 | **44,076** | 256,580 |

Kadar cukai berkesan purata Kumpulan dan Syarikat yang disesuaikan semula kepada kadar cukai berkanun adalah seperti berikut:

| | Kumpulan | | Syarikat | |
|---|---|---|---|---|
| | Tahun berakhir 31.12.08 RM'000 | Tahun berakhir 31.12.07 RM'000 | Tahun berakhir 31.12.08 RM'000 | Tahun berakhir 31.12.07 RM'000 |
| Kadar cukai berkanun | **26%** | 27% | **26%** | 27% |
| Perbelanjaan tidak boleh dikurangkan untuk tujuan cukai | **1%** | 1% | **—** | — |
| Penggunaan peruntukan pelaburan semula | **(1%)** | (1%) | **—** | — |
| Pendapatan tidak tertakluk kepada cukai | **—** | — | **(21%)** | — |
| Perubahan dalam kadar cukai | **(1%)** | — | **—** | — |
| Kadar cukai berkesan purata | **25%** | 27% | **5%** | 27% |

## 7. PENDAPATAN SESAHAM

Pendapatan sesaham dikira dengan membahagikan keuntungan bagi tahun kewangan dengan jumlah saham biasa dalam terbitan.

| | Kumpulan | |
|---|---|---|
| | Tahun berakhir 31.12.08 | Tahun berakhir 31.12.07 |
| Keuntungan bagi tahun kewangan (RM'000) | **811,683** | 731,931 |
| Bilangan saham biasa bernilai 50 sen sesaham dalam terbitan ('000) | **285,530** | 285,530 |
| Pendapatan sesaham (sen) | **284.3** | 256.3 |

## 8. DIVIDEN

Dividen dibayar, diisytihar atau disyorkan berhubung tahun kewangan adalah seperti berikut:

| | Kumpulan dan Syarikat | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | Tahun berakhir 31.12.08 | | | Tahun berakhir 31.12.07 | | |
| | Kasar sesaham Sen | Bersih sesaham Sen | Jumlah dividen RM'000 | Kasar sesaham Sen | Bersih sesaham Sen | Jumlah dividen RM'000 |
| Dividen interim pertama dibayar | **113.0** | **113.0** | **322,649** | 150.0 | 109.5 | 312,655 |
| Dividen interim kedua dibayar | **76.0** | **76.0** | **217,003** | 100.0 | 73.0 | 208,437 |
| Dividen akhir disyorkan | — | — | — | 15.0 | 11.1 | 31,694 |
| Dividen akhir disyorkan, dikecualikan cukai | **76.0** | **76.0** | **217,003** | 62.9 | 62.9 | 179,598 |
| | **265.0** | **265.0** | **756,655** | 327.9 | 256.5 | 732,384 |

Dividen interim dibayar dan diambilkira dalam ekuiti pemegang saham sebagai pembahagian pendapatan tertahan pada tahun kewangan.

Di Mesyuarat Agung Tahunan akan datang yang akan diadakan pada 20 April 2009, dividen akhir berhubung dengan tahun kewangan berakhir 31 Disember 2008 sebanyak 76.00 sen sesaham, dikecualikan cukai di bawah sistem satu peringkat, berjumlah RM217,002,800 akan disyorkan untuk kelulusan pemegang saham (2007: dividen akhir bersih 74.00 sen sesaham, berjumlah RM211,292,200 yang meliputi dividen 15.00 sen kasar sesaham, tolak cukai Malaysia 26% masing-masing berjumlah RM31,693,830 dan 62.90 sen dividen sesaham, dikecualikan cukai di bawah sistem satu peringkat, berjumlah RM179,598,370). Penyata kewangan ini tidak menggambarkan dividen akhir yang disyorkan, tetapi akan diambilkira dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

## 9. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

| | Tanah dan Bangunan RM'000 | Jentera dan Peralatan RM'000 | Perabot dan Kelengkapan RM'000 | Kenderaan Bermotor RM'000 | Modal Kerja dalam Pelaksanaan RM'000 | Jumlah RM'000 |
|---|---|---|---|---|---|---|
| **KUMPULAN** | | | | | | |
| **Nilai buku bersih 1 Januari 2007** | 95,008 | 284,522 | 39,607 | 23,074 | 36,477 | 478,688 |
| Tambahan | 368 | 7,427 | 7,216 | 18,646 | 21,506 | 55,163 |
| Pelupusan | — | (2,548) | (1,222) | (1,201) | (1,239) | (6,210) |
| Hapuskira | — | (13,402) | — | — | — | (13,402) |
| Pengkelasan semula | — | 24,031 | 16,734 | — | (40,765) | — |
| Caj susut nilai | (3,545) | (37,914) | (26,176) | (7,249) | — | (74,884) |
| Pindahan kepada aset dipegang untuk jualan (Nota 15) | (818) | — | — | — | — | (818) |
| Pindahan dari aset dipegang untuk jualan (Nota 15) | 1,422 | — | — | — | — | 1,422 |
| **Nilai buku bersih pada 31 Disember 2007** | **92,435** | **262,116** | **36,159** | **33,270** | **15,979** | **439,959** |
| **Tambahan** | **2,534** | **9,094** | **9,179** | **19,727** | **61,002** | **101,536** |
| **Pelupusan** | **(805)** | **(2,876)** | **(710)** | **(5,729)** | **—** | **(10,120)** |
| **Kemerosotan nilai** | **—** | **(20,599)** | **—** | **—** | **—** | **(20,599)** |
| **Pengkelasan semula** | **—** | **8,482** | **7,942** | **—** | **(16,424)** | **—** |
| **Caj susut nilai** | **(2,561)** | **(33,906)** | **(28,594)** | **(7,091)** | **—** | **(72,152)** |
| **Nilai buku bersih pada 31 Disember 2008** | **91,603** | **222,311** | **23,976** | **40,177** | **60,557** | **438,624** |
| **Pada 31 Disember 2007** | | | | | | |
| Kos | 146,770 | 405,918 | 165,356 | 63,946 | 15,979 | 797,969 |
| Penilaian | 1,227 | — | — | — | — | 1,227 |
| Susut nilai terkumpul | (55,562) | (143,802) | (129,197) | (30,676) | — | (359,237) |
| **Nilai buku bersih** | 92,435 | 262,116 | 36,159 | 33,270 | 15,979 | 439,959 |
| **Pada 31 Disember 2008** | | | | | | |
| **Kos** | **148,385** | **414,039** | **153,679** | **66,625** | **60,557** | **843,285** |
| **Penilaian** | **1,227** | **—** | **—** | **—** | **—** | **1,227** |
| **Susut nilai dan kemerosotan nilai terkumpul** | **(58,009)** | **(191,728)** | **(129,703)** | **(26,448)** | **—** | **(405,888)** |
| **Nilai buku bersih** | **91,603** | **222,311** | **23,976** | **40,177** | **60,557** | **438,624** |

## 9. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (sambungan)

| | Tanah dan Bangunan RM'000 | Jentera dan Peralatan RM'000 | Perabot dan Kelengkapan RM'000 | Kenderaan Bermotor RM'000 | Modal Kerja dalam Pelaksanaan RM'000 | Jumlah RM'000 |
|---|---|---|---|---|---|---|
| **SYARIKAT** | | | | | | |
| **Nilai buku bersih pada 1 Januari 2007** | 9,193 | 837 | 9,101 | 3,346 | 806 | 23,283 |
| Tambahan | — | — | 6,058 | 2,272 | 913 | 9,243 |
| Pengkelasan semula | — | — | 782 | — | (782) | — |
| Pelupusan | — | — | (557) | (502) | — | (1,059) |
| Caj susut nilai | (312) | (47) | (4,971) | (734) | — | (6,064) |
| **Nilai buku bersih pada 31 Disember 2007** | **8,881** | **790** | **10,413** | **4,382** | **937** | **25,403** |
| **Tambahan** | **360** | **37** | **3,190** | **3,562** | **146** | **7,295** |
| **Pelupusan** | **(552)** | **—** | **(70)** | **(686)** | **—** | **(1,308)** |
| **Caj susut nilai** | **(313)** | **(49)** | **(6,006)** | **(725)** | **—** | **(7,093)** |
| **Nilai buku bersih pada 31 Disember 2008** | **8,376** | **778** | **7,527** | **6,533** | **1,083** | **24,297** |
| **Pada 31 Disember 2007** | | | | | | |
| Kos | 12,696 | 1,245 | 43,861 | 6,972 | 937 | 65,711 |
| Penilaian | 611 | — | — | — | — | 611 |
| Susut nilai terkumpul | (4,426) | (455) | (33,448) | (2,590) | — | (40,919) |
| **Nilai buku bersih** | 8,881 | 790 | 10,413 | 4,382 | 937 | 25,403 |
| **Pada 31 Disember 2008** | | | | | | |
| **Kos** | **12,390** | **1,282** | **34,929** | **8,905** | **1,083** | **58,589** |
| **Penilaian** | **611** | **—** | **—** | **—** | **—** | **611** |
| **Susut nilai terkumpul** | **(4,625)** | **(504)** | **(27,402)** | **(2,372)** | **—** | **(34,903)** |
| **Nilai buku bersih** | **8,376** | **778** | **7,527** | **6,533** | **1,083** | **24,297** |

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

## 9. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (sambungan)

| | Tanah Milik Bebas Kos RM'000 | Bangunan Kos RM'000 | Bangunan Penilaian RM'000 | Jumlah Tanah dan Bangunan RM'000 |
|---|---|---|---|---|
| **Kumpulan** | | | | |
| **Nilai buku bersih pada 1 Januari 2007** | 455 | 94,368 | 185 | 95,008 |
| Tambahan | — | 368 | — | 368 |
| Caj susut nilai | — | (3,531) | (14) | (3,545) |
| Pindahan kepada aset dipegang untuk jualan (Nota 15) | — | — | (818) | (818) |
| Pindahan dari aset dipegang untuk jualan (Nota 15) | — | — | 1,422 | 1,422 |
| **Nilai buku bersih pada 31 Disember 2007** | **455** | **91,205** | **775** | **92,435** |
| **Tambahan** | **—** | **2,534** | **—** | **2,534** |
| **Pelupusan** | **(350)** | **(455)** | **—** | **(805)** |
| **Caj susut nilai** | **—** | **(2,033)** | **(528)** | **(2,561)** |
| **Nilai buku bersih pada 31 Disember 2008** | **105** | **91,251** | **247** | **91,603** |
| **Pada 31 Disember 2007** | | | | |
| Kos | 455 | 146,315 | — | 146,770 |
| Penilaian | — | — | 1,227 | 1,227 |
| Susut nilai terkumpul | — | (55,110) | (452) | (55,562) |
| **Nilai buku bersih** | 455 | 91,205 | 775 | 92,435 |
| **Pada 31 Disember 2008** | | | | |
| **Kos** | **105** | **148,280** | **—** | **148,385** |
| **Penilaian** | **—** | **—** | **1,227** | **1,227** |
| **Susut nilai terkumpul** | **—** | **(57,029)** | **(980)** | **(58,009)** |
| **Nilai buku bersih** | **105** | **91,251** | **247** | **91,603** |

## 9. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (sambungan)

| | Tanah Milik Bebas | Bangunan | | Jumlah Tanah dan Bangunan |
|---|---|---|---|---|
| | Kos RM'000 | Kos RM'000 | Penilaian RM'000 | RM'000 |
| **SYARIKAT** | | | | |
| **Nilai buku bersih pada 1 Januari 2007** | 455 | 8,553 | 185 | 9,193 |
| Caj susut nilai | — | (298) | (14) | (312) |
| **Nilai buku bersih pada 1 Disember 2007** | **455** | **8,255** | **171** | **8,881** |
| **Tambahan** | **—** | **360** | **—** | **360** |
| **Pelupusan** | **(350)** | **(202)** | **—** | **(552)** |
| **Caj susut nilai** | **—** | **(299)** | **(14)** | **(313)** |
| **Nilai buku bersih pada 31 Disember 2008** | **105** | **8,114** | **157** | **8,376** |
| **Pada 31 Disember 2007** | | | | |
| Kos | 455 | 12,241 | — | 12,696 |
| Penilaian | — | — | 611 | 611 |
| Susut nilai terkumpul | — | (3,986) | (440) | (4,426) |
| **Nilai buku bersih** | 455 | 8,255 | 171 | 8,881 |
| **Pada 31 Disember 2008** | | | | |
| **Kos** | **105** | **12,285** | **—** | **12,390** |
| **Penilaian** | **—** | **—** | **611** | **611** |
| **Susut nilai terkumpul** | **—** | **(4,171)** | **(454)** | **(4,625)** |
| **Nilai buku bersih** | **105** | **8,114** | **157** | **8,376** |

Tanah dan bangunan milik bebas telah dinilai semula oleh para Pengarah pada 1 Julai 1983 bersaskan kepada penilaian profesional bebas menggunakan nilai pasaran saksama berasaskan kegunaan semasa.

Tambahan berikutnya kepada penilaian semula ini dinyatakan pada kos.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

## 9. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (sambungan)

Nilai buku bersih bangunan dinilai semula Kumpulan dan Syarikat yang mungkin dimasukkan dalam penyata kewangan, jika aset ini dibawa pada kos tolak susut nilai terkumpul, adalah seperti berikut:

| | Kumpulan | | Syarikat | |
|---|---|---|---|---|
| | 2008 RM'000 | 2007 RM'000 | 2008 RM'000 | 2007 RM'000 |
| Bangunan | **40** | 44 | **9** | 13 |

## 10. TANAH PEGANGAN PAJAKAN

| | Kumpulan | | Syarikat | |
|---|---|---|---|---|
| | 2008 RM'000 | 2007 RM'000 | 2008 RM'000 | 2007 RM'000 |
| **Nilai buku bersih pada 1 Januari** | **20,826** | 22,600 | **1,132** | 1,155 |
| Caj pelunasan | **(371)** | (1,774) | **(23)** | (23) |
| **Nilai buku bersih pada 31 Disember** | **20,455** | 20,826 | **1,109** | 1,132 |
| **Kos** | **29,078** | 29,078 | **1,565** | 1,565 |
| **Pelunasan terkumpul** | **(8,623)** | (8,252) | **(456)** | (433) |
| **Nilai buku bersih** | **20,455** | 20,826 | **1,109** | 1,132 |

Tanah pegangan pajakan telah dinilai semula oleh Pengarah pada 1 Julai 1983 berasaskan penilaian profesional bebas menggunakan nilai pasaran semasa berasaskan kegunaan semasa.

Tambahan selanjutnya kepada penilaian semula ini dinyatakan pada kos.

## 11. PERISIAN KOMPUTER

| | Kumpulan | | Syarikat | |
|---|---|---|---|---|
| | 2008 RM'000 | 2007 RM'000 | 2008 RM'000 | 2007 RM'000 |
| **Nilai buku bersih pada 1 Januari** | **21,091** | 14,100 | **21,091** | 14,100 |
| Tambahan | **2,172** | 11,508 | **2,026** | 11,508 |
| Pelupusan | **(3)** | — | **(3)** | — |
| Caj pelunasan | **(8,028)** | (4,517) | **(8,028)** | (4,517) |
| **Nilai buku bersih pada 31 Disember** | **15,232** | 21,091 | **15,086** | 21,091 |
| **Kos** | **27,777** | 25,608 | **27,631** | 25,608 |
| **Pelunasan terkumpul** | **(12,545)** | (4,517) | **(12,545)** | (4,517) |
| **Nilai buku bersih** | **15,232** | 21,091 | **15,086** | 21,091 |

## 12. MUHIBAH

| | Kumpulan | |
|---|---|---|
| | 2008 RM'000 | 2007 RM'000 |
| **Nilai buku bersih pada 31 Disember** | **411,618** | 411,618 |

Muhibah timbul daripada pengambilalihan perniagaan Malaysian Tobacco Company Berhad (MTC) dan merupakan lebihan nilai saksama pertimbangan pembayaran atas bahagian nilai saksama Kumpulan daripada aset bersih syarikat subsidiari (iaitu Commercial Marketers and Distributors Sdn. Bhd. (CMD) untuk perniagaan pemasaran dan Tobacco Blenders and Manufacturers Sdn. Bhd. (TBM) bagi perniagaan pengilangan tembakau) yang diperoleh pada 2 November 1999, iaitu tarikh pengambilalihan.

